

Jilid III
Bil. 13



Hari Khamis
23hb Mac, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2201]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Kesihatan Y.B. Ahli dari Tanjong—Y.B. Dr Tan Seng Giaw (Kepong)
[Ruangan 2267]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 2271]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K./D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., PLS. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar.Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., PLS. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Partimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng),
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uns (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTJNE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong),
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., **P.S.** (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ Ds NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEJKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S, J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kemping).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJJ WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis)

- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

DASAR PETROLEUM NEGARA

1. Dato' Haji Mohanunad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar jangka panjang Malaysia di dalam mencariganti dan pengeluaran petrol dan gas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Petroleum Negara yang ada, mempunyai ciri-ciri dan objektif seperti berikut:

- (i) menggunakan dengan sebaik-baiknya sumber-sumber minyak negara sebagai satu keutamaan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan-keperluan negara melalui penyediaan bahan-bahan yang cukup dengan harga-harga yang berpatutan bagi penggunaan dalam negeri termasuk keperluan-keperluan tenaga, perusahaan dan pertanian;
- (ii) menjadikan suasana pelaburan di negara ini lebih menarik dengan mengadakan peluang-peluang baru untuk

perusahaan-perusahaan yang banyak menggunakan bahan kuasa dan petrokimia bagi pasaran tempatan dan eksport;

- (iii) mengambil peluang menambahkan pendapatan hasil dan eksport melalui eksport minyak dan gas ke pasaran-pasaran asing;
- (iv) menentukan supaya rakyat Malaysia mengambil bahagian yang cukup dari segi hakmiik, pengurusan dan penguasaan di semua peringkat kegiatan perusahaan minyak yang meliputi dari kegiatan carigali sehinggalah kegiatan pemasaran dan pembahagian, sama ada di peringkat-peringkat tempatan atau di peringkat antarabangsa; dan
- (v) menentukan sumber-sumber minyak dan gas negara yang terhad itu dapat dicarigali secara optima dari segi sosial dan ekonomi selepas mengambilkira keperluan menjaga sumber-sumber tersebut dan perlindungan keadaan alam sekitar.

Seiring dengan itu, perancangan aktiviti mencarigali petroleum dan gas selanjutnya didasarkan pula kepada Dasar Kadar Susutan, dengan izin, depletion, Negara. Dasar tersebut telah menetapkan di antara lain iaitu pengawalan pengeluaran dikenakan ke atas medan-medan pengeluaran minyak yang besar iaitu bagi medan-medan minyak yang mempunyai rizab "Oil Initial In Place", dengan izin,

yang dianggarkan melebihi 400 juta tong, dengan menghadkan pengeluaranannya pada kadar 3% daripada "Oil Initial In Place", dengan izin, dalam satu tahun. Pengeluaran bagi medan-medan besar berkenaan boleh juga ditanggungkan selama tiga tahun hingga lima tahun.

Daripada dasar-dasar yang disebutkan di atas, jelaslah yang Kerajaan mengambilkira kepentingan negara serta industri-industri tempatan dalam usaha mencarigali dan pengeluaran petroleum dan gas negara ini. Dalam ertikata lain, dengan adanya dasar berkenaan kita akan dapat menggunakan hasil petroleum dan gas negara ini secara optima.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambah. Apakah dasar pelaburan yang dibuat oleh PETRONAS mengambilkira hakikat bahawa pada suatu hari semua rizab petrol dan gas akan habis. Dan di dalam jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedikit hari lalu dan jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi menyatakan bahawa kebanyakan pelaburan-pelaburan PETRONAS dibuat dalam bidang petrol dan gas. Jadi, berapa banyakkah saya ingin tahu pelaburan-pelaburan yang PETRONAS telah lakukan di dalam bidang-bidang bukan petroleum dan gas; selain daripada Bank Bumiputra dan MAS, khususnya di dalam bidang industri pembuatan yang menjadikan tulang belakang pembangunan sektor industri di negara kita.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini agak terkeluar daripada soalan asal. Namun demikian, pihak Kerajaan sentiasa menggunakan budibicara untuk memastikan supaya pelaburan itu tidak menjejaskan kadar keluaran minyak kita mengikut keadaan yang ada sekarang kerana mengikut kadar pengeluaran minyak mentah yang ada sekarang, jumlah rizab minyak mentah yang ada akan

kehausan dalam jangka masa lebih kurang 14 tahun tetapi bagi gas pula keadaannya lebih baik, iaitu dijangka mengikut kadar pengeluaran sekarang rizab gas negara akan hanya kehausan dalam jangka masa lebih kurang 100 tahun lagi. Jadi, memandangkan kepada hakikat dan keadaan berkenaan pastilah Kerajaan menggubal dasar-dasar termasuk dasar yang bersabit dengan soalan pelaburan itu mengambilkira untuk memastikan keadaan ini adalah terjamin.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati kepada dasar yang kedua iaitu rakyat Malaysia digalakkan untuk mengambil bahagian yang mencukupi di sektor petroleum dan gas. Saya ingin tahu dengan lebih lanjut iaitu kenapakah rakyat negeri Terengganu hanya sekadar diambil iaitu setakat 22% sahaja, sedangkan hasil petroleum dan gas boleh dikatakan 90% lebih datangnya dari negeri berkenaan. Apakah yang dimaksudkan rakyat Malaysia diambilkira untuk mengambil bahagian yang mencukupi sedangkan peratusannya begitu ketara rendah dan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan sekurang-kurangnya rakyat negeri Terengganu berada kepada tahap 51%?

Soalan yang kedua, kita dapati simpanan petroleum dan gas memang banyak dan saya ingin mendapat tahu berapa lamakah simpanan ini dapat kita kekalkan dan berapa banyakkah gas-gas yang tersimpan di tempat yang berkenaan kerana setahu saya sekarang ini dasar dari segi pengeluaran ada ditentukan untuk memastikan bahawa gas itu disimpan dan akan diambil pada suatu hari nanti, bilakah yang dimaksudkan pada satu hari nanti itu?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa kepentingan penglibatan dari rakyat Malaysia dapat ditentukan

mengambil bahagian secara yang seimbang. Walaupun bahan ataupun sumber-sumbernya datang daripada satu negeri di dalam negara Malaysia tetapi itu tidaklah bererti bahawa mengikut quantum kelebihan pengeluaran bahan itu bererti bahawa penyertaan daripada satu negeri itu mestilah selaras kerana asas penentuan itu mestilah berasaskan kepada rancangan Blueprint yang telah disediakan oleh Kerajaan, juga berasaskan kepada memenuhi syarat-syarat penyertaan seperti yang digariskan oleh pihak Kerajaan iaitu melalui pebadanan PETRONAS.

Mengenai Blueprint Kerajaan telah mendapat persetujuan untuk digunakan sebagai memastikan supaya penglibatan rakyat Malaysia itu akan dapat dilakukan secara sistematik mengikut berbagai kategori daripada keadaan sekarang itu dapat kita kaitkan dengan soal penyeliaan yang dijalankan terutamanya dengan mengambilkira juga penyertaan daripada perbadanan petroleum daripada badan-badan antarabangsa, umpamanya dari segi Malaysia-nisation, dengan izin, yang mengambil kira penyertaan rakyat Malaysia untuk memastikan supaya setimpal dengan industri teknologi petroleum. Jadi, dengan itu saya rasa mestilah kita menyerahkan kebijaksanaan itu atas budibicara Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai.

(Soalan No, 2 Y.B. Tuan Tan Kok Wai tidak hadir).

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA—PROJEK TERBENGKALAI DI SABAH

3. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga kini berapakah jumlah wang yang diperuntukkan kepada Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima

telah dikeluarkan dan apakah projek-projek yang telah siap dan sempurna dilaksanakan oleh Kerajaan Sabah. Adakah projek-projek yang terbengkalai atau yang belum sempurna dilaksanakan. Jika ada, apakah sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kelima kepada Sabah adalah berjumlah \$2,716.6 juta iaitu bagi 239 projek di Sabah. Sebanyak \$2,016 juta atau 74.2% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kelima tersebut telah dikeluarkan bagi membiayai projek-projek di Sabah sehingga akhir Disember, 1988. 39 projek telah siap dilaksanakan dan 200 projek masih dalam berbagai peringkat pelaksanaan iaitu 25 projek akan disiapkan dalam tahun 1989, 160 projek akan disiapkan pada tahun 1990 dan 15 projek lagi dijangka siap menjangkau ke dalam Rancangan Malaysia Keenam. Tidak ada projek terbengkalai. Walau bagaimanapun, beberapa masalah dikenalpasti yang menyebabkan sesuatu projek lambat disempurnakan. Di antara masalah-masalah itu ialah masalah pemborong, masalah tawaran tender, masalah bekalan bahan dan masalah pengurusan.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Saya difahamkan bahawa ada peruntukan kewangan untuk projek-projek tertentu tidak dapat dijalankan dan peruntukan tersebut ditarik balik. Apakah perkara ini berlaku disebabkan analisa tidak tepat dan tidak mengikut rancangan seperti kelambatan penyaluran kewangan dan seterusnya apakah jaminan yang dapat diberikan oleh Kementerian Kewangan supaya perkara ini tidak berlaku lagi? Terima kasih.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan tadi ada sebahagian peruntukan tidak

dapat dibiayai dalam tahun ini adalah kerana disebabkan oleh beberapa masalah yang saya tidak dapat sebutkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sentiasa mengkaji projek-projek yang telah dikemukakan supaya peruntukan diberikan dapat dibiayai dalam tahun yang berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, bagi pihak Kementerian Kewangan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa pada tahun-tahun yang akan datang Kementerian Kewangan akan terus menjamin peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada sesuatu negeri dapat dibiayai pada tahun yang berkenaan.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Timbalan Menteri telah menyatakan beberapa masalah yang tertentu yang menyebabkan tergendalanya beberapa projek utama di negeri Sabah. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan langkah-langkah Kementerian Kewangan untuk mengatasi masalah-masalah seperti yang telah disebutkan tadi?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan pada satu tempoh yang ditetapkan adalah disebabkan oleh berbagai masalah. Masalah ini berpunca bukan sahaja daripada Kerajaan Persekutuan tetapi juga Kerajaan-kerajaan peringkat Negeri. Saya tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan langkah-langkah yang lengkap untuk menjamin bahawa masalah ini tidak timbul lagi pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah bekerjasama lebih rapat lagi dengan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing supaya masalah yang timbul pada tahun-tahun lalu dapat dikurangkan kepada satu tahap yang rendah sekali. Terima kasih.

Tuan P. Patto: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau ada menyatakan bahawa ada banyak masalah yang berpunca dari Kerajaan Pusat dan oleh kerana Parlimen adalah tempat dan Dewan perundangan tertinggi dalam negara, Parlimen berhak mengetahui apakah masalah-masalah yang berpunca dari Kerajaan Pusat yang mengakibatkan tergendalanya beberapa projek termasuk projek yang disebutkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen dari Ipoh itu tidak dengar jawapan saya tadi. Saya telah sebut di dalam jawapan saya tadi ada beberapa masalah, di antaranya masalah ini ialah masalah pemborong, masalah tawaran tender, masalah bekalan bahan dan masalah pengurusan. Jikalau saya hendak terangkan dengan secara terperinci masalah-masalah yang telah saya sebutkan tadi ini akan memakan masa yang panjang. Jadi, apabila saya katakan masalah pemborong, masalah tawaran tender, masalah bekalan bahan, itulah masalahnya yang diantaranya yang timbul. Walau bagaimanapun, saya ingin di sini menyatakan bahawa masalah-masalah ini bukanlah masalah serius oleh kerana nampaknya di Sabah sebanyak 74.2% daripada jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan telah dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beliau memberikan jawapan bertulis kepada saya oleh kerana ianya panjang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terpulanglah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Bolehkah Tuan Speaker mengarahkan beliau berbuat demikian?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak boleh.

Tuan P. Patto: Jangan takut kepada dia, dia hanya Timbalan Menteri MCA sahaja. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan takut, itu ikut peraturan. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menyebut di antara masalah-masalah dan sebab-sebab terbengkalainya satu-satu projek itu ialah masalah tender dan masalah pembekal. Saya kurang pasti sama ada Yang Berhormat telah menyentuh dan mengenalpasti tentang keputusan Kementerian atau Kerajaan memilih tender-tender yang paling rendah sedangkan Kementerian sendiri mengetahui bahawa jumlah tender yang dikemukakan itu memang tidak boleh buat tetapi diserahkan juga dan diluluskan kepada kontraktor berkenaan. Inilah salah satunya di antara sebab-sebab terbengkalai projek itu. Mengapa tidak diberi kepada penender-penender yang mempunyai kemampuan sebenarnya dan mempunyai kadar yang boleh dipegang. Terima kasih.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya tidak nafikan bahawa jikalau satu-satu projek diberikan kepada satu tender yang rendah sekali mungkin masalah-masalah yang saya sebutkan tadi itu timbul oleh kerana tender yang rendah sekali mungkin bukanlah satu tender kontraktor yang baik sekali. Walau bagaimanapun bukan practicelah Kerajaan selalu memberikan kerja macam itu kepada satu kontrak atau satu tender yang rendah sekali. Kementerian

Kewangan pun menyemak tender-tender yang telah dikemukakan atau ditawarkan supaya apa yang disebutkan dalam kertas itu adalah benar bahawa apabila kerja atau projek itu diberikan kepada kontraktor itu, kerja itu akan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

HUTANG NEGARA

4. Tuan Lee Lam Thye Minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) hutang-hutang negara bagi tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988;
- (b) jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986, 1987 dan 1988;
- (c) nyatakan amaun hutang luar dan dalam negeri bagi tempoh yang sama; dan
- (d) amaun perbelanjaan kerana hutang bagi tempoh tersebut dan memandangkan kenaikan kadar Yen Jepun, bagaimanakah seriusnya ke atas perbelanjaan kerana hutang kita masa kini dan apakah kita boleh berbuat bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) hutang luar negara bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

1986—	\$50,889 juta
1987—	\$50,369 juta
1988—	546,795 juta
- (b) Bagi menjawab soalan (b) dan (c), jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

1986—	\$74,008 juta
1987—	\$82,018 juta
1988—	\$87,718 juta

Jumlah hutang ini meliputi hutang luar dan dalam negeri seperti berikut:

	<i>Dalam Negeri</i>	<i>Luar Negeri</i>
1986	\$45,698 juta	\$28,310 juta
1987	\$54,389 juta	\$27,629 juta
1988	\$61,738 juta	\$25,980 juta

- (d) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum perbelanjaan Kerajaan kerana hutang ini meliputi bayaran faedah dan pokok (principal). Amaun perbelanjaan bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut;

1986—\$ 6,809 juta

1987—\$10,104 juta

1988—\$23,775 juta

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa kenaikan nilai matawang Yen telah pun menambahkan perbelanjaan hutang. Walau bagaimanapun, tambahan perbelanjaan hutang ini hanyalah meningkat lebih kurang 2% bagi tahun 1988 berbanding dengan perbelanjaan tahun 1987.

Kerajaan adalah senantiasa peka terhadap kesan perubahan nilai sesuatu matawang asing terutamanya Yen ke atas beban hutang negara. Oleh yang demikian, langkah-langkah seperti membuat pembayaran lebih awal (repayment) atau pembiayaan semula (rescheduling) ke atas pinjaman-pinjaman yang mempunyai syarat-syarat yang tidak menguntungkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada hutang negara kita telah sampai ke satu paras atau tahap merbahaya dan sekiranya Yang Berhormat menganggap bahawa

hutang ini belum sampai ke satu paras ataupun tahap merbahaya maka saya ingin mendapat tahu apakah kriteria yang digunakan oleh Kerajaan untuk menentukan jawapan yang akan diberi oleh Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diramalkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, memang Kerajaan menganggap bahawa tahap hutang negara belum sampai kepada tahap yang merbahayakan. Tetapi untuk menerangkan satu persatu alasan-alasan yang diminta oleh Yang Berhormat, saya minta izin jikalau boleh beliau memberi notis untuk saya memberi jawapan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 5 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir),

SISWAZAH SAINS PENDIDIKAN

6. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilangan siswazah Sains Pendidikan lulusan universiti tempatan dalam tempoh 1986-1988;
- (ii) bilangan siswazah Sains Pendidikan lulusan universiti tempatan yang diterima sebagai guru di sekolah-sekolah Kebangsaan; dan
- (iii) sama ada Kerajaan telah atau sedia menyerap mereka yang tidak berjaya memperolehi jawatan guru ke bidang perkhidmatan lain agar tidak membazir gunatenaga yang terlatih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan

Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (i) bilangan siswazah Sains Pendidikan lulusan universiti tempatan dalam tempoh 1986 hingga 1988 adalah seperti berikut:

1986	—	1,029	orang
1987	—	1,092	orang
1988	—	527	orang

- (ii) Bilangan siswazah Sains Pendidikan lulusan universiti tempatan yang diterima sebagai guru di sekolah-sekolah Kerajaan adalah seperti di bawah ini:

1986	—	744	orang
1987	—	879	orang
1988	—	227	orang

- (iii) Setakat ini Kementerian Pendidikan telah menyerap sebahagian daripada siswazah Sains ini sebagai guru terlatih bahasa setelah mereka menjalani kursus intensif Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

HUTAN ASID

7. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan betapa berkesannya usaha Kerajaan dalam mengatasi hujan asid di dalam negara kita. Secara perbandingan, negeri-negeri manakah yang paling tenat sekali kadar pencemaran udaranya di Malaysia. Apakah kadar pencemaran tersebut berbanding dengan tingkat-tingkat yang dianggap selamat mengikut standard dunia. Kegiatan-kegiatan jenis apakah yang berupa penyumbang utama kepada keadaan hujan asid di negara kita. Berapa peratuskanh sumbangan setiap jenis kegiatan tersebut kepada masalah hujan asid.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding); Tuan Yang di-Pertua, punca-punca yang menyebabkan hujan asid di negara kita boleh dibahagikan kepada punca bergerak seperti kenderaan dan punca tetap atau tidak bergerak seperti stesen janakuasa elektrik dan perindustrian lain.

Setakat ini usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan khususnya Jabatan Alam Sekitar bagi menghindar masalah hujan asid ialah dengan mengawal penggunaan bahanapi minyak yang dibakar untuk penjaanaan kuasa.

Di samping itu, pengukuran paras gas-gas seperti sulfur dioksida dan nitrogen dioksida di udara dijalankan bagi menentukan sama ada paras kandungan yang terdapat sekarang boleh mengakibatkan hujan asid. Keputusan-keputusan pengukuran menunjukkan bahawa paras gas-gas asid ini adalah rendah. Ini bererti di negara kita masalah berkaitan hujan asid belum timbul.

Di negara barat, hujan asid telah mencatatkan pH di bawah paras 4 yang mana ianya telah mengakibatkan kesan buruk ke atas hutan rimba dan tasik. Walau bagaimanapun, paras pH air hujan beberapa kawasan bandar dan perindustrian di negeri Pulau Pinang, Selangor Darul Ehsan dan Johor Darul Takzim telah menurun sejak tahun 1984 oleh kerana bertambahnya penggunaan kenderaan dan aktiviti perindustrian dan manusia.

Sungguhpun aktiviti perindustrian, stesen janakuasa elektrik dan penggunaan kenderaan merupakan punca-punca utama yang boleh mengakibatkan hujan asid, namun Kementerian ini masih kekurangan data-data yang lengkap untuk menentukan dengan tepat peratusan sumbangan oleh setiap aktiviti tersebut terhadap masalah hujan asid.

Dalam pada itu, program pengawasan hujan asid akan diteruskan dan Jabatan Alam Sekitar akan mengkaji langkah-langkah pengawalan yang lebih ketat jika perlu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di setengah-setengah tempat seperti di Shah Alam dan Kelang kilang-kilang masih mengeluarkan terlalu banyak gas-gas untuk mencemarkan alam terutamanya dengan gas-gas asid. Kalau sedar, apakah tindakan yang berkesan, bukan tindakan sahaja, tindakan yang berkesan yang digunakan, misalnya untuk ASM di Kelang atau CCM ataupun satu dua kilang lagi yang berharga berbilion-bilion ringgit akan dibina di Shah Alam. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan bahawa kilang-kilang yang ada dan akan dibina di seluruh negeri Selangor dan seluruh negara akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya menyedari masalah dari setengah-setengah kilang yang mengeluarkan asap-asap atau gas-gas yang mencemarkan udara. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya seperti saya telah jawab di Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu di bawah peraturan-peraturan yang ada di Kementerian saya ialah dengan mengeluarkan surat amaran atau surat kompaun atau membawa mereka ke mahkamah dan tindakan terakhirnya ialah mengeluarkan perintah menutup kilang atau melarang kilang itu dari beroperasi. Tindakan ini hanya diambil apabila sampai masa Kementerian saya menghabiskan kesemua langkah-langkah yang ada di bawah peruntukan itu.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerap kali saya ada dengar di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Alam Sekitar dan Teknologi ini selalu mengadakan langkah ini dan langkah itu tetapi tahap pencemaran udara dan alam sekeliling selalu meningkat dari masa ke semasa. Apakah masalah asas dalam pelaksanaan tindakan-tindakan ataupun rancangan-rancangan yang diperolehi Kementerian? Seperti dari segi kaki tangan, seperti mana yang saya tahu di Perak hanya ada tiga empat orang kakitangan sahaja untuk mengawal sebuah negeri. Macam manakah Kementerian ini dapat mengawal dan melaksanakan rancangan itu? Adakah ini mencerminkan bahawa Kementerian ini adalah Kementerian yang terlemah sekali dalam Kerajaan?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kampar yangh Kementerian saya adalah yang terlemah dalam Kerajaan yang ada sekarang. Tetapi saya bersetuju dengan sebahagian daripada soalan tambahan itu iaitu kekurangan kakitangan atau peruntukan. Kementerian saya memang ada rancangan untuk menambah pejabat-pejabat selain daripada yang ada sekarang di Pejabat Wilayah, kita telah berapa kali mencadangkan mengadakan pejabat di setiap negeri dan menambahkan bilangan pegawai-pegawai untuk menjalankan peraturan-peraturan yang ada. Berkenaan kualiti udara ini walaupun kita menjalankan tindakan tetapi kita mesti ingat dan kita semua mengetahui pembangunan ekonomi di negara ini seharusnya terus berjalan demi kesejahteraan semua rakyat. Ini juga, offset the efforts taken by the Government, dengan izin. Terima kasih.

'Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat

Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Latiff.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Haji Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Latiff tidak hadir),

PENDATANG HARAM DI SABAH

9. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kedudukan pendatang haram yang terdapat di negeri Sabah selepas tempoh pengampunan (amnesty period) telah tamat pada 31hb Januari, 1989;
- (b) berapa orangkah pendatang haram yang telah dihantar balik ke negeri asalnya sehingga 31hb Januari, 1989; dan
- (c) masih adakah pendatang haram yang berada di negeri Sabah pada masa ini. Kalau ia, apakah sebabnya masih ada sedangkan tempoh pengampunan Sabah itu sudah lama berlalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini Kementerian Dalam Negeri belum dapat memastikan kedudukan sebenar pendatang tanpa izin di Sabah selepas 31hb Januari, 1989;
- (b) sehingga 31hb Januari, 1989, seramai lebih kurang 60,778 orang pendatang tanpa izin telah dihantar pulang ke negara asal mereka; dan
- (c) Kerajaan tidak dapat memastikan kesemua pendatang tanpa izin telah keluar dari Sabah. Tindakan penguatkuasaan akan lebih berjaya sekiranya orang ramai memberi kerjasama kepada pihak berkuasa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pengampunan itu diizinkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, dan jika ia, sama ada keizinan pengampunan ini melanggar Peraturan Imigresen mengenai negeri Sabah dan sekiranya pengampunan itu tidak diizinkan oleh Kerajaan Persekutuan, apakah tindakan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini? Setakat ini berapakah orang pendatang haram yang dihantar balik ke negara masing-masing?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak timbul salah atau tidak, tindakan adalah sama di antara Semenanjung dan Sabah. Apa yang berbeza ialah istilah. Kalau diistilahkan di Sabah "pengampunan" istilah di Semenanjung dipanggil "pemutihan" kepada buruh-buruh ini. Tindakan sama, cuma istilah sahaja yang berbeza. Jadi tidak timbul percanggahan di antara apa yang berlaku di Sabah dan juga apa yang berlaku di Semenanjung. Jadi saya fikir tidak timbul tindakan-tindakan yang tertentu. Setakat setelah skim "pemutihan" di sini atau "pengampunan" seperti mana diistilahkan di Sabah telah dilaksanakan, seramai 60,778 pendatang tanpa izin Indonesia telah pun dihantar pulang ke negara yang asal.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan tentang peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Pusat dalam usaha untuk membantu Kerajaan Sabah bagi mencapai matlamatnya untuk mengatasi masalah kehadiran pendatang haram di negeri itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tidak wujud bahawa Kerajaan Pusat cuba mewujudkan satu penahanan kerjasama yang telah dibuat oleh Kerajaan

Sabah dalam hal pendatang haram tanpa izin ini. Apa yang telah diberitahu kepada saya bahawa satu kerjasama yang erat telah pun wujud di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Sabah tentang tindakan-tindakan yang harus diambil terhadap pendatang tanpa izin ini dan satu Task Force akan dikuatkuasa di Sabah yang mana ini pun telah dipersetujui oleh Ketua Menteri Sabah sendiri. Kita harap dengan wujudnya kerjasama ini, insya Allah masalah pendatang tanpa izin ini akan dapat kita selesaikan.

PERJANJIAN JAMINAN PELABURAN

10. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebabnya setakat ini hanya 17 negara sahaja yang menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan (Investment Guarantee Agreements) dengan Malaysia. Apakah sebabnya tidak ramai negara yang menandatangani perjanjian ini adalah untuk mempercepatkan proses perindustrian melalui peningkatan pelaburan modal asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan telah hanya menandatangani 18 perjanjian, bukan 17, Perjanjian Jaminan Pelaburan setakat ini, hampir kesemua perjanjian ini telah ditandatangani dengan negara-negara yang menunjukkan minat untuk mengadakan perjanjian ini. Perlindungan kepada pelabur asing di Malaysia melalui perjanjian ini adalah merupakan perlindungan tambahan kepada perlindungan yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Kerajaan tidak begitu cenderung untuk mengadakan Perjanjian Jaminan Pelaburan kerana

Kerajaan berkeyakinan bahawa Perlembagaan Malaysia sudah memadai untuk menjamin pelaburan asing di sini. Akan tetapi untuk menjaga hubungan baik dua hala dengan negara-negara asing serta dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi hubungan ekonomi, Kerajaan bersedia untuk memeterikan Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan negara-negara yang berhasrat berbuat demikian.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan 18 buah negara yang telah pun mengambil bahagian dalam Investment Guarantee Agreement ini. Bolehkah senaraikan nama negara-negara tersebut dan berapa buah negarakah yang sungguhpun adanya termeterai perjanjian tetapi tidak melaburkan di negara kita.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah seperti berikut:

- Amerika Syarikat pada tahun 1959
- Republik Persekutuan Jerman pada tahun 1960
- Kanada pada tahun 1971
- Belanda pada tahun 1972
- Perancis pada tahun 1975
- Switzerland pada tahun 1978
- Sweden pada tahun 1979
- Bulgo Luxembourg Economic Union pada tahun 1979
- United Kingdom of Great Britain dan Northern Island pada tahun 1981
- Republik Demokratik Sosial Sri Lanka pada tahun 1982
- Republik Demokratik Rumania pada tahun 1982
- Norway pada tahun 1984
- Republik Austria pada tahun 1985
- Republik Finland pada tahun 1985

Kuwait pada tahun 1987

Republik Itali pada tahun 1988

Republik Korea pada tahun 1988

Republik China pada tahun 1988

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan negara masing-masing.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada rekod mengenai negara-negara ini yang telah tidak melabur di negara kita.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, daripada 18 buah negara yang disenaraikan kalau tak silap saya, saya dapati satu sahaja negara iaitu Kuwait daripada Timur Tengah. Kenapakah ini terjadi dan apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan bagi membanyak ataupun menambahkan supaya lebih banyak lagi negara-negara daripada Timur Tengah ini turut menyertai Perjanjian Jaminan Pelaburan yang dibuat dengan Malaysia. Itu yang pertama.

Yang kedua, daripada begitu banyak negara yang dinyatakan tadi saya ingin tahu apakah kejayaan-kejayaan utama dalam proses perindustrian bagi meningkatkan pelaburan modal asing. Kejayaan-kejayaan utama apa dia, banyak itu, saya setuju sangat.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua itu terkeluar daripada soalan asal, iaitu berkenaan dengan Perjanjian Jaminan Pelaburan.

Yang pertama itu, kita tidak boleh paksa mana-mana negara untuk meterai Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Malaysia. Mana-mana negara yang kita mempunyai "diplomatic relations" dan mana-mana negara yang menunjukkan minat untuk meterai Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Malaysia, kita akan menandatangani dengan negara-negara itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 11 Y.B. Dr V. David tidak hadir).

TANAH TERBIAR

12. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan apakah program-program yang efektif bagi memulihkan tanah terbiar di seluruh Malaysia dan khususnya di Perak Utara termasuk kawasan Larut.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat telah pun dijawab pada 16hb Mac, 1989 di Dewan ini, iaitu semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Maran. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

LEBUHRAYA SABAH— SARAWAK

13. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang membina sebuah lebuhraya yang menghubungkan Sabah dan Sarawak atau apakah pihak berkuasa telah menggugurkan rancangan ini, dan jika ya, beri sebab-sebab.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sememangnya sedang melaksanakan pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo yang menyambungkan negeri-negeri Sabah dan Sarawak secara berperingkat-peringkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyambungan jalanraya Sabah dan Sarawak telah pun dilaksanakan dengan pembinaan jalanraya dari Lawas di Sarawak ke

Merapok dan Sindumin di Sabah. Jalan tersebut yang panjangnya 29 km sedang ditarkkan pada masa ini dan dijangka siap tidak beberapa lama lagi.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu bagaimana Yang Berhormat Menteri Kerjaraya boleh menyambung dua-dua negeri, iaitu Sabah dan Sarawak melalui lebuhraya apabila negara Brunei di tengah-tengah dua negeri itu. Bolehkah memberi satu penjelasan bagaimana beliau boleh buat silap mata seperti itu? (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua rancangan. Rancangan yang pertama iaitu jikalau kita tidak mendapat keputusan atau kelulusan daripada negara Brunei, kita ada juga aliran-aliran baru yang lain. Kita boleh mengikuti aliran itu dan juga boleh menyambung kedua-dua negeri ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan daripada jawapan yang diberi tadi tentang Lebuhraya Pan-Borneo apakah jumlah perbelanjaan projek Lebuhraya Pan-Borneo itu dan apakah pendirian Kerajaan tentang kutipan tol sekiranya ada bagi pengguna-pengguna Lebuhraya Pan-Borneo itu dan setakat manakah dasar penswastaaan Kementerian Kerjaraya dilaksanakan dalam projek Lebuhraya Pan-Borneo ini,-

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah rangkaian Jalan Persekutuan yang sedia ada di negeri Sarawak dan juga di negeri Sabah ialah lebih dari 2,100 kilometer. Harganya jikalau kita mahu menyediakan projek itu, saya percaya lebih dari \$10 bilion. Jadi, projek-projek yang kita sedang jalankan itu lebih kurang \$1 juta atau \$1.5 bilion sahaja. Saya percaya itu akan berlaku dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Berkenaan dengan kutipan tol seperti apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat, saya telah menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini iaitu Kerajaan Pusat tidak ada apa-apa rancangan untuk mengutip tol di kedua-dua negeri itu dan Kerajaan juga tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk men-swastakan mana-mana satu jalan, oleh kerana semua projek-projek itu ialah projek yang tidak mempunyai, dengan izin, traffic volume yang banyak seperti di Persekutuan ini.

Kedua, Kerajaan Persekutuan percaya kemudahan asas di kedua-dua negeri itu mesti diberi oleh Kerajaan Persekutuan sendiri.

PUSAT PENYELIDIKAN DADAH DAN UBAT-UBATAN USM

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah perkembangan dan kejayaan pusat penyelidikan dadah dan ubat-ubatan USM bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan bagi pihak Kerajaan dengan meneliti masalah penyalahgunaan dadah di negara ini. Senaraikan di antara penyelidikan-penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan itu. Berapa banyak perbelanjaan yang telah dipergunakan oleh pihak USM dan dari punca manakah perbelanjaan itu diperolehi.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan di DDU, Universiti Sains Malaysia telah dan sedang menjalankan penyelidikan yang meliputi 3 bidang iaitu kajian mengenai penagihan dadah, perkembangan analitis dan pengenalan juga perkembangan ubat-ubatan. Sehingga hari ini sebanyak 21 laporan penyelidikan berkaitan dengan dadah telah dihasilkan dan

sebanyak 8 penyelidikan sedang dijalankan oleh pusat berkenaan. Mengenai pembiayaan pusat berkenaan pula, sebanyak \$86,291 telah diperuntukkan iaitu sebahagian daripada peruntukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Bantuan-bantuan lain juga diterima iaitu dari tahun 1979 hingga 1985 sebanyak US\$600,222,000 daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memperkukuhkan lagi Pusat Penyelidikan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dibuat dengan 21 hasil penyelidikan yang telah diadakan di Pusat Kajian USM ini dan apakah bentuk-bentuk kajian tersebut.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya pasti hasil yang didapati daripada kajian ini pastilah digunakan untuk kebaikan dan manfaat masyarakat. Namun demikian, untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut tentang detail mengenai penyelidikan ini, saya minta notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tuan Samson Chin Chee Tsu.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu tidak hadir).

MASA PERSEKOLAHAN— FALSAFAH MEMANJANGKAN

16. Tuan Haji Mohamed Sam bin Sailan minta Menteri Pendidikan menyatakan "falsafah" memanjangkan masa persekolahan sehingga jam 3.30 petang, adakah faktor-faktor kemudahan tempat belajar, alat-alat kelengkapan pendidikan, tenaga pendidikan dan kemahirannya, kurikulum dan ko-kurikulum serta aspek-aspek

pendidikan yang lain telah dikaji sedalam-dalamnya dan seteliti-telitinya sebelum KBSM ini dilancarkan. Adakah Kerajaan puas hati dengan perkembangannya.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mendapati bahawa masa persekolahan bagi pelajar-pelajar dari sekolah dua sidang perlu dilanjutkan berdasarkan kepada prinsip bahawa semua pelajar perlu mengikuti masa belajar yang saksama mengikut Pekeliling 3/1967 yang menetapkan masa belajar bagi satu waktu ialah 40 minit. Pelajar-pelajar sidang petang mengalami kekurangan kira-kira 5 minggu belajar dalam setahun. Kementerian ini telah memberi kelonggaran kepada pihak sekolah supaya memberi penyesuaian waktu dalam menambah semula waktu belajar yang tidak dapat dijalankan dalam jadual waktu biasa persekolahan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju kerana dilanjutkan dari 3-3.30 petang dalam dasar KBSM ini dan diawalkan waktu sidang petangnya daripada jam 11.00, tetapi saya melihat ini adalah merupakan kepada *ad hoc* ataupun secara tiba-tiba yang mengakibatkan banyak sekolah di seluruh negara tidak mempunyai kemudahan tempat pembelajaran, maka wujudlah kelas terapung, di bawah pokok ada, di kantin ada, tempat simpan basikal pun ada. Jadi, bagaimanakah pihak Kementerian Pendidikan mengatasi perkara ini dan apakah rasionalnya Kementerian Pendidikan begitu tergesa-gesa melaksanakan program ini, sedangkan jelas dan nyata kelas-kelas terapung ini mendatangkan berbagai masalah sungutan yang menjadi sungutan nasional dan bagaimana ianya diatasi?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan tadi bahawa berdasarkan kepada prinsip bahawa semua pelajar perlu mengikut masa belajar yang saksama mengikut Pekeliling 3/1967, maka perkara ini terpaksa dijalankan. Namun demikian, untuk jangkamasa yang lebih panjang, pihak Kementerian sedang merancang untuk mengatasi masalah-masalah ini dan pandangan Ahli Yang Berhormat akan diambil kira.

Tuan Hu Sepang: Saya memang bersetuju bahawa langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk melanjutkan masa persekolahan dan tambahan waktu untuk murid-murid adalah satu langkah yang baik, tetapi saya khuatiri objektif ini akan dirosakkan oleh satu faktor iaitu bersabit dengan guru-guru wanita yang selalu bersalin dan sehingga ada guru-guru wanita yang bersalin dua kali setahun, (*Ketawa*) pada awal tahun dan hujung tahun dan ini mengganggu persekolahan murid-murid. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan supaya mengatasi masalah ini supaya persekolahan murid-murid tidak terganggu supaya matlamat Kementerian Pendidikan ini boleh tercapai?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa Yang Berhormat harus baca "fact of life" lagi dua kali satu tahun. (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Saya pun hairan bagaimana mereka boleh capai (*Ketawa*) dua kali setahun. Awal tahun dan hujung tahun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Physical impossibility, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Belum try, mana tahu. (*Ketawa*)

Dato' K. Pathmanaban: Minta penjelasan. Tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Speaker, saya rasa bujang belum tahu hal ini dengan baik. (*Ketawa*) Sembilan bulan sahaja boleh hamil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Timbalan Menteri, silakan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini memang terkeluar daripada soalan asal (*Ketawa*) dan uga saya rasa fakta Ahli Yang Berhormat dari Rasah ini perlu dikaji semula kerana kandungan itu ada 9 bulan dan satu tahun ada 12 bulan, jadi saya ingat ini tidak adil kepada ibu-ibu yang melahirkan dan juga kepada ibu-ibu yang menjadi guru-guru yang memberi sumbangan di dalam bidang pelajaran. Namun demikian, Kementerian Pelajaran peka kepada masalah ini dan ada rancangan-rancangan seperti guru substitution, dengan izin, yang dijalankan dan dalam pengambilan tenaga kerja perkara ini juga diberi pertimbangan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Sailan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan sekolah dalam negara adalah dua sesi sekolah dan tambahan masa akan merumitkan sistem persekolahan yang ada, terutama sekali dari segi penggunaan sekolah-sekolah tersebut di samping tiap-tiap sekolah juga mempunyai masalah untuk kelas-kelas terapung. Soalan pertama, bagaimanakah rasionalnya Kerajaan mengadakan lanjutan masa?

Soalan yang kedua, pertambahan kepada masa sehingga jam 3.30 tentu sekali melibatkan masalah-masalah sampingan terutama sekali dari segi melaksanakan prinsip pendidikan iaitu

selain daripada mengajar mata-pelajaran ilmiah, juga aktiviti-aktiviti ko-kurikulum lain yang boleh meningkatkan pendidikan kepada anak-anak. Bermakna secara kasarnya anak-anak ini akan dikenakan menjalani pendidikan seharian suntuk sampai ke 3.30

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa soalnya Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Soalnya ialah dengan adanya pertambahan masa itu akan melibatkan kepada permasalahan kepada pelaksanaan ko-kurikulum. Apa rasionalnya? Itu soalan yang kedua.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memberikan rasional seperti yang telah saya katakan prinsip bahawa semua pelajar perlu mengikut masa belajar yang saksama mengikut Pekeliling 3/67 yang menetapkan masa belajar bagi satu waktu 40 minit dan didapati bahawa pelajar-pelajar sidang petang mengalami kekurangan 25 minggu belajar dalam setahun. Jadi memandangkan perkara ini dan berasaskan kepada pihak Kementerian yang telah pun menjalankan kajian-kajian secara menyeluruh sebelum mengambil keputusan untuk melakukan perkara ini ataupun mengambil tindakan ini. Lagi pula masalah yang bersabit dengan soal kelas-kelas terapung itu tidak menyeluruh dihadapi oleh semua sekolah-sekolah dan perkara ini selepas dijalankan rancangan ini secara menyeluruh oleh pihak Kementerian, selepas mengatasi masalah ini, akan merupakan satu masalah sementara.

Mengenai aktiviti ko-kurikulum ini, telah diadakan rancangan untuk diadakan dalam hari gantian iaitu pada hari hujung minggu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

SURAT BERANAK BAYI ORANG ASING

18. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa surat beranak yang dikeluarkan untuk bayi-bayi orang-orang asing yang memegang kad pengenalan hijau termasuk mereka yang tidak mempunyai dokumen di Sabah adalah sama seperti yang dikeluarkan untuk orang tempatan Sabah. Jika ia, mengapa. Dan sama ada Kementerian beliau ada menyimpan rekod kadar kelahiran orang-orang asing di negara ini terutamanya Sabah. Jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, benar. Ini disebabkan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian yang berkuatkuasa sekarang tidak membezakan taraf kewarganegaraan atau kedudukan ibu bapa bayi berkenaan.

Perkara yang kedua, Kerajaan tidak menyimpan rekod berasingan kerana ini bukanlah suatu keperluan undang-undang.

PELAJAR TAJAAN KERAJAAN DI LUAR NEGERI

19. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyak pelajar yang telah ditaja oleh Kerajaan yang belajar di luar negeri dan nyatakan kos jumlah tahunannya. Berikan satu persatu (breakdown) bilangan pelajar mengambil tiap kursus di seberang laut. Nyatakan juga jumlah pelajar-pelajar persendirian di seberang laut dan kos tahunannya.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar yang telah ditaja oleh Kementerian Pendidikan bagi pengajian di luar negeri setakat ini iaitu dari tahun 1974 hingga tahun 1988 adalah seramai 2,749 orang pelajar. Jumlah perbelanjaannya iaitu dari tahun 1981 hingga tahun 1988 adalah sebanyak \$165,817,541.

Setakat ini, maklumat mengenai jumlah perbelanjaan dari tahun 1974 hingga 1980 belum dapat dikumpulkan. Bilangan pelajar-pelajar merigikut kursus tahun 1974 hingga 1988 adalah seperti berikut:

<i>Kursus</i>	<i>Bil. Pelajar</i>
S a s t e r a	89
Sains	1,029
Engineering.. .. .	285
Architecture	57
Pengajian Islam	163
TESL	1,058
	<hr/>
Jumlah	2,749
	<hr/>

Bilangan pelajar-pelajar persendirian yang menuntut di luar negeri tidak dapat ditentukan dengan tepat oleh kerana ramai pelajar tajaan persendirian tidak mendaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri. Kerajaan juga tidak mengetahui dengan tepat kos perbelanjaan pelajar-pelajar persendirian yang menuntut di luar negeri.

JALAN RAYA SIMPANG BATU LINTANG-SIMPANG BETONG—MENURAP

20. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab tender untuk menurapkan Jalan besar utama dari Simpang Batu

Lintang ke Simpang Betong, Sarawak belum lagi dibenarkan kepada kontraktor-kontraktor yang difikirkan sesuai begitu lama masih dalam pertim-bangan Lembaga Tawaran Persekutuan;

- (b) apakah jaminan Kerajaan bahawa Projek Jalan Besar Utama di Sarawak akan siap dibina mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu pada tahun 1992; dan
- (c) berapakah jumlah peruntukan kewangan tahun 1988 untuk memperbaiki dan menurapkan Jalan Besar Utama di Sarawak yang tidak dapat dibelanjakan dalam tahun itu dan jika ada apakah sebab-sebab peruntukan ini tidak dapat digunakan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerja-kerja menurap jalan raya besar utama dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Betong lewat diberikan kepada kontraktor kerana tawaran kontrak tersebut telah terpaksa dipanggil sebanyak 3 kahi. Harga-harga tawaran dua tender yang pertama itu telah tidak dapat disetujui terima oleh Kerajaan, dan tawaran tender projek kali yang ketiga telah pun dibuka pada bulan November 1988 dan ditutup pada bulan Disember 1988 yang lalu. Pada masa ini, tender tersebut telah dikemukakan kepada Lembaga Tender Persekutuan untuk kelulusan. Penender yang berjaya mendapatkan projek tersebut dijangka diketahui tidak berapa lama lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan haruslah menimbang-kan dengan teliti tawaran-tawaran yang diterima itu supaya kos projek yang ditawarkan

oleh kontraktor itu berpatutan dan kerja-kerja dapat dilaksanakan dengan sempurna.

- (b) Kerajaan memang pada asalnya berhasrat untuk menyiapkan projek jalan besar utama sepanjang 989 kilometer itu menjelang tahun 1992 yang akan datang. Sehingga ke hari ini, sejumlah lebih kurang 544 kilometer atau 55% daripada jalan raya besar utama itu telah ditarkan. Sepanjang lebih kurang 445 kilometer jalan raya lagi masih belum ditarkan dan dijangka memerlukan peruntukan sejumlah lebih kurang \$811 juta untuk menyiapkan keseluruhan jalan-jalan tersebut. Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya bahawa jumlah anggaran itu adalah satu jumlah yang besar dan adalah sukar bagi Kerajaan Persekutuan untuk memberikannya secara sekali gus kepada pembinaan jalan-jalan raya di Sarawak, memandangkan Kerajaan Persekutuan juga perlu mengagih-agihkan peruntukan kepada negeri-negeri lain di seluruh negara kita. Praktikal mengikut pengalaman kita yang telah lalu, peruntukan sebesar itu tidak mungkin dapat dibelanjakan dalam jangka masa 4 tahun sehingga ke tahun 1992 nanti. Berdasarkan faktor-faktor yang saya sebutkan itu serta kedudukan kewangan Kerajaan pada masa ini, pelaksanaan penurapan jalan-jalan tersebut akan tetap diteruskan sehingga siap keseluruhannya secara berperingkat-peringkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan projek-projek pembinaan jalan raya di seluruh negara, negeri Sarawak adalah di antara negeri yang memperoleh peruntukan

yang paling tinggi sekali berbanding dengan negeri lain iaitu sejumlah \$491.9 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima ini.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan 1988 bagi kerja-kerja memperbaiki dan menurap jalan besar utama ialah sejumlah \$82.68 juta. Daripada jumlah itu, sejumlah \$43.58 juta atau sejumlah 52.7% dari jumlah peruntukan telah pun dibelanjakan bagi kerja-kerja tersebut. Baki peruntukan sejumlah \$39.1 juta telah tidak dapat dibelanjakan dalam tahun 1988 itu. Ini adalah disebabkan oleh beberapa masalah yang tertentu, iaitu di antara lainnya disebabkan oleh sebilangan kontraktor-kontraktor yang melaksanakan projek tersebut telah tidak mampu untuk menjalankan kerja-kerja yang diserahkan kepada mereka dan projek yang dilaksanakan itu mengalami kelewatan dalam pelaksanaan dan juga pembayaran tidak dapat dilakukan dalam tahun 1988 itu.

Tuan Justine anak Temenggong Jinggut: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Maaf, masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapdn bagi Pertanyaan No. 2, 5, 11,15,17, dan 21 hingga 40 adalah diberi di bawah ini*).

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA—KEUNTUNGAN

2. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah keuntungan yang diperolehi oleh Syarikat Telekom Malaysia bagi tahun 1987 dan 1988

sejak penswastaaan dan sejak talian telefon bertambah, adakah kerana Kerajaan akan menimbang untuk mengarah STM mengenakan caj yang kurang atau rendah ke atas pengguna-pengguna.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman); Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 1987, STM telah memperolehi keuntungan sebelum cukai sebanyak \$4.9 juta. Meskipun begitu, jika butiran luar biasa yang berjumlah \$101.5 juta diambil kira bagi tahun kewangan 1987 itu, STM sebenarnya mengalami kerugian sebanyak \$69.6 juta.

Kedudukan kira-kira untung rugi perniagaan STM bagi tahun 1988 masih dalam penyediaan dan dengan itu dukacita saya tidak dapat mengemukakannya.

Kadar sewa telefon sekarang telah dikuatkuasakan pada 1 Julai, 1985. Dengan itu Kementerian saya merasakan masih awal untuk menasihatkan STM mengulangkaji kadar tersebut.

BALAI POLIS/PONDOK POLIS DI SABAH

5. Datuk Haji Sakaran Bin Dandai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk menambahkan balai-balai polis dan pondok-pondok polis di kawasan-kawasan utama dan terpencil di daerah Semporna. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan dan menghapuskan jenayah dan perompakan dengan lebih berkesan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Buat masa ini Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk menambah bilangan balai polis dan pondok polis di daerah Semporna memandangkan pada masa sekarang di Semporna sudah terdapat sebuah

Ibupejabat Polis Daerah, sebuah balai polis, empat buah pengkalan atau pondok polis dan dibantu oleh Pasukan Polis Hutan yang terdiri dari Batalion 16 dan 17 dalam mengawal di sekitar daerah Semporna.

Kementerian Dalam Negeri yakin dengan adanya balai polis dan pengkalan polis serta pihak Pasukan Polis Hutan, keadaan keselamatan daerah Semporna dapat dikawal.

RUMAH KOS RENDAH— PERATUSAN

11. Dr V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah peratusannya rumah-rumah kos rendah daripada jumlah yang telah dianggarkan dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, Keempat dan Kelima telah dilengkapkan oleh Kerajaan sehingga hari ini; dan
- (b) jika Kerajaan belum lagi melengkapkan anggaran rancangan-rancangan ini, apakah langkah-langkah Kementerian beliau ingin mengambil bagi memenuhi keperluan rumah-rumah kos rendah ini yang kian bertambah dari masa ke semasa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):

- (a) Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah, Program Perumahan Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan dan Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah dan Jabatan Orang Asli, dan Program Perumahan Pemaju Swasta sebanyak 100,020 unit rumah kos rendah telah siap dibina iaitu kira-kira 53.5% daripada sasaran sebanyak 187,100 unit.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat pula, di bawah program-program yang sama sebanyak 131,214 unit rumah kos rendah telah siap dibina iaitu kira-kira 34.9% daripada sasaran sebanyak 376,510 unit. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986—1990), pencapaian pembinaan rumah kos rendah mengikut program-program utama adalah seperti berikut:

- (i) program Perumahan Awam Kos Rendah—16,507 unit atau 36.0% daripada sasaran (sehingga September, 1988);
 - (ii) Program Perumahan Skim Pembangunan Tanah—20,319 unit atau 35.3% daripada sasaran (sehingga Disember, 1987);
 - (iii) Program Perumahan Komersial Agensi Kerajaan—4,088 unit atau 31.0% daripada sasaran (sehingga Disember, 1987);
 - (iv) Program Perumahan Pemaju Swasta—85,643 unit atau 23.1% daripada sasaran (sehingga Jun, 1988)
- (b) Bagi memperbaiki lagi pencapaian pembinaan rumah kos rendah, beberapa langkah sedang dan akan diambil. Di antaranya adalah seperti berikut:
- (i) Mempergiatkan pembinaan rumah kos rendah melalui sokongan dan penglibatan sektor swasta di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah

melalui tindakan-tindakan seperti berikut:

- memilih tapak-tapak projek yang sesuai dan "viable" untuk dimajukan serta-merta;
- Mempercepatkan pemilihan pemaju/kontraktor serta menentukan pemaju/kontraktor yang dipilih adalah sesuai serta mempunyai kebolehan/keupayaan melaksanakan projek;
- Memberi insentif dan galakan kepada pemaju supaya membina lebih banyak rumah kos rendah serta mempercepatkan pelaksanaannya dengan menyediaan kemudahan-kemudahan seperti mempercepatkan kelulusan perancangan, mengurangkan piawaian-piawaian tertentu tanpa menjejaskan mutu dan keselamatan rumah, mengurangkan bayaran premium tanah dan mengecualikan bayaran ukur;
- Di samping itu disediakan galakan kepada pembeli rumah kos rendah dengan tujuan meningkatkan permintaan berkesan. Galakan yang dimaksudkan termasuk penetapan kadar faedah pinjaman yang rendah, kelonggaran syarat-syarat pinjaman bagi pembelian rumah serta pengecualian bayaran duti setem.

- (ii) Di samping berusaha untuk menambahkan pencapaian pembinaan rumah kos rendah oleh sektor swasta, Kerajaan akan menambah peruntukan untuk pembinaan rumah di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah.

ELETRIK DI TAWAU— BEKALAN

15. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih daripada empat puluh (40) keluarga yang tinggal di antara Kampung TV Station Batu 10 Sin On Tiku Tawau telah dan masih lagi menunggu sejak tahun 1971 untuk mendapatkan bekalan tenaga letrik ke tempat kediaman mereka walaupun permohonan telah dibuat berkali-kali pada tahun-tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Kementerian ini sedar bahawa penduduk Kampung TV Station Batu 10 Sin On Tiku Tawau memang pernah membuat permohonan untuk mendapatkan kemudahan bekalan elektrik. Untuk makluman Y.B. oleh kerana masalah peruntukan yang terhad maka pertimbangan untuk melaksanakan sesuatu projek lebih diberikan kepada kampung-kampung yang ramai bilangan penduduknya, mudah untuk dilaksanakan dan tidak melibatkan kos yang tinggi. Bagi kampung yang dibangkitkan ini pihak Kementerian telah diberitahu (oleh Lembaga Letrik Sabah) bahawa terdapat lebih kurang 48 buah rumah dan keadaannya berselerak dan terencil. Untuk membekalkan elektrik ke kampung ini memerlukan lebih kurang \$300,000 peruntukan. Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil perhatian berkenaan

perkara ini dan akan membincangkan semula dengan pihak Lembaga Letrik Sabah bagi mencari jalan untuk membekalkan elektrik ke kampung tersebut.

PENDATANG HARAM VIETNAM

17. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tntita Perdana Menteri menyatakan berapa ramaiakah pelarian atau pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih ada dalam negara ini dan berapa banyakkah tempat-tempat penempatan mereka selain dari Pulau Bidong. Bilakah dijangka akan dikeluarkan dari negara ini kesemuanya dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil sebahagian dari mereka itu untuk diberikan taraf kerakyatan Malaysia?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam yang ada di negara ini sekarang ialah seramai 16,762 orang (pada 8-3-1989). Selain daripada Pulau Bidong terdapat dua lagi kem transit yang menempatkan pendatang-pendatang haram Vietnam iaitu:

- (1) Kem Transit Pendatang Haram Vietnam Sungai Besi. Kem ini digunakan sebagai kem transit bagi mereka yang sudah dipilih untuk pergi ke negara ketiga.
- (2) Kem Transit Kelulut, Marang, Terengganu. Kem ini digunakan sebagai tempat persinggahan pertama bagi mereka yang baru mendarat dan juga sebagai tempat persinggahan perantaraan bagi mereka yang dalam perjalanan dari Pulau Bidong ke Kem Sungai Besi ataupun sebaliknya.

Kerajaan tidak dapat meramalkan dengan tepat bilakah kesemua pendatang-pendatang haram Vietnam itu akan dapat dipindahkan ke negara-negara ketiga. Ini ialah kerana

pendatang-pendatang haram Vietnam itu perlu menjalani beberapa proses tapisan sebelum mereka diterima oleh negara-negara ketiga. Berdasarkan kepada proses pemindahan yang dilakukan sekarang ia mungkin mengambil masa lebih kurang dua tahun kecuali pihak UNHCR menggiatkan usaha mempercepatkan proses penghantaran mereka. Pada masa ini Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk mengambil sebahagian daripada mereka untuk diberi taraf kerakyatan Malaysia.

POS BERGERAK

21. Tuan Haji Mohamed Bin Yaacob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah rancangan untuk membanyakkan lagi pencawangan di luar bandar, memandangkan banyaknya permohonan-permohonan dari penduduk di luar bandar yang tidak dapat ditunaikan; dan sama ada Pos Bergerak patut diperbanyakkan lagi memandangkan luasnya kawasan-kawasan baru dan jalan-jalan baru di seluruh negara.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya kurang faham dengan maksud perkataan pencawangan. Walau bagaimanapun, jika dimaksudkan kepada rangkaian perkhidmatan pos, maka ingin saya menyatakan bahawa memanglah telah menjadi dasar Kerajaan untuk memperluaskan perkhidmatan pos ke seluruh negara. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya adalah mengikut keutamaan kerana ia bergantung kepada kewangan negara. Demikian juga halnya dengan pembekalan perkhidmatan telekomunikasi dan tenaga elektrik.

Untuk memberi perkhidmatan pos kepada penduduk-penduduk luar bandar, sekarang ini ada 236 Pejabat Pos Bergerak, 115 buah Pejabat Pos Mini dan 1,549 Wakil Pos di seluruh

negara. Bilangan ini dijangka akan meningkat lagi di akhir Rancangan Malaysia Kelima dan seterusnya sekiranya kedudukan kewangan negara mengizinkan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— PEMBINAAN

22. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah rancangan Rumah Awam Kos Rendah akan dibina di dalam tahun 1989 ini. Sila nyatakan di Negeri dan Daerah mana rancangan itu akan diadakan.

Dato' S. Subramanian: Setakat ini hanya 3 projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) mengandungi 192 unit yang dijangka akan memulakan pelaksanaannya mulai tahun 1989 ini; iaitu:

<i>Projek</i>	<i>Daerah</i>	<i>Unit</i>
1. Bandar Baru Jeli, Kelantan	Jeli	50
2. Bunut Susu, Kelantan	Pasir Mas	50
3. Wakaf Tembusu, Terengganu	K. Terengganu	92

Selain daripada itu terdapat projek-projek PAKR yang telah diluluskan sejak beberapa tahun lepas dan masih berjalan pada tahun 1989 ini terletak di negeri-negeri Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Projek-projek tersebut yang berjumlah 52 dan mengandungi 10,491 unit adalah terletak di berbagai daerah di negeri-negeri tersebut.

UDANG HARIMAU— PERUSAHAAN MENTERNAK

23. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan atau kegagalan

perusahaan menternak udang harimau di negara kita dan negeri manakah yang banyak membuka perusahaan ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Pada masa perusahaan menternak udang harimau meningkat menjadi satu perusahaan yang penting, negara kita telah menghadapi empat (4) masalah utama iaitu:

- (a) Kekurangan teknologi pemeliharaan udang dalam kolam
- (b) Kekurangan benih
- (c) Harga makanan import yang tinggi kerana kekurangan pengeluaran makanan tempatan.
- (d) Tanah

Pada awalnya pihak pengurusan bergantung kepada kepakaran orang asing terutamanya dari Taiwan untuk mengurus kolam-kolam dan pusat-pusat pengeluaran benih. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini orang tempatan telah pun memperolehi kepakaran dan teknologi untuk memelihara udang dalam kolam secara besar-besaran serta mengeluarkan benih yang mencukupi untuk industri tempatan. Peningkatan teknologi tempatan adalah hasil dari usaha penyelidikan dan latihan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan.

Teknologi pengeluaran makanan udang juga telah ditingkatkan dan terdapat beberapa kilang yang sedang mengeluarkan makanan udang tempatan yang berkualiti tinggi.

Kemajuan perusahaan menternak udang dalam kolam ini jelas dilihat dari segi perkembangan keluasan kolam dan pendaratan hasil seperti di bawah:

Tahun	Keluasan	Pendaratan
1986	475.77 ha	268.19 mt
1987	558.34 ha	640.34 mt
1988	623.41 ha	720.18 mt

Di samping itu, dalam tempoh 1986 hingga 1988 Kerajaan telah meluluskan 36 projek besar dengan kebanyakan pelaburan dari luar negeri. Keluasan yang dicadangkan oleh projek-projek tersebut ialah 6092 ha dengan pelaburan sebanyak \$334 juta. Apabila projek-projek telah dilaksanakan dengan sepenuhnya, anggaran penghasilan ialah sebanyak 30,000 mt bernilai \$450 juta setahun. Secara terperinci lokasi projek-projek adalah seperti berikut:

Sabah	—	16
Johor	—	6
Perak	—	4
Pahang	—	3
Terengganu ..	—	2
Kedah	—	2
Selangor	—	1
N. Sembilan ..	—	1
Melaka	—	1
		36

Buat sementara ini 20 projek sedang berjalan dan 16 projek diperingkat perancangan akhir.

Di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai perusahaan menternak udang, Negeri Johor merupakan negeri yang paling maju dengan keluasan 516 ha daripada 623 ha di Semenanjung Malaysia, atau 83% keluasan keseluruhan.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI—KAJIAN

24. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Universiti dan Universities

Colleges Act akan dikaji semula, dipinda dan diubahsuaikan ke arah menggalakkan kebebasan akademik serta penglibatan pelajar-pelajar universiti di dalam perihal masyarakat.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti sedang diteliti dan dikaji secara keseluruhan oleh Kementerian. Mana-mana aspek yang didapati mempunyai kelemahan akan diperbaiki dan diperkemas lagi.

BAHAN BINAAN—HARGA

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa bahan-bahan binaan asasi seperti simen, besi, kayu papan, cat dan lain-lain menaikkan harganya sehingga tidak terkawal, akan menambah kos pembinaan rumah-rumah berharga murah. Apakah langkah diambil oleh Kerajaan untuk menjamin kenaikan kos itu tidak menambah beban kepada pembeli-pembeli berpendapatan rendah.

Tuan M. G. Pandithan: Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Tebrau pada 8-3-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi, disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang maka Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju supaya jawapan ini diberi secara bertulis. Oleh itu, saya berhajat tidak akan mengulanginya lagi.

PENGEDAR BARANG-BARANG BUMIPUTERA

26. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) sesudah terlaksananya Dasar Ekonomi Baru berapa ramai

bilangan pengedar Bumiputera yang dapat mengwujudkan basikal, ais kerim, biskut dan surat khabar;

- (b) berapakah bilangan tiap-tiap satu yang di atas bagi tahun 1988;
- (c) apakah sebab bidang pengedaran barang-barang itu tidak dapat ditembusi oleh pengedar-pengedar Bumiputera.

Tuan M. G. Pandithan:

- (a) & (b) Sejak terlaksananya Dasar Ekonomi Baru, bilangan pengedar Bumiputera yang dapat diwujudkan dalam bidang pengedar Bumiputera yang dapat diwujudkan dalam bidang basikal, ais krim, biskut dari surat khabar pada tahun 1988 adalah seperti berikut:

	<i>Bilangan Bumiputera</i>
Basikal ..	5
Ais Krim ..	8
Biskut	2
Surat Khabar	3,401

Bilangan pengedar-pengedar yang disebutkan di atas adalah merupakan bilangan pengedar-pengedar di bawah pengawasan secara langsung oleh Kementerian ini iaitu syarikat-syarikat yang tertakluk di bawah Lesen Pengilang, Akta Penyelarasan Perindustrian 1975.

- (c) Adalah tidak tepat bagi dianggapkan bahawa bidang-bidang pengedaran barang-barang yang disebut tidak dapat ditembusi oleh pengedar-pengedar Bumiputera. Yang sebenar ialah bilangan pengedar-pengedar Bumiputera adalah kecil jika dibandingkan dengan pengedar Bukan Bumiputera dan sebab-sebab

mengapa kurangnya bilangan pengedar Bumiputera di bidang-bidang berkenaan, adalah seperti berikut:

- (i) Pengedar-pengedar Bumiputera kurang berminat mengedar ais krim kerana pemasarannya adalah secara terbuka dan memerlukan modal yang besar untuk menyediakan "refrigerated truck" dan petipeti sejuk untuk ditempatkan di "outlet"nya.
- (ii) Pemasaran biskut juga adalah secara terbuka dan komisyennya kecil. Pengedar-pengedar juga terpaksa bersaing dengan pengilang atau pengusaha-pengusaha kecil yang mengeluarkan biskut dan menjualnya tanpa melantik pengedar;
- (iii) Pengedaran basikal kurang menarik minat Bumiputera kerana pasarannya terhad dan tidak memberi keuntungan jika dibandingkan dengan kereta dan motorsikal. Ia lebih dijalankan oleh syarikat-syarikat koperasi di mana sebahagian besar daripada jualan mereka adalah untuk ahli-ahlinya sahaja;
- (iv) Penglibatan Bumiputera dalam pengedaran surat khabar adalah masih baru dan dengan itu mereka menghadapi persaingan yang kuat daripada pengedar-pengedar yang telah lama bertapak dan menguasai pengedaran surat khabar ini sejak dari dahulu lagi.

POLISPENYALAHGUNAAN KUASA—DAKWAAN

27. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang akan diambil terhadap anggota-anggota Cawangan Khas Polis yang menyoal siasat mereka yang ditangkap dalam Operasi Lalang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada bulan Oktober/November 1987 pada waktu malam yang melanggar peraturan-peraturan Lokap (Lock-up Rules), menafikan mereka selipar atau kasut, kaca mata, menyoal siasat untuk selama 48 atau 72 jam terus-menerus, menggunakan kata-kata kesat dan hina dan kata-kata mencaci satu-satu bangsa serta juga menggunakan kekerasan atas tubuh mereka sekiranya aduan mengenainya dibuat kepada beliau, dan sama ada satu Suruhanjaya Siasatan akan ditubuhkan untuk menyiasat keganasan Cawangan Khas Polis itu yang dilakukan atas mereka yang ditangkap dalam Operasi Lalang, Jika tidak mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sekiranya ada bukti-bukti yang jelas yang menunjukkan mana-mana pegawai Polis telah menyalahgunakan kuasa mereka seperti yang didakwa, tindakan tegas sewajarnya akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

Kerajaan berpuashati dengan badan siasatan yang ada, yang ditubuhkan di peringkat Jabatan untuk meneliti dakwaan-dakwaan terhadap pegawai-pegawai Polis. Dengan demikian, Kerajaan berpendapat adalah tidak perlu dilantik satu Suruhanjaya Siasatan untuk tujuan tersebut.

KERACUNAN MAKANAN— SIASATAN KEMATIAN

28. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan sebabnya beliau tidak menunaikan janji dan jaminan beliau serta Y.A.B. Perdana Menteri bahawa laporan

siasatan kematian peracunan yang berlaku di Lembah Kinta baru-baru ini diumumkan. Bukankah hak asasinya ibubapa mangsa dalam kecelakaan ini serta orang ramai diberitahu sebab musabab yang mengakibatkan kematian yang begitu ramai.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan terperinci siasatan kematian keracunan makanan yang berlaku di Lembah Kinta pada bulan Oktober 1988 telah pun disiapkan oleh Kementerian Kesihatan. Kementerian tidak berhasrat untuk menyembunyikan laporan ini dari pengetahuan umum. Tetapi memandangkan bahawa Timbalan Pendakwa Raya Perak sedang mengkaji laporan Polis berkenaan dengan peristiwa tersebut dan akan membuat keputusan mengenai tindakan selanjutnya yang patut diambil, laporan Kementerian Kesihatan itu belum lagi dapat disiarkan secara umum. Kementerian berharap keputusan ini akan diperolehi tidak lama lagi dan laporan keracunan ini akan disiarkan kelak.

PROJEK SARONG TANGAN

29. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kedudukan sebenar jumlah kilang pengeluar sarong tangan getah Negara dan berapakah kadar jumlah pengeluaran itu untuk eksport. Apakah masalah yang dihadapi oleh pengeksport-pengeksport ini.

Tuan M. G. Pandithan: Setakat 31 Disember 1988, sebanyak 456 projek sarong tangan getah telah diluluskan oleh Kementerian saya di mana sebanyak 98 projek sedang dalam pengeluaran. Industri sarong tangan getah ini adalah berorientasikan eksport dan oleh itu hampir kesemua

pengeluarannya adalah untuk pasaran eksport terutamanya ke Amerika Syarikat.

Masalah besar yang sedang dihadapi oleh pengeksport-pengeksport sarong tangan ialah kejatuhan harga sarong tangan di pasaran Amerika Syarikat akibat daripada persaingan yang hebat dengan negara-negara pengeluar lain seperti Cina dan Taiwan. Selain daripada itu, pihak Food And Drug Administration (FDA) di Amerika Syarikat telah mengumumkan bahawa mulai 13 April 1989, semua pengeksport-pengeksport sarong tangan perlu mematuhi peraturan baru bagi pengeksportan keluaran ini ke negara tersebut. Peraturan ini berkaitan dengan mutu keluaran sarong tangan pemeriksaan yang melibatkan "pre-market notification" dan "good Manufacturing Practices" (GMP). Dengan itu pengeksport-pengeksport Malaysia hendaklah mengeluarkan sarong tangan yang bermutu tinggi untuk menentukan kita dapat terus bersaing dengan keluaran-keluaran negara lain dan pada masa yang sama dapat memenuhi keperluan mutu dan GMP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa di Amerika itu.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang yang telah mendapat kewarganegaraan Malaysia sejak merdeka hinggalah akhir 1988;
- (b) jumlah bilangan rakyat Malaysia yang telah dibatalkan kewarganegaraannya sehingga akhir tahun 1988;
- (c) jumlah bilangan permohonan kewarganegaraan yang sedang menunggu pemerosesan dan kelulusan; dan

- (d) fee yang dikenakan bagi pengeluaran sijil kewarganegaraan dengan memberi butir-butir amaun dan sebab-sebab dikenakan fee tersebut yang tidak pernah dikutip pada masa lalu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sejak merdeka hingga 31-12-1988 seramai 2,301,635 orang telah mendapat taraf warganegara Malaysia.
- (b) Dalam tempoh yang sama seramai 71,280 orang telah dibatalkan taraf kerakyatan mereka.
- (c) Pada masa ini sebanyak 6,484 permohonan kewarganegaraan sedang diproses.
- (d) Mengikut Perintah Fee (Kewarganegaraan) 1986, yang berkuatkuasa pada 1 Disember 1986, kadar yang dikenakan adalah tertakluk kepada jenis perolehan kewarganegaraan seperti berikut:

Perkara	Fee
(1) 15 (1)	\$300.00
(2) 15 (2), 15 (3) 15 (A) atau 16	\$100.00
(3) 19 (1) atau 19 (2):	
(a) Jika pemohon bermastautin di Negeri-negeri Tanah Melayu pada Hari Kemerdekaan.	\$200.00
(b) Jika pemohon mula bermastautin di Persekutuan selepas Hari Kemerdekaan.	\$300.00

Fee tersebut dikenakan selaras dengan kenaikan kos pengeluaran bahan-bahan sijil berkenaan memandangkan sebelumnya tiada bayaran dikenakan kecuali bagi 3 (b) dengan kadar \$100.00 sahaja.

**PROJEK PEMBAIKAN
LEBUHRAYA TIMUR-BARAT**

31. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab yang mengakibatkan kehilangan wang berjumlah berpuluh-puluh juta ringgit ketika melaksanakan kerja-kerja pemulihan runtutan cerun kepada lebuh raya Timur-Barat, seperti yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara atas akaun Kerajaan Persekutuan 1986, perenggan 188 dan 189; dan
- (b) apakah langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki usaha perundingan, penyediaan dokumentasi kontrak dan pelaksanaan persetujuan kontrak ketika melaksanakan projek lebuh raya besar-besaran oleh Kementerian berkenaan pada masa hadapan.

Dato' S. Samy Vellu: Sukalah saya menjelaskan dari awal bahawa tidak ada wang yang hilang akibat daripada pelaksanaan kerja-kerja pemulihan kepada lebuh raya Timur-Barat dalam ertikata yang sebenarnya. Izinkan saya memberi secara ringkas bagaimana peristiwa ini berlaku semasa melaksanakan projek pembaikan lebuh raya Timur-Barat ini dan juga kedudukannya dewasa ini.

Dalam tahun 1981, selepas sahaja jalan raya ini dibuka untuk laluan orang ramai, telah terdapat berlaku kerosakan dipermukaan lereng-lereng bukit yang merupakan, dengan izin, "surface erosion". Pada pertengahan tahun 1982 satu kontraktor telah mengemukakan cadangan atau "proposal" yang mengandungi cara dan kadar harga untuk membaiki kerosakan jalan raya itu. Belum sempat lagi cadangan itu dilaksanakan pada akhir tahun 1982, semasa musim tengkujuh kerosakan ke atas jalan

raya itu telah menjadi lebih serius di mana sebahagian daripada lereng-lereng bukit telah runtuh di beberapa tempat. Keadaan ini telah memaksa JKR membuat kerja-kerja kecemasan untuk mengelakkan jalan raya itu menjadi rosak lebih teruk dan ditutup dengan lama kepada lalulintas. Sesudah disiasat oleh JKR kerosakan itu di dapati berlainan daripada apa yang telah berlaku pada permulaannya. Oleh itu cara pembaikan yang perlu dilakukan adalah juga berlainan daripada apa yang telah dicadangkan di dalam "proposal" asal kontraktor tersebut. Oleh yang demikian, cadangan kontraktor asal telah tidak dipakai dan satu kontrak dokumen baru telah disediakan yang mengandungi cadangan-cadangan yang boleh membaiki kerosakan yang dialami.

Perbezaan pendapat di antara KKR/JKR dengan pihak audit adalah berpunca daripada cadangan asal kontraktor yang dibuat pada tahun 1982 dan yang dijadikan asas pengiraan oleh pihak audit, dan juga kontrak dokumen baru yang telah disediakan oleh JKR sebagai cara untuk membaiki kerosakan yang sebenarnya berlaku di lebuhraya Timur-Barat.

Kedua-dua dokumen tersebut seperti yang telah saya nyatakan itu adalah tidak serupa terutamanya dari skop kerjanya dan juga harga pembaikan yang dianggarkan oleh kedua-dua dokumen tersebut. Berdasarkan kepada itu sememangnya terdapat anggaran yang dibuat daripada kontrak dokumen baru itu lebih tinggi dari apa yang telah dianggarkan di dalam cadangan asal kontraktor dalam tahun 1982.

Pada pandangan saya ulasan yang telah diberi kepada audit membuktikan dengan jelas bahawa bayaran lebihan daripada sepatutnya telah tidak dibuat dalam kontrak ini, dan tuduhan mengenai kehilangan wang berpuluh-puluh juta ringgit itu

adalah tidak benar. Sebaliknya bayaran itu telah dibuat dengan berpatutan untuk memperbaiki jalan raya Timur-Barat yang mengalami kerosakan yang begitu teruk dan berkehendakkan cara pembaikan seperti yang telah dicadangkan di dalam kontrak dokumen baru yang saya nyatakan.

Oleh itu bayaran berlebihan yang dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara adalah semata-mata mengenai perbezaan cara menafsirkan dokumen kontrak yang telah ditandatangani yang mana mengikut JKR bayaran yang dibuat adalah mengikut syarat-syarat kontrak dan spesifikasi yang telah dipersetujui di dalam kontrak baru.

Keadaan semasa mengenai perkara ini ialah laporan yang dikemukakan oleh pihak audit kepada Kementerian telah pun diteliti dengan baik oleh Kementerian/Jabatan yang telah mengambil masa beberapa bulan untuk menyediakan komen-komen yang lengkap dengan "Technical Design" sebenarnya untuk menjelaskan sepenuhnya dan tepat mengenai perkara ini. Dokumen-dokumen itu baru sahaja diserahkan kepada pihak berkenaan dan Kementerian/Jabatan berpuashati dengan penjelasan yang diberi, dan diharap penerangan itu akan memberi kepuasan kepada pihak yang berkenaan supaya ia tidak berpanjangan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem dan prosedur perundingan penyediaan dokumen kontrak dan pelaksanaan persetujuan kontrak-kontrak yang sedia ada adalah mencukupi untuk memastikan semua projek-projek kecil dan besar yang selaras akan dilaksanakan oleh Kementerian ini dilakukan dengan sempurna. Oleh itu, saya berpendapat tidak perlu diadakan langkah-langkah lain-lain untuk membaiki perkara ini.

THAIPUSAM SEBAGAI CUTI AM

32. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti am negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Kerajaan tidak bercadang untuk mengisytiharkan hari Thaipusam sebagai cuti am bagi seluruh negara. Pada masa sekarang sebanyak 12 hari setahun telah diisytiharkan sebagai hari Kelepasan Am Persekutuan, yang meliputi hari-hari perayaan keagamaan, termasuk Hari Deepavali, iaitu hari perayaan agama Hindu. Di samping itu, tiap-tiap negeri dalam Malaysia telah pula menetapkan purata 4 hari sebagai hari Kelepasan Am Negeri. Ini bermakna bahawa tiap-tiap negeri mendapat purata sejumlah 16 hari dalam setahun sebagai cuti am.

Negara kita adalah sebuah negara yang pesat membangun. Oleh itu adalah difikirkan bahawa jumlah cuti am negara pada masa sekarang adalah mencukupi, malah adalah paling banyak jika dibandingkan dengan negara-negara jiran terdekat seperti Singapura, Thailand dan Indonesia. Penambahan cuti am negara akan mengurangkan hari bekerja lagi baik di sektor awam mahupun di sektor swasta dan ini seterusnya akan menjejaskan ekonomi dan pembangunan negara serta menambahkan kos pentadbiran Kerajaan.

Kerajaan amat menghormati serta memahami perasaan rakyat Malaysia yang beragama Hindu dalam perkara hari Thaipusam dijadikan cuti am. Oleh itu Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu supaya semua pegawai dan kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu dibolehkan mengambil cuti riha untuk menyambut hari Thaipusam. Kerajaan telah pun mengeluarkan

surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 1978 bertarikh 24 November 1978 untuk memastikan supaya Ketua-ketua Jabatan membenarkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan mereka yang beragama Hindu mengambil cuti riha bagi tujuan perayaan hari Thaipusam. Dalam bertikata yang lain, semua kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu di seluruh negara dapat merayakan hari tersebut.

KEBUDAYAAN TRADISI MELALUI RTM

33. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Penerangan menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian bagi memperbanyakkan lagi pengenalan tentang kebudayaan tradisi melalui RTM dan bilakah penggunaan sebutan Bahasa Baku hendak dilaksanakan sepenuhnya termasuk drama-drama swasta, rencana-rencana dan cerita-cerita yang dialihbahasakan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Kementerian ini melalui RTM sentiasa berusaha untuk memperbanyakkan lagi pengenalan budaya tradisi melalui radio dan televisyen. Ini khususnya dilakukan melalui rancangan-rancangan bercorak tradisional seperti Nada Budaya, Pesta Dendang Rakyat, Gema Budaya, Sastera dan Budaya dan sebagainya. Selain daripada itu unsur-unsur tradisi seperti tarian-tarian budaya, peradaban yang bersopan santun, sikap hormat menghormati terutama di hadapan orang-orang yang lebih tua dan tutur bahasa yang baik sentiasa diutamakan dalam rancangan-rancangan lain khususnya berbentuk drama.

Berhubung dengan penggunaan bahasa baku, amalan itu sudahpun dimulakan melalui radio dan televisyen khususnya dalam ucapan senikata lagu dan nyanyian dan juga dalam mengucapkan istilah-istilah yang sedia

dan diucapkan oleh orangramai dalam bentuk baku seperti infrastruktur, industri dan hospital. Pihak RTM akan terus menggunakan cara penyebutan baku itu secara beransur-ansur supaya ianya tidak menjadi janggal kepada pendengaran orangramai dan pemahaman mereka tidak terjejas memandangkan bahawa masih ramai rakyat Malaysia yang menggunakan sebutan yang lazim. Dalam hal ini haruslah diingat bahawa tugas Kementerian Penerangan khususnya RTM ialah untuk mengwujudkan komunikasi yang jelas dan tepat dengan rakyat dan oleh yang demikian, RTM perlulah menggunakan sebutan yang lazim yang digunakan oleh orang ramai. Malah bagi radio-radio tempatan sebutan dalam loghat tempatan juga adalah diizinkan di mana amalan tersebut dapat menambah pemahaman dan penerimaan mesej yang hendak disampaikan.

HAKMILIK TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN

34. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan perihal melanjutkan lagi tempoh pajakan tanah Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan, sejauh manakah kemajuan yang tercapai oleh Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan dalam kajian semula:

- (a) Pelan Susunatur;
- (b) Kedudukan Lot;
- (c) Kegunaan semasa lot-lot berkenaan;
- (d) Keperluan kemudahan awam; dan
- (e) Lain-lain aspek kajian (sila huraikan apakah di antara aspek-aspek ini).

Sementara itu, apakah rangka kasar polisi tanah yang sedang ditimbang atau diteliti oleh pihak Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan.

Jika langsung belum dimulakan kerja merangka dasar, mengapa?

Adakah bakal dasar tanah yang berhasil dari kajian khusus Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan dan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan menjadi garis-garis panduan kasar bagi proses melanjutkan tempoh pajakan tanah di kampung-kampung baru di seluruh Malaysia. Jika tidak, mengapa, jika ya, maka, apakah agaknya pindaan yang akan perlu dibuat ke atas Kanun Tanah Negara bagi memperuntukkan kebenaran melanjutkan tempoh pajakan tanah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Suleiman bin Mohamed):

Kerajaan melalui Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan masih lagi memproses permohonan untuk mendapatkan semula hakmilik tanah di kawasan Kepung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan yang kebanyakannya akan luput tempoh pajakannya pada akhir tahun 1989 ini. Kajian yang sedang dijalankan adalah menyeluruh, yang menyentuh aspek-aspek pelan susunatur, kedudukan lot-lot tanah, kegunaan semasa lot-lot yang berkenaan, keperluan kemudahan awam dan sebagainya. Kajian berkenaan yang melibatkan kawasan-kawasan seluas lebih kurang 330 ekar (atau 2548 tot) di Jinjang Utara dan 120 ekar (atau 794 lot) di Jinjang Selatan masih belum disiapkan, tetapi telah dijadualkan akan siap dalam tahun 1989 ini.

Mengenai kemajuan terhadap kajian-kajian yang telah dan sedang dijalankan, dapat diterangkan seperti berikut:

(a) Pelan Susunatur

Aspek ini memerlukan kajian yang lebih teliti kerana terdapat masalah-masalah mengenai penggunaan tanah di mana bangunan-bangunan yang sedia ada tidak terletak di dalam lot-lot mengikut pelan-pelan

susunatur yang telah diluluskan untuk hakmilik yang telah didaftarkan di kawasan ini. Oleh yang demikian, pelan susunatur bagi kawasan ini perlu dikaji semula secara mendalam oleh Jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jika perlu, Jabatan Ukur.

(b) *Kedudukan Lot*

Kedudukan setiap lot-lot tanah perlu dikaji dan dibuat penyiasatan sewajarnya terhadap tanah berkenaan.

(c) *Kegunaan Semasa Lot-lot Berkenaan*

Kerajaan dengan kerjasama Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan juga sedang mengkaji dengan lebih lanjut mengenai kegunaan tanah yang berkenaan sama ada ianya digunakan mengikut kegunaan tanah yang ditetapkan dalam suratan hakmilik tanah atau sebaliknya. Ini bertujuan bagi membolehkan ianya diberi gambaran yang jelas sebelum keputusan diperbuat.

(d) *Keperluan Kemudahan Awam*

Aspek kajian ini termasuklah keperluan untuk pembesaran jalan, perparitan dan sebagainya. Kajian ini akan berjalan serentak semasa menetapkan pelan susunatur bagi kawasan tanah yang berkenaan.

(e) *Lain-lain Aspek Kajian*

Lain-lain aspek kajian termasuklah masalah-masalah tertentu yang berkaitan dengan permohonan tanah di kawasan ini seperti permohonan yang dibuat secara berasingan di antara pemilik tanah atau pihak-pihak lain yang berkepentingan dan masalah-masalah berkaitan dengan penggunaan tanah untuk tujuan-tujuan lain seperti lot-lot

rumah kediaman yang digunakan untuk kedai, bengkel, kilang dan sebagainya.

Pada masa ini, belum ditentukan apakah rangka polisi tanah yang akan diputuskan bagi menimbangkan permohonan untuk mendapatkan semula hakmilik tanah di kawasan Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan oleh kerana Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan sedang meneruskan tindakan bagi memproses permohonan-permohonan ini. Bagaimanapun, sebarang bentuk keputusan dan dasar permohonan untuk mendapatkan semula hakmilik-hakmilik tanah di Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan ini hanya dalam urusan Wilayah Persekutuan sahaja. Ianya tidak akan menyentuh dasar-dasar dan keputusan-keputusan mengenai hakmilik tanah di kawasan Kampung-kampung Baru yang lain di seluruh Malaysia memandangkan:

- (i) setiap Kampung Baru tidak di dalam situasi yang sama. Oleh yang demikian corak pembangunannya adalah berlainan di antara satu dengan yang lain; dan
- (ii) keputusan mengenai Kampung-kampung Baru yang lain adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh negeri yang berkenaan.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi mengadakan garis panduan mengenai permohonan untuk mendapatkan semula hakmilik tanah di kawasan Kampung Baru di seluruh Malaysia, saya berpendapat peruntukan undang-undang yang ada sekarang boleh digunakan sebaiknya untuk menyelesaikan permohonan yang berkenaan di peringkat negeri berkenaan dengan tidak perlu meminda undang-undang yang sedang terpakai. Dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang dijalankan

di peringkat negeri sebenarnya adalah dasar-dasar secara pentadbiran yang dirangka oleh negeri-negeri yang berkenaan berdasarkan situasi, "merit" dan sebagainya, tetapi pelaksanaan adalah mengikut peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang tanah yang ada dan kaedah-kaedah tanah negeri bagi negeri-negeri yang berkenaan.

LAWATAN MENTERI KE TAIWAN

35. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa lawatan beliau dan Menteri Buruh ke Taiwan pada bulan Julai 1988 tidak direkodkan sebagai lawatan rasmi seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di mesyuarat Parlimen yang lepas; dan
- (b) siapa yang membiayai perbelanjaan yang tertanggung.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Seperti yang telah dijelaskan terlebih dahulu bahawa Yang Berhormat Menteri Luar dan Yang Berhormat Menteri Buruh tidak melakukan lawatan ke Taiwan.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa Malaysia mengiktiraf Republik Rakyat China sebagai kerajaan sah dan tunggal bagi seluruh kawasan China. Taiwan adalah dianggap sebagai wilayah Republik Rakyat China. Oleh itu soal lawatan rasmi ke Taiwan tidak timbul.

LAPORAN MENGENAI RASUAH- SIASATAN

36. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil penyiasatan yang dijalankan ke dalam berbagai jenis laporan yang

telah dibuat di Sabah, khususnya yang berikut:

- (a) Laporan yang dibuat oleh Haji Laugan mengenai kontrak perundingan bernilai iebih daripada \$214 juta di mana Badan Pencegah Rasuah telah pun merampas kurang 200 fail dari Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya;
- (b) Projek Pembekalan Air Sandakan yang dianggarkan bernilai \$120 juta sahaja manakala di dakwa dibereskan oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Kontrak perundingan dengan kos \$154 juta; dan
- (c) aduan yang dibuat oleh ahli perniagaan, Peter Hu, terhadap Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang didakwa memperuntukkan konsesi kawasan kayu balak seluas 79050 ekar kepada dua syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan. Mengapakah adanya kelewatan yang begitu lama dalam penyiasatan yang tersebut di atas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusuf bin Haji Mohamed Nor): Ketiga-tiga laporan sepertimana yang dinyatakan di dalam soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan masih lagi di dalam perhatian dan tindakan pihak BPR. Dengan demikian, hasil siasatan belum lagi dapat dikemukakan di Dewan ini.

BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

37. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan bilakah masalah banjir di Wilayah Persekutuan dapat diatasi sepenuhnya, berasaskan kepada pelaksanaan Program Penebatan Banjir dan Perparitan Wilayah

Persekutuan. Sejauhmanakah program perparitan dapat dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini berbanding dengan program pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur pada masa ini.

Dr Suleiman bin Mohamed:

Rancangan penghapusan masalah banjir di Wilayah Persekutuan adalah merupakan satu program yang berterusan. Program ini bukan sahaja melibatkan perbelanjaan yang besar, tetapi ianya juga merangkumi peruntukan tahunan terutamanya bagi kerja-kerja penyelenggaraan.

Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Parit dan Taliair telah dan sedang melaksanakan projek-projek penebatan banjir secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan, dan tumpuan diberikan kepada implementasi penyelarasan yang sempurna terhadap sungai-sungai utama di Wilayah Persekutuan. Dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kerajaan juga telah dan sedang mengatur program tertentu terhadap penyelarasan semula parit induk dan sistem perparitan "retikulasi".

Memandangkan satu peruntukan yang besar diperlukan bagi program pelan induk perparitan, Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terpaksa mengatur program berbentuk jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir ini. Program jangka pendek dan jangka panjang tersebut adalah seperti berikut:

Strategi Jangka Pendek

- (a) Memperbaiki sistem perparitan induk dalam kawasan-kawasan tadahan yang kritikal.
- (b) Memperbaiki/mempertingkatkan struktur-struktur yang menyekat aliran dalam sistem perparitan induk yang sedia wujud.

- (c) Mempertingkatkan tahap penyelenggaraan sistem perparitan induk bawah tanah, khususnya dari segi pembersihan kelodak dan sampah sarap.
- (d) Mengubahsuaikan bekas lombong ke taraf kolam takungan air dan kelodak.
- (e) Mengadakan perangkap kelodak/sampah dalam sistem perparitan.

Strategi Jangka Panjang

- (a) Memperbaiki/mempertingkatkan sungai-sungai kecil/parit induk.
- (b) Memperbaiki saluran sungai-sungai besar.
- (c) Pengindahan dan pembersihan sungai-sungai utama.
- (d) Penempatan semula setinggan-setinggan,

Untuk makluman Yang Berhormat, persoalan bilakah masalah banjir ini dapat diatasi sepenuhnya adalah bergantung kepada struktur geografi dan keadaan alam sekitar yang berubah-ubah. Begitu juga dengan pelaksanaan program perparitan sekarang adalah bertujuan mengatasi masalah ini, dan tidak ada kaitannya dengan projek-projek pembangunan lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

**PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI**

38. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan telah dilaksanakan untuk Universiti-universiti tempatan menarik peruntukan penyelidikan (research grants) dari pihak industri di sektor swasta serta dari pihak sektor awam, supaya institusi-institusi pelajaran tinggi akan dijadikan pusat Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development) bagi usaha perindustrian negara kita.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan penyelidikan dan pembangunan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan adalah merupakan pelengkap kepada kegiatan penyelidikan yang dijalankan oleh institusi-institusi di sektor awam dan swasta. Oleh itu, di dalam Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$130 juta telah diperuntukkan khas bagi melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan di dalam usaha perindustrian negara ini.

PERJUDIAN YANG BERLESEN

39. Tuan Lau Dak Kee minta Menten Kewangan menyatakan sedar atau tidak berbagai jenis perjudian yang berlesen telah membanjiri seluruh masyarakat kita seperti Loteri Kebajikan Masyarakat, Loteri 4-D, 3-D, Lumba Kuda, "Off Course Betting", Kasino di Genting Highland, Toto, Jackpot dan lain-lain lagi. Baru-baru ini, munculnya satu lagi loteri "Big Sweep" sehingga keadaan tidak dapat di kawal, maka ia akan membawa Negara Malaysia ini menjadi sebuah negara perjudian atau pusat perjudian di Rantau Asia atau sedunia. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan masih berminat untuk menghapuskan segala-gala perjudian yang wujud di negara ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar tentang beberapa jenis aktiviti perjudian yang dibenarkan beroperasi di Negara ini.

Kegiatan judi haram berleluasa di Negara kita dan kegiatan judi haram ini menimbulkan berbagai masalah dari segi sosial serta keselamatan dan oleh itu perlu di kawal. Tujuan Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen perjudian adalah untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan judi haram. Pemberian lesen-lesen perjudian

tersebut tidak akan membawa Negara Malaysia ini menjadi sebuah negara perjudian. Walau bagaimanapun, Kerajaan pada masa ini sedang merangka garis panduan yang baru bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan lagi. Dalam hubungan ini Kerajaan ingin menegaskan bahawa lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan dan jika perlu kebanyakan lesen-lesen yang telah dikeluarkan akan di tarik balik oleh Kerajaan. Kerajaan juga tidak akan meluluskan peralihan ejen-ejen baru kepada pihak-pihak yang sekarang ini menjalankan segala kegiatan tersebut.

Mengenai loteri "Big Sweep" pula, "Big Sweep" bukanlah merupakan satu bentuk loteri yang baru. Sebenarnya Kelab-kelab Lumba Kuda Selangor, Pulau Pinang dan Perak telah mengadakan loteri "Big Sweep" ini semenjak 1965 lagi. "Big Sweep" adalah dianjurkan di bawah "Racing Club (Public Sweepstake) Act, 1965" di mana Kelab-kelab Lumba Kuda boleh menganjurkan "Big Sweep" berdasarkan kepada perlumbaan kuda.

BUY BRITISH LAST

40. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apabila negara mengenakan dasar "Jangan Beli Barangan British" awal tahun 1980an lalu apakah kesannya terhadap hubungan dagangan antara kedua negara;
- (b) apakah yang terjadi ke atas wakil-wakil dan agensi-agensi barangan British di Malaysia yang terlibat dengan dasar itu; Adakah mereka telah berjaya menukar perniagaan mereka dengan yang lain atau mereka telah menutup perniagaan mereka dan ramai manakah mereka yang terlibat;

- (c) apabila dasar tadi berubah dan barangan British boleh dibeli semula, ramai manakah agensi-agensi itu memulihkan semula perniagaannya atau adakah apa-apa perubahan dalam pengendalian perniagaan itu.

Tuan M. G. Pandithan: Dasar "Beli Barangan British Akhir Sekali" ataupun "Buy British Last" yang telah dimansuhkan pada tahun 1985 telah dapat menyampaikan mesej dan tujuannya kepada Kerajaan British. Antara lain ialah mengenai kesedaran negara itu kepada masalah-masalah pelajar Malaysia di Britain. Dasar ini juga telah meletakkan hubungan dagangan yang lebih baik antara kedua-dua negara. Sejak tahun 1985 jumlah perdagangan antara kedua-dua negara telah bertambah iaitu daripada M\$2,191.8 juta kepada M\$2,515.2 juta pada tahun 1986, M\$2,820.1 juta pada tahun 1987 dan M\$4,065.0 juta pada tahun 1988.

Memang ada agensi-agensi barangan British di Malaysia, terutama yang bergantung kepada tender-tender Kerajaan yang telah menerima kesan negatif dari dasar ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak mempunyai angka-angka yang sahih mengenai syarikat-syarikat yang terlibat. Sungguhpun begitu, selepas dasar ini dimansuhkan agensi-agensi tersebut telah dapat memulihkan semula perniagaan mereka dan berjalan seperti biasa.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**KESIHATAN Y.B. AHLI DARI
TANJONG**

3.40ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 18 (2) dengan ini saya

memberi pemberitahuan bahawa saya ingin meminta izin mencadangkan Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi tujuan merunding satu perkara yang tertentu berkenaan penyakit bahu, tulang belikat dan leher Lim Kit Siang yang berterusan sejak Oktober 1988. Kesakitan dan pembatasan pergerakan bahu kanan, tulang belikat dan leher beliau telah bermula sejak enam bulan yang lalu. Usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan membincangkan perkara tersebut. Yang Berhormat dari Tanjong telah menjadi sangat kurus dengan kehilangan lebih 40 paun berat badannya sejak 27hb Oktober, 1987 dan tahun lepas, beliau mengidap penyakit darah di dalam kencing. Walaupun beliau telah dimasukkan ke Hospital Daerah Taiping, punca darah di dalam kencing itu belum lagi diketahui tetapi disyaki kerana jangkitan. Setahu kami, beliau tidak pernah diperiksa oleh pakar buah pinggang.

Yang Berhormat dari Tanjong telah mengalami kesakitan pada bahu, tulang belikat dan leher sejak enam bulan yang lalu. Di samping itu, beliau tidak berkebolehan untuk mengangkat dan memutar lengan kanannya. Walaupun beliau telah dimasukkan ke Hospital Taiping dan doktor-doktor telah cuba dengan sedaya upaya untuk memberi rawatan, akan tetapi punca "the painful restrictive shoulder syndrome", sindrom bahu terhad yang sakit masih tidak diketahui dan ini sangat membimbangkan. Haruslah disebutkan di sini bahawa Hospital Taiping tidak mempunyai seorang doktor pakar penyakit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perenggan saya tidak dibenarkan membaca di sini.

Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa Yang Berhormat dari Tanjong sebagai Ketua Pembangkang yang telah diamanahkan oleh orang ramai untuk menjaga kebaikan dan kepentingan mereka, penahanannya akan melibatkan pekerjaannya. Beliau mempunyai tanggungjawab bukan hanya untuk kira-kira satu juta pengundi DAP, bahkan juga orang-orang yang tidak setuju dengan dasar Kerajaan. Melanjutkan penahanannya mungkin akan menyebabkan penyakitnya yang akan membawa komplikasi yang lain. Adakah punca penyakitnya yang sebenar. Adakah kemungkinan barah? Adakah pengapuran pada otot berlaku? Adakah otot menjadi semakin lemah? Bagaimana dengan urat saraf dan bekalan darah? Adakah pembedahan diperlukan?

Tuan Yang di-Pertua, maka memandangkan keadaan yang serius, Yang Berhormat dari Tanjong hendaklah di bawa ke Kuala Lumpur dengan secepat mungkin supaya beliau dapat diperiksa oleh doktor yang pakar dalam penyakit bahu, tulang belikat dan leher supaya punca penyakitnya dapat ditemui dan rawatan yang berpatutan diberikan. Ini adalah perlu untuk mengelakkan kecacatan lengan kanannya seumur hidup yang mungkin berlaku kerana sikap Kementerian Dalam Negeri yang casual, dengan izin, cavalier, callous, lackadaisical ke atas penyakit yang dihindangi oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Dengan ini, kami meminta izin mencadangkan Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi tujuan menimbangankan perkara ini.

Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18

daripada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Kepong pagi ini berkenaan dengan keadaan kesihatan Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Tanjong yang telah mengalami kesakitan pada bahu, tulang belikat dan leher sejak enam bulan yang lalu sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dalam ucapannya sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menggunakan mesyuarat hari ini kecuali jika Yang di-Pertua berpuashati bahawa perkara yang ditimbangankan itu menepati tiga syarat berikut:

- (i) perkara itu perkara tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak diseragamkan.

Mengikut apa yang telah diterangkan kepada saya oleh pihak Kementerian Kesihatan, tindakan yang perlu telah diambil untuk memberi rawatan perubatan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Beliau telah dimasukkan ke hospital Taiping dan telah diambil X-ray dan diberi ujian darah serta diberi ubat-ubat yang perlu. Ini diikuti pula dengan physiotherapy dan X-ray treatment. Selepas beliau dikeluarkan dari hospital, beliau diperiksa oleh doktor heberapa kali lagi dan di dalam pandangan pakar perunding perubatan, Yang Berhonnat Ahli dari Tanjong itu telah sembuh. Saya juga telah diberitahu bahawa keadaan Yang Berhormat itu akan terus diawasi dan jika perlu akan dirujukkan kepada pakar-pakar lain dan jika didapati perlu Yang Berhormat itu akan dibawa ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

Saya dapati bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan perbincangannya sehingga Mesyuarat

Dewan Rakyat petang ini perlu ditangguhkan untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan itu. Oleh kerana itu saya menolak Usul Ahli Yang Berhormat dari Kepong. (Tepuk)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (22hb Mac, 1989).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau, sila sambung.

3.47ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya ingin menyambung ucapan saya semalam. Cuma saya hendak tegur sekali lagi iaitu setelah semalam hadir jamuan, pagi ini saya cuba mendapatkan Akta Induk, saya gagal. Saya pergi Jabatan Perdana Menteri, dia sumh pergi Jabatan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara suruh saya pergi ke Jabatan Percetakan untuk membeli sendiri. Jadi saya terpaksa pakai apa yang diedarkan di Parlimen. Ini bermakna banyak fakta-fakta saya yang perlu dilihat dan banyak fakta-fakta yang betul perlu diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung apa yang diperkatakan semalam berhubung dengan Fasal 7. Saya bersetuju dengan pihak Kerajaan supaya Akta ini diadakan untuk menjamin supaya mangsa-mangsa rogol dipertahankan. Saya juga

bersetuju supaya had umur dinaikkan daripada 13 ke 16 tahun kerana kita lihat pada masa sekarang 13 tahun mengikut orang-orang Asia ini, 13 tahun masih kecil lagi tetapi 16 tahun saya ingat sampai ke umur matang dan dengan itu boleh memberi kesabaran kepada mereka sampai ke umur tersebut barulah boleh membuat persetubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk ke fasal lain yang daripada awal lagi Fasal 3, saya hendak sentuh Fasal 7 dahulu iaitu berhubung dengan tafsiran rogol. Tafsiran rogol ini saya kurang pasti, siapa yang membuat kajian, saya dengar cerita daripada tahun 1984 dibuat kajian tetapi saya kurang pasti siapakah ahli-ahli yang hadir dalam jawatankuasa yang berkenaan, apakah mereka sebenarnya merangkumi pihak-pihak yang boleh memberi pendapat dan pandangan supaya apa yang kita buat ini tidak dipersoal nanti. All right!

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 375 iaitu berhubung dengan definasi rogol. Yang pertama itu saya bersetuju, yang kedua juga saya setuju. Yang ketiga juga saya setuju iaitu perlakuan sexual dengan kebenarannya tetapi dengan secara ugutan.

Yang keempatnya, iaitu periakuan persetubuhan dengan kebenarannya kerana wanita itu menganggap bahawa orang yang melakukan persetubuhan itu seolah-olah suaminya tetapi yang melakukan persetubuhan itu sebenarnya bukan suaminya.

Saya ingin bertanya kepada Peguam Negara—saya percaya Peguam Negara yang drafkan ini—berapakah kes yang terdapat di Malaysia yang terlibat dengan macam ini di mana orang perempuan atau wanita berkenaan tidak tahu orang yang duduk atas dia itu bukan suaminya? Berapa kes yang terdapat di Malaysia? Saya rujuk buku-buku dan semalam saya sempat bertanya

kaum-kaum wanita dan juga siang ini, sepanjang pagi ini saya bertanya termasuk orang-orang yang pernah terlibat dalam mendrafkan undang-undang ini, mereka kata mungkin di Malaysia ini orang malu untuk membuat laporan. Tetapi kes yang pernah disebut ini cuma dua, tiga kes sahaja yang terdapat di England iaitu perempuan yang pergi ke kelab-kelab malam, pergi ke bar, dia mabuk-mabuk sedikit, kemudian dia balik, mungkin lampu rosak malam itu di rumahnya, kemudian datang satu orang masuk ke dalam rumah, membuat hubungan jenis dengannya dan dia sangka itu suaminya. Kalau selalu berada dengan suaminya—tidak tahulah kalau dia jumpa setahun sekali—dia sangka lelaki itu adalah suaminya. Tetapi kalau suami ini sentiasa berada dengan isteri, bagaimana dia boleh silap? Walaupun dia mabuk bagaimanapun, sampai peringkat itu saya percaya dia akan merasai bahawa itu ialah suaminya atau lelaki yang mengadakan hubungan jenis itu adalah suaminya.

Jadi, saya ingin bertanya, saya minta Yang Berhormat tolong rujuklah kepada pegawai-pegawai berapa kes yang terdapat di Malaysia yang macam ini. Sebab saya takut ini jadi kes macam kes dadah, kes menghidu gam. Orang tidak tahu, budak-budak muda tidak tahu bahawa menghidu gam ini ialah satu yang boleh merosakkan pemikiran hingga mereka menjadi penagih dadah. Tetapi bila kita cerita kepada umum bahawa ini adalah salah maka orang ingin mencuba menghidu gam bukan bahaya. Kita mengambil gam basikal, kita hidu, kemudian kita naik syok, akhirnya hayal, akhirnya kepala kita rosak dan lebih teruk daripada dadah. Kerana kita mencerita itu orang mencuba kerana kita menceritakan, seolah-olah kita membuat publisiti sehingga kita lihat penambahan kes menghidu gam. Demikian juga kes ini. Orang tidak tahu, saya percaya, saya takut orang-orang akan mencuba dan

kes ini barulah jadi kes. Tetapi kalau tidak ada benda disebut, tidaklah jadi kes.

Jadi, kalau hendak draf apa-apa pun Yang Berhormat, bukan sahaja Yang Berhormat, tetapi pegawai-pegawai dan lain-lain lagi, Yang Berhormat pun ada sama, fikir dahulu, kes ini di mana kita dapat. Jaranglah orang-orang di sini yang terlibat kecuali orang itu masuk dan mengadakan hubungan jenis dengan cara paksa, itu rogollah. Ini dia benarkan. Lepas dia seronok dia kata orang rogol dia, ataupun dia takut suami dia kata, engkau melakukan hubungan jenis dengan lelaki lain maka aku akan mengambil tindakan. Jadi, dengan itu dia kata orang itu rogol dia, Saya ingat abang tadi yang melakukan hubungan jenis, bukan orang lain. Ini cerita seolah-olah hendak mengenakan orang, hendak menyelamatkan diri. Ini maaf cakap, sebab kes ini sebenarnya berlaku. Kita hendak elakkan supaya mana-mana pihak tidak menyalahgunakan definisi rogol yang keempat itu di bawah Fasal 7. Jadi, saya minta tolong beritahu sebab saya minta hari ini juga dijawab kalau dapat, sebab selepas Yang Berhormat jawab sekejap lagi saya hendak bangkit pertanyaan yang lain penjelasan berhubung dengan definisi ini.

Kemudian, tafsiran kelima, dia kata "with her consent" iaitu. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat minta soalan spesifik itu dalam Jawatan-kuasa. Sekarang kita bincang dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak mengapa, dia jawab, saya cerita balik. Sebentar lagi dia jawab. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bukan tidak mengapa. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Bila dia jawab saya bangkit penjelasan. Jawatankuasa pun saya tanya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang kita bincang dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, dasar tidak mengapalah, boleh. Tetapi macam mana pun saya hendak tanya fasal berapa kes ini diadakan. Tentulah ada beberapa kes. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua sebagai lawyer tahu benda ini.

Saya ingat tidak patut diadakan. Yang kelima ini iaitu "with her consent" dengan izin, iaitu dia melakukan hubungan jenis ini tetapi dia tidak tahu akibat dia melakukan hubungan jenis tersebut. All right, ini mungkin kita merujuk kepada wanita-wanita, kita hendak pertahankan wanita-wanita yang orang kata mungkin kurang akal. Dia melakukan hubungan jenis, dia tidak tahu dan lepas itu mengandung. Selepas mengandung nanti dapat anak walaupun belum berkahwin—tidak mengapalah—ataupun perempuan yang bomoh tipu dia. Kalau buat macam ini, hubungan jenis ini, penyakit ini, baik, bolehlah kita maafkan.

Tetapi bagaimana pula kes orang-orang biasa? Orang-orang biasa yang melakukan hubungan jenis termasuklah orang cerdik-pandai, wanita cerdik-pandai, lelaki cerdik-pandai, semasa bercinta. tidak ingat, tetapi lepas sudah jadi itu, dia lawan tuduh-menuduh. Jadi, kes ini akan terikat, Lepas itu dalam masa yang sama bukan "with her consent", tetapi "without her consent". Fasal apa "with her consent" pula. Kalau "with her consent" mereka sama-sama seronok. Ini "without her consent", makna kata dia tanpa kehendak dan dia terpaksa buat perkara itu kerana diberitahu bahawa perkara ini tidak akan berlaku mengandung dan sebagainya, sebaliknya boleh

mengubati jerawat dan lain-lain lagi. Ini ialah sepatutnya "without her consent", Fasal apa "with her consent" pula? Jadi, definisi ini diberi dalam bentuk orang kata kita terawang-awang dan kita minta supaya dilihat balik. Kita takut nanti berlaku penyalahgunaan dalam bentuk yang orang perempuan, minta maaf, mungkin hendak kenakan lelaki, dia cerita kalau buat macam ini bagus. Jadi, dengan itu sudah melakukan tetapi sebenarnya jadi macam lain, saya terpaksa mengandung dan sebagainya. Ini harus dilihat cara orang-orang biasa bercakap bila melihat undang-undang ini diperkenalkan. Habis fasal tajuk definisi rogol.

Kemudian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 dan 4.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, secara detail ini patut dibuat dalam Jawatankuasa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini dasar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini bukan dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa fasal bukan dasar pula?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau dasar, atas prinsip.

Tuan Shahidan bin Kassim: No! no! no! kita bincang fasal Akta. Saya sudah bincang lama, Tuan Yang di-Pertua, duduk tiga tahun dalam Parlimen, fasal dasar kita kena rujuklah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi Yang Berhormat kata no, no, no, itu perkataan apa? (*Ketawa*) Jadi, Bahasa Malaysiakah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu perkataan yang dikeluarkan sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Perkataan "bujang senang".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cuba Yang Berhormat atas dasar, jangan secara terperinci.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa beza dasar dan dengan bukan dasar? Ini dasar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat jangan menyoal.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, saya sudah prepare macam ini. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat tidak hendak, saya akan berhenti.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay! okay, Tuan Yang di-Pertua. Ini susahlah. Saya juga ingin menyentuh, tadi saya sentuh fasal definisi. Sekarang saya hendak sentuh fasal Akta ini yang telah merangkumi berhubung dengan perkara-perkara—ini susah hendak cakap, kerana Tuan Yang di-Pertua tegur macam ini—berhubung dengan perkara-perkara yang melibatkan anak muda dari segi penyalahgunaan bahan-bahan lucah, terutamanya kalau boleh, walaupun ini bukan dalam Jawatankuasa, rujuk kepada Fasal 3 dan 4 sebab menyenangkan Menteri yang berkenaan menjawab. Masalahnya satu, Tuan Yang di-Pertua, barang-barang ini berada dalam Malaysia, kita tidak dapat menafikan. Yang Berhormat tahu, saya tahu, Ahli-ahli Parlimen tahu, semua orang tahu, ada, kita boleh dapat perkara-perkara ini. Malah katau kita pergi bertanya ada tapis, ada censor—tidak ada, katanya, bermakna di mana-mana pun ada. Tetapi masalah sekarang ialah masalah penguatkuasaan. Kalau sekiranya kadang-kadang kita hendak suruh anak kita ataupun adik-adik kita pergi ke kedai ambil video wrestling,

dia minta juga video cerita hantu. Cerita hantu ini kadang-kadang banyak yang tidak ditapis, kalau tengok tengah malam jangan beri orang lain tengok. Ini telah mendedahkan perkara-perkara yang boleh menyebabkan orang-orang naik ghairah dan sebagainya. Jadi, masalah sekarang kita mengadakan Akta ini tetapi di sini berlambak, mencurahkan yang boleh didapati dengan mudah termasuk perkara-perkara yang telah diseludup. Sekarang semua anak-anak muda tahu, kadang-kadang kita melihat, kadang-kadang yang saya boleh tahu, saya pernah. . . .

Tuan Tan Kok Wai: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Tidak cukup bilangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Setiausaha, sila. Tak cukup kuorum, bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cukup kuorum, Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ini ada limit masa atau tidak? Kawan-kawan saya minta, dia kata berhenti, berhenti dia hendak cakap pula. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Akta ini juga iaitu berhubung dengan apa yang disebutkan pengguguran, Yang Berhormat Menteri boleh merujuk Fasal 5.

Dengan mengadakan Akta ini iaitu membenarkan pengamal-pengamal perubatan boleh menggugurkan kandungan dengan alasan bahawa ianya takut sekiranya tidak dibuat demikian ia boleh menyebabkan kecederaan, kecacatan fizikal, mental perempuan dan juga lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, soal undang-undang termasuk juga soal perubatan. Walaupun dari segi perubatan ini kita harus tepat tetapi kadang-kadang kita buat kerja tidak tepat. Kita kata sakit appendiks, sebenarnya kadang-kadang sakit lain, kadang-kadang kita kena ambil second opinion, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, demikian juga undang-undang.

Ini tentang perkara ini bila kita membenarkan pengguguran sebab takut ia menimbulkan kecederaan ataupun mental perempuan yang berkenaan, hak mental ini memang boleh kita definisikan dengan begitu luas. Kita kata fasal apa, takut nanti rosak pemikirannya sebab dia malu, dia belum kahwin dan sebagainya. Dengan secara tidak langsung Malaysia telah membenarkan pengguguran secara sah. Apakah implikasinya Yang Berhormat baru-baru ini kita dengar di Amerika, di England orang habis-habisan menentang pengguguran. Malah semasa bertanding Presiden baru-baru ini, perkara ini ditimbulkan. Michael Dukakis mengatakan bahawa kalau anaknya mengandung, dia tidak akan benarkan anaknya untuk menggugurkan anak, dia kata teruskan sampai dia dapat anak walaupun di luar nikah. Jadi, soal ini harus difikir sebab ini seolah-olahnya kita membenarkan pengguguran. Semua orang sekarang gembira untuk menggugurkan anak di mana-mana kerana Akta ini telah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya keliru dengan Yang Berhormat dari Arau. Dalam Akta ini jelas mengatakan bahawa pengguguran itu dibolehkan bukan sahaja kerana hendak beranak tetapi demi keselamatan fizikal, demi keselamatan mental. Apakah tidak boleh digugurkan kalau sekiranya boleh membahayakan fisik dia, tubuh badan dia atau mental dia?

Bukan sahaja-sahaja hendak gugurkan kerana anak itu haram, hendak buang anak, bukan begitu. Jadi, saya minta penjelasanlah. Jangan dok cerita sahaja. Terima kasih. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, dia tidak pakar dalam hal ini. (*Ketawa*) Saya dahulu semasa jadi S.D.O. ataupun D.O., banyak kes-kes ini datang pada saya, jadi saya mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya cuba baca ayat-ayat itu, keadaan fisik atau mental. Sebut sahaja mental ini boleh macam-macam. Kalau kita benarkan dia teruskan anak dia nanti, fikiran dia susah, terjun telaga dan sebagainya. Makna kata cara otomatis undang-undang ini membenarkan pengguguran. Sudah tidak boleh elak lagi. Siapa pun boleh. Sekarang ini saya yang takut satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sebab kaum pemimpin-pemimpin wanita sekarang ini mempertahankan poligami dan sebagainya. Jadi, takut kot-kot suami dia tidak boleh poligami, dia buat diam-diam, mengandung; mengandung, kena gugurlah. Menggugurkan kandungan sekarang sudah sah. Tidak ada masalah apa, ini sahlah undang-undang ini.

Jadi kita membenarkan, tidak membenarkan suami kita kahwin lain, kita benarkan suami kita untuk menggugurkan anak, maaf cakap, ini cerita yang akan berlaku dan dijangka berlaku.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Daripada intonasi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Arau ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Intonasi?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya. Intonasi. (*Ketawa*) Seolah-olah memohon kepada pihak kaum wanita membenarkan kaum lelaki yang kahwin lebih dari satu menyelamatkan mereka daripada membuat sesuatu yang tidak baik. Keduanya, saya menolong beliau untuk menjelaskan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Marang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh tolong kerana dia kata dia pakar. (*Ketawa*) Ya, sila teruskan Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya rasa saya juga pakar sedikit-sedikit. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ucap terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila sampai tentang rogol, gugur anak ini banyak orang mengaku dia pakar. Doktor sendiri tidak mengaku dia pakar lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak sebut di sini, what's your penjelasan tadi? (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Beliau itu betul-betul memohon kepada kawannya

Tuan Shahidan bin Kassim: Oh, tidak, tidak. Saya maksudkan begini, Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak boleh pohon. Orang Islam apa hendak pohon tetapi tidak boleh melanggar peraturan Islam dengan kata "tidak boleh". Itu maksud saya, sebab saya

takut mereka ini menyalahi apa yang telah ditetapkan oleh Islam. Tidak payah pohon, pohon apa pula, ini hak kita.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Yang Berhormat dari Arau ini dia pakar dari segi cerita sahaja. (*Ketawa*) Saya pakar dari segi Akta. Dari segi Akta, dari segi cadangan pindaan ini dibolehkan menggugurkan kandungan itu kiranya membahayakan fizikal termasuklah dari segi anak itu halalkah, tidak halalkah, itu cerita lainlah, itu bab lain. Jadi kalau dia tidak bersetuju pengguguran dilakukan saya rasa tidak betul sehingga boleh membunuh nyawa yang ada, merosakkan mental yang ada. Jadi mana satu yang dirujuk ini? Adakah dimaksudkan tidak boleh digugurkan kerana sahaja-sahaja hendak gugurkan tetapi kalau anak itu sudah songsang, anak itu sudah tidak boleh demi keselamatan, saya ingat demi untuk kebahagiaan, Islam pun boleh macam itu. Tetapi kalau sahaja hendak gugurkan memang tidak boleh. Kalau tidak percaya tanya dari Ustaz Pengkalan Chepa. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang ini, cerita tidak faham lagi itupun hendak dengar juga. Saya kata tadi saya takut penyalahgunaan. Kalau betul-betul dia boleh merosakkan, takut menimbulkan kecederaan kesihatan, fizikal, songsang dan sebagainya teruskan tidak ada masalah tetapi takut penyalahgunaan.

Ini cerita saya beri contoh Yang Berhormat, bolehkah atau tidak? Saya beri cerita orang lain. Saya beri contoh orang lain yang membuat anaknya secara tidak sah tetapi boleh

menggugurkannya secara sah dengan memberi alasan soal mental, perkataan "mental" itu disebut. Kalau tidak sebut "mental" ini saya puas hati sedikit. Sebut fizikal sahaja perkataan "mental" ini memang kita boleh terjemahkan dengan begitu luas. Semua doktor ikhlas, tetapi ada juga 2-3 orang kalau buat yang ini dapat duit banyak. Kalau bersalin mungkin \$600, kalau yang ini mungkin boleh charge lebih sedikit sebab yang hendak bayar ini terpaksa bayar, yang hendak ini pun terpaksa buat. Jadi, terpaksa bayar lebih. Jadi, doktor pun kata ini kerana "mental", kalau tidak dia terjun telaga, ataupun dia membunuh diri dan sebagainya ataupun lain-lain perkara yang menimbulkan malu sebab bapa saya orang besar dan sebagainya. Jadi, ini perkara-perkara yang boleh menyebabkan orang menyalahgunakannya. Itu maksud saya. Kalau tidak salahguna, syukur alhamdulillah. Bukan semua orang ikhlas seperti Yang Berhormat tetapi banyak juga orang-orang yang mungkin mengambil kesempatan daripada Akta ini. Itu yang saya takut, lain tidak ada. Okay, sebab kawan-kawan paksa duduk sebab wanita yang hendak bercakap sangat, jadi saya pendekkan.

Akhir sekali Fasal 8, Tuan Yang di-Pertua, iaitu di bawah Seksyen 376 iaitu kita memberi penjara mandatori, not less than 5 years, not more than 20 years. Jadi kita memberi penjara mandatori 5 tahun ataupun maksimum 20 tahun. Saya bukan pakar undang-undang tetapi saya boleh baca im. Ini seolah-olah mengikat hakim supaya menjatuhkan hukuman 5 tahun kalau dia didapati sabit kesalahan merogol.

Ini saya hendak beri satu cerita Yang Berhormat, sebab dalam Committee Yang Berhormat itu tidak ada orang-orang muda, tidak ada orang-orang mungkin di bawah umur 18 tahun yang duduk di dalam Committee. Tetapi saya takut, orang

yang duduk di dalam Committee itu masa mudanya tidak pernah ada pengalaman yang akan terjadi ini menyebabkan dia tidak fikir perkara ini. Saya beri contoh ya. Ini budak-budak muda, dia melakukan hubungan seks di bawah umur 16 tahun. Ini cerita Romeo dan Julietlah, ada kawan saya tadi beri istilah Romeo dan Juliet. Ini dia bercinta.

Tuan Hu Sepang (Rasah): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah bangun.

Tuan Hu Sepang: Saya minta penjelasan. Saya hendak tahu dari Yang Berhormat Arau. Bilakah kisah Romeo dan Juliet itu menjadi kisah rogol? (*Ketawa*) Itu adalah sastera. Romeo dan Juliet adalah sastera bukan cerita rogol. Ini menghina Shakespeare. Tarik baliklah, ini menghina Shakespeare. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Romeo dan Juliet ataupun Uda dan Dara. Ini cerita Romeo dan Juliet, cerita betul. Saya beri contoh, Yang Berhormat dari Rasah katakan berumur 18 tahun dan pasangannya masa itu 15 tahun. Mereka melakukan persetubuhan dan dia lepas itu mengandung, dia akan disabitkan kesalahan merogol padahal mereka ini memang sama-sama seronok. Cuma yang melakukannya ialah di bawah umur. Itu yang saya maksudkan tadi. Apabila ini terjadi hakim sudah terikat tangannya bahawa engkau telah melakukan persetubuhan di bawah umur, aku hendak jatuh hukuman 5 tahun. Budak muda ini bukannya erti apa, dia kira hendak seronok sahaja, seronok sebab ada video lucu, dia naik semangat tengok video lucu, baca buku cerita pun banyak cerita-cerita yang menaikkan semangat, dia pun buatlah dengan girlfriend dia. Ini cerita budak-budak muda. Teraniaya orang ini Tuan Yang di-Pertua.

Itu sebab cerita Romeo dan Juliet dimasukkan dalam kes rogol. Kalau tidak baca tidak tahulah.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Saya hendak minta jalan Yang Berhormat dari Arau. Saya tidak boleh tahan dengan teori-teorinya. (*Ketawa*) Bila beliau sebut remaja orang muda-mudi, mereka memang semangat naik. (*Ketawa*) Memang semangat ada. Jadi apa yang beliau kata tidak logik. Saya tidak boleh terima. Minta satu penjelasan untuk kaum lelaki yang capai satu umur baru mereka perlu panduan menaikkan itu semangat (*Ketawa*) bukan untuk muda-mudi. Itu sajalah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, apabila dia sampai ke satu peringkat umur macam saya dan dia, ini perlu panduan, tetapi peringkat umur yang macam ini tidak perlu panduan. Kadang-kadang tidak kira masa. Semangatnya naik. Sekurang-kurangnya kita boleh mengawal diri kita sendiri. Kita ada masa teratur dan sebagainya. Tetapi tidak begitu orang yang semangat naik, sebab ini masalah sosial. Masalah penguatkuasaan, video-video dan juga bahan lucu ini menyebabkan mereka ini naik semangat. Bukanlah saya menggalakkan, janganlah anak-anak sekolah ingat saya menggalak tetapi saya tidak mahu hakim itu terikat sebab hakim jatuhkan hukuman 5 tahun, tidak boleh kurang. Tetapi sekurang-kurangnya hakim selamatkan budak-budak muda ini, jatuh satu tahun. Ini cerita Romeo dan Juliet. Lain tidak timbul. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan. Yang Berhormat ini nampaknya betul-betul pakar. Adakah kepakaran itu diperolehi menerusi membaca atau menerusi true experience. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kes ini secara serius. Itu sebab tadi saya pergi Jabatan Perdana Menteri, Peguam Negara, Jabatan Cetak saya tidak mahu pergi sebab saya dikejar begitu rupa, saya rasa tidak sedap. Saya terpaksa menghadiri MPEN. Saya mengambil kes ini begitu serius. Saya berjumpa dengan Pertubuhan Wanita dan saya berbual dengan wanita-wanita. Ini wanita yang cerita, bukan lelaki. Lelaki biarlah memang patut dihukum kalau buat kerja ini. Tetapi hendak menyelamatkan wanita. Saya hendak beritahu Timbalan Menteri di sini bahawa hukuman ini mengikat hakim. Ini budak-budak muda teraniaya, susah kita hendak fikir. Kalau umur macam saya melakukan atau umur macam Yang Berhormat Rasah melakukan pada umur 14 tahun, eloklah dihukum. Itu memang tepat. (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: On a point of order. Ini memang sangkaan jahat. (*Ketawa*) Jangan sebut saya, kawasan saya. (*Ketawa*) Tarik balik. Bila saya ada melakukan dengan seorang gadis berusia 14 tahun. (*Ketawa*) Tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata jikalau.

Tuan Hu Sepang: Saya tidak boleh tahan lagi. Saya mahu keluar. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang yang berumur.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun. Pengkalan Chepa minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat

sebab saya dengar dalam ucapan Yang Berhormat tadi acap sebut aniaya-aniaya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, aniaya-aniaya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kesian. Apakah maksud Yang Berhormat menyebut perkataan aniaya itu. Apakah Yang Berhormat hendak menentang Undang-undang ini atau hendak menyokong? Kalau hendak menyokong tidak payah sebut aniaya. Minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ini lain daripada orang lain. Kalau saya ingat Akta ini tidak betul, saya menentang. Kalau betul, "saya sokong. Tetapi Akta ini secara keseluruhan adalah bagus, tepat dan dapat menyelamatkan mangsa-mangsa rogol tetapi ada dua tiga perkara yang saya minta mereka fikir balik. Takut menganiaya. Bukan semua tidak betul. Kalau orang PAS lainlah. Kalau Kerajaan buat, semua tidak betul. Kalau subsidi, ambil cepat. Orang UMNO tidak sempat pergi, mereka sudah sampai ke LPN ambil subsidi. Itu sebab perkataan menganiaya budak muda di bawah umur.

Contohnya, orang berumur 55 tahun buat dengan budak 14 tahun. Itu patut kena. Tetapi Romeo dan Juliet, 15 sama 15, 16 sama 14 sudah jadi kes rogol. Saya takut mereka teraniaya. Bubuh satu clause, jangan mengikat hakim untuk menjatuhkan hukuman mandatori sebab kita hendak serang orang lain, orang yang merogol di kebun getah, di tepi jalan, dalam kereta dan sebagainya. Tetapi budak-budak muda yang seronok-seronok tidak tahu fasal ini tiba-tiba terjadi kes ini. Mereka menyesal, kadang-kadang sekali melakukannya mengandung, malu hendak memberitahu ibu-bapa, kena masuk penjara 5 tahun. Hidupnya lebih rosak daripada mangsa rogol kalau dia masuk jel 5 tahun. Masa hadapannya tidak

cemerlang. Jadi kita kena fikir, kalau kita buat ini, ini berlaku. Jangan fikir kalau kita buat ini, kita puas hati sebab kita boleh balas dendam kepada perogol. Ini yang saya pening. Ini buat seronok sama seronok, cuma mereka di bawah umur. Saya tanya semua orang, semua tidak setuju. Semua orang setuju dengan saya. Saya minta tolong perhatikan. Saya akan sentuh.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Arau oleh kerana beliau mengatakan tadi beliau telah mencuba untuk mendapatkan berbagai rujukan dan salah satu subjek yang ditumpukan ialah mengenai Fasal 8. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat telah merujuk dari segi pandangan Islam, dalam pandangan hukum syariat bersabit dengan kes-kes seperti ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Berkenaan dengan Islam memang kita sedia maklum tentang hukumannya dengan sebat 100 rotan, kalau tidak berkahwin, kalau sudah berkahwin dicampak dengan batu sehingga mati. Itu saya sedar tetapi saya tidak mendalami perkara ini, dan dalam Dewan ini hanya dua tiga orang yang qualified untuk bercakap fasal itu. Jadi saya hendak bercakap fasal Akta ini. Cuma hendak tumpukan kepada benda yang telah diadakan. Mungkin punishment yang ada ini tidak cukup, mungkin kena berlebih lagi. Kita lihat dari segi kesan, mangsa rogol rosak fikiran 10 tahun. Tetapi orang yang masuk penjara budak-budak berumur 18 tahun masuk penjara atau 5 tahun, keluar, dia rosak habis, keluar dia hisap dadah, jadi penyamun dan sebagainya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya benanya tadi sama ada beliau rujuk atau mengetahui dari segi pandangan Islam dan hukum-hukum syariat. Mengatakan hanya dua tiga orang sahaja dalam Dewan ini tahu, saya rasa itu satu prasangka yang tidak baik. Sebab kita sebagai umat Islam khususnya tidak boleh lari daripada tanggungjawab ini. Sebab itu saya minta Yang Berhormat dari Ajaib menjawab secara jelas dan tegas, apakah beliau bersetuju merujuk perkara-perkara seperti ini kepada pandangan Islam. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak apai, saya faham tentang undang-undang Islam itu berhubung dengan perkara ini, saya faham. Tetapi untuk hari ini dan saat ini saya hendak bahaskan Fasal 8 sahaja. Sebab dalam Islam bukan dia sebut 10 tahun dan sebagainya dia sebut secara umum tentang perkara itu. Jadi, saya ingat saya tidak mahu pertikai perkara itu tetapi saya memahami dengan tidak mendalamlah, memahami secara asas sahaja tentang hukuman dalam Islam kalau sekiranya melakukan hubungan jenis lebih lagilah rogol dan sebagainya. Tetapi untuk yang ini, saya hendak bicara yang inilah, yang lain-tain itu minta maaf Yang Berhormat saya tidak dapat membincangkannya lagi sebab masa tidak cukup.

Yang berikutnya, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9. Ini akhir sekalilah. Orang lain sekejap lagi boleh cakap, saya akan sentuh dalam Jawatankuasa nanti.

Fasal 9, hendak gantikan seksyen 377 itu dengan seksyen 377, 377A, 377B dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 377 ini iaitu melakukan hubungan jenis dengan binatang. (*Disampuk*) Binatanglah!—animal. Dia akan dipenjarakan sehingga 20 tahun dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua,

saya hendak tahu dan saya minta lagi sekali macam mana perkara ini telah diketengahkan. Saya sudah tanya peguam-peguam, "you hendak bukti, macam mana orang buat dengan binatang ini". Kalau binatang rogol dengan binatang macam Seladang rogol lembu-lembu di Johor itu dia jadi "Selembu". (*Ketawa*) Tetapi kalau manusia melakukan hubungan jenis dengan lembu dia tidak boleh beranak. Dia berlainan baka, tidak boleh. Cuma Seladang dengan Selembu boleh. Ayam dengan puyuh boleh—"Yam—Yuh", "Yuh—Yam" pun boleh. (*Ketawa*) Tetapi, ayam dengan buaya, tidak boleh. (*Ketawa*) Jadi, ini perkara harus dilihat bagaimana kita hendak buktikan yang dia orang ini metakukan hubungan jenis dengan binatang. . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, untuk peringkatan makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau ini, kerana di atas galeri itu ada ramai budak-budak yang di bangku sekolah lagi. Jadi, Yang Berhormat ini mengulangi perkataan "hubungan seks, jenis" begitu banyak. Kita takut nanti mempengaruhi anak-anak kita di atas kerana mereka masih di bangku sekolah. Saya fikir, kurangkan sebutan perkara-perkara yang tidak begitu manis ini di Dewan yang mulia ini supaya pandangan anak-anak kita yang di bangku sekolah yang perlu kita asuhi, yang perlu dijauhkan daripada perkara ini, tidak akan dipengaruhi dengan ucapan yang sebegini, memang seronok, tetapi mungkin membantu dalam meruntuhkan akhlak anak-anak kita di masa akan datang. Assalamualaikum, terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Waalaikummusallam. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya ini kalau saya sebut dalam bahasa Inggeris, lagi berat. Bahasa Malaysia pun saya tidak terterjemah. Ini kalau ikut bahasa Inggeris, cuba tengok "p-e-n-i-s" siapa dia? Cuba tengok (*Ketawa*) Akta ini dibentang dalam Parlimen dan kita bincanglah perkara ini. "A-n-u-s" apa dia. Ini saya hendak terjemah dan sebut dalam bahasa yang begitu terhormat. Saya bubuh nama "Romeo and Juliet", "Uda dan Dara". Kalau saya sebut cerita betul, lagi berat ini. Saya terpaksa mengawal bahasa saya kerana saya tengok anak-anak sekolah ramai. Tetapi anak-anak sekolah diberi amaran kalau buat, matilah dengan Akta yang baru ini! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan binatang ini pening kepala kita hendak fikir. . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat ini hendak membahaskan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) kah atau hendak bersandiwara. Sebab banyak lagi orang hendak bercakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ustaz tolong baca Akta ini. Apa saya cakap semua tertulis. Saya baca sudah seminggu, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, dan saya betul-betul menghayatinya sebab saya juga takut. Saya juga ada anak perempuan, saya takut. Biarlah Akta ini boleh menyelamatkan anak-anak saya juga. Ini saya hendak menyelamatkan anak-anak Ustaz juga, anak-anak semua orang, tetapi sebelum kita buat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebelum kita buat, kita kena perhati betul-betul supaya kita sama-sama terjamin dan jangan berlaku penganiayaan kepada orang. Ini dalam Akta disebut dengan terang. Apa hendak malu? Malu hendak sebut secara terbuka, tetapi belakang-belakang buat lebih teruk lagi macam maria? (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Fasal 9 bertujuan mengganti seksyen 377 Kanun dengan seksyen 377, 377A, 377e dan 377c baru yang jejas mempersoalkan tentang kesalahan luar tabii, persetubuhan yang bertentangan dengan binatang dan sebagainya. Saya rasa perkara ini terbuka untuk dibahas, bukan untuk bersandiwara. Adakah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bersandiwara tidak tahu ataupun mana satu yang betul. Bagi saya, saya ingat Pengkalan Chepa tidak tahu. Kalau tidak tahu, duduklah dan tak payah tanya. Terima kasih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya. . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Boleh tolong? Tadi, saya hendak tolonglah Arau, tetapi tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tetapi sekarang Ahli Yang Berhormat dari Marang tolong dari Arau juga. Cakap membidas sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat dia minta penjelasan tadi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya setuju dengan dia, lain kali nanti tolong sayalah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya inginkan penjelasan. Bagaimana kita hendak buat, kita hendak buktikan; takut nanti binatang lain rogol binatang itu, orang kata orang yang buat. Binatang tidak boleh bercakap. Ini soal-soal yang kita buat ini mungkin sebab kita hendak sebutkan bahawa hubungan jenis yang tidak mengikut tabii.

Kemudian, seksyen 377A. Ini saya lelah fikir; saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun terfikir. Saya tertikir, semua orang tolong tengok seksyen 377A. Ini, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tolong buka 377A mukasurat 4, Fasal 9; jangan tidak tahu. Disebut dengan cara terbuka yang disebutkan hubungan di luar tabii itu ialah yang menggunakan organ lelaki yang dimasukkan di bahagian belakang ataupun mulut. Cuba baca betul-betul. Itu yang dipanggilkan hubungan di luar tabii. Apa hukuman dia? Hukumannya kalau dibuat dengan cara paksa di bawah seksyen 377c iaitu mandatori—hukumannya 5 tahun penjara dan juga tidak lebih daripada 20 tahun. Saya hendak tanya di sini, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini boleh juga merangkumi pondan-pondan. Ini sekarang, pondan kalau dibuat dengan cara sukarela dia terlepas dengan undang-undang ini. Sebab pondan hendak buat di mana lagi kalau tidak apa yang disebutkan dalam Akta ini. Dia terpaksa membuat dengan mulut ataupun dengan belakang. Ini cerita betul. Baca 377A. Tetapi undang-undang ini mengatakan di bawah 377c kalau dibuat secara paksa baru dijatuhkan hukuman 5 tahun mandatori dan juga tidak lebih daripada 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman ini dengan secara tidak langsung membenarkan pondan-pondan berkeliaran tanpa apa-apa hukuman. Lepas itu. . . .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi Yang Berhormat kata dari mulut dan dari belakang. Saya rasa kalau dari mulut merbahaya lagi itu, sebab putus nanti, gigi ada. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya baca undang-undang, saya minta Yang Berhormat semua yang ingat saya bersandiwara; saya jarang bersandiwara, saya bercakap saya bertanggungjawab. Saya cakap lebih besar daripada ini pun semua saya bertanggungjawab sampai reporter boleh cari saya. Yang ini lebih serius lagi. Ini, tolong dengar ini. Baca Fasal 9 seksyen 377A. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Seksyen 377A, saya tidak mahu sebab orang tengok; Yang Berhormat nanti sekejap! Dia kata memasukkan organ lelaki ke belakang iaitu belakang sini ataupun mulut. Kemudian dia kata kalau dibuat secara paksa, melakukan itu dengan cara paksa termasuk dalam istilah rogol tadi, maka dia disabitkan kesalahan merogol. Yang belakang tak apa, okay. Tetapi yang saya pening duduk fikir ini, yang menggunakan mulut. Ini siapa yang buat keluar ini. Saya sudah bertanya, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang sama-sama terlibat mendraftkan perkara ini. Dia kata tidak ditimbulkan perkataan mulut. Sebab apa sekarang dibubuh mulut? Ini persoalan saya sekarang. Saya ingat mulut ini tidak payah sebut. Kalau orang itu. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Arau telah membincang di peringkat Jawatankuasa, detailnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir tidak, itu principle sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sebab saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat dari Arau kerana ramai lagi kawan-kawan lain hendak bercakap sebab ini perkara serius.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi perkara itu bukan detail, itu dasar. Apa Yang Berhormat ucapkan berkenaan dengan mulut itu saya tidak tahulah. Barangkali apa yang dia bercakap itu atas point. . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bercakap dengan seorang, saya sudah berbincang dengan peguam-peguam tadi. Saya bukan bohong. Di luar pun ada peguam kawan-kawan saya yang boleh membantu saya tetapi dia orang tidak boleh masuk Parlimen, jadi apakah daya.

Puan Ling Ghooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, Peguam dalam ini. . . .

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Arau. Perbuatan itu adalah unnatural offence dan ianya dari kebudayaan kuning dari barat dan telah mempengaruhi kehidupan kita. Kita patutlah amalkan nilai-nilai tradisi kita dan menganggap perbuatan itu sebagai kesalahan sexual. Adakah Yang Berhormat sedar itu perbuatan yang tidak natural, dengan izin.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya memang tidak setuju buat kerja itu, saya orang Islam lagi tidak setuju, tetapi dalam undang-undang ini disebut, sama ada dia buat secara voluntarily ataupun against the will of the other person, dengan izin, Yang saya hendak timbulkan di sini ialah perkara ini di luar tabii yang dilakukan, maka kita jatuhkan

hukuman sekiranya ia dibuat tanpa kebenarannya. Tetapi sekiranya dibuat dengan kebenarannya, katakanlah one voluntarily commits, saya takut, saya minta maaf cakap, sebab nanti orang menyalahgunakan perkara ini untuk mengenakan seseorang. Itu sahaja.

Memanglah perkara ini di luar tabii, kita pun tidak setuju, ini perkara Barat, tetapi apabila saya tanya orang Barat, dia kata ianya bukan perkara orang Barat tetapi orang Afrika. Yang mana satu yang betul? Saya banyak baca buku, saya banyak melawat luar negeri, dia kata ini bukan orang Barat, ini Afrika. Kita tidak tahu daripada mana. Yang penting di sini, kalau betul-betul undang-undang ini kita hendak laksanakan, perkataan "mulut" itu saya fikir tidak patut dimasukkan di sini. Sebab sekiranya orang hendak rogol dekat mulut saya rasa orang itu bodoh, lelaki itu adalah yang paling bodoh di dunia, paling rendah sekali sebab dia tahu benda itu akan putus. . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan sekali lagi. Adakah Yang Berhormat itu sedar bila manusia hilang sifat kemanusiaan dan tidak ada takut dan malu, apa sahaja dia boleh buat. Adakah Yang Berhormat itu sedar?

Kedua, kalau Yang Berhormat itu sudah mengaku membaca dan faham dengan cukup Akta ini dan Yang Berhormat sendiri tidak setuju, tidakkah tebih baik Yang Berhormat menentang Akta ini daripada diluluskan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Pak Nik, kalau saya menentang, maknanya saya

menggalakkan perogol. Pak Nik takkan hendak menyokong perogol. Kita hendak biarkan perogol

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta alamatkan kepada saya, jangan bercakap di antara satu sama lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya. Perkataan "mulut" ini kecuali perempuan tidak ada gigi, selamatlah lelaki yang berkenaan. Kalau perempuan, selagi ada gigi, walaupun bukan gigi yang betul, saya rasa lelaki itu tidak akan selamat. Walaupun dia naik syok setakat manapun dia tidak akan selamat. Saya rasa kalau silap-silap, kalau tidak habis semua, sekerat pun sudah cukup untuk dia menanggung kesengsaraan bertahun-tahun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Simunjan. Minta serius sedikit, ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, saya serius, sebab saya lihat Akta ini begitu perlu banyak penelitian dan perbincangan yang mendalam dan daripada ucapan Yang Berhormat dari Arau tadi nampaknya dan diteliti bahawa perkara ini perlu perbincangan yang mendalam dan saya mencadangkan supaya Yang Berhormat ini dibenarkan bercakap panjang tetapi perbincangan ini diteruskan hingga esok.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena minta penjelasan, bukan Yang Berhormat kena mencadangkan apa-apa!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, saya mencadangkan supaya dia terus bercakap dan sambung esok.

Tuan Yang di-Pertua: Itu kuasa saya, Yang Berhormat. Sila teruskan, Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak bincang dengan serius di dalam committee stage di mana saya boleh pergi satu demi satu dan saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat banyak Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap, apa yang mereka hendak cakap saya tidak tahu, tetapi saya rasa saya pun baca buku juga, tetapi saya bersimpati dengan kawan-kawan sebab atas nama BBC. Cuma akhir sekali, saya minta lihat perkataan "belakang" "belakang" itu okaylah, tetapi perkataan "mulut" itu tolong fikir perkataan itu balik. Saya tidak faham, takut nanti jadi kes esok, kalau orang perempuan hendak menganiaya lelaki, pada hal mulut ini kalau tidak secara voluntary, tidak boleh buat. Ini secara paksa mana boleh buat perkara ini. Saya ingat kita fikirlah betul-betul, ataupun orang yang membuat perkara ini dia tidak fikir perkara ini, cuma dia fikir hendak membalas dendam kepada perogol sahaja, tidak memikirkan sebab-sebab dan jua implikasi.

Akhir sekali ialah Fasal 11, berhubung dengan seksyen 377E yang memperuntukkan kesalahan baru iaitu berhubung dengan merangsang seorang kanak-kanak untuk melakukan sesuatu perbuatan kelucahan melampau yang boleh membawa kepada penjara 5 tahun. Saya ingin tahu apa dia "kelucahan melampau", setakat mana? Adakah kelucahan melampau ini setakat buka baju, raba-rabakah ataupun kelucahan melampau itu sehingga melibatkan hubungan jenis. Saya tidak pasti akan perkara ini sebab saya tidak dapat Akta induk.

Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya tahu dia akan menghadapi masa yang cukup hebat oleh kerana banyak perkara-perkara yang ditimbulkan tetapi bukan ke arah penentangan kena

ingat satu fakta ke arah menyokong dan memperbaharui balik sebab sekarang ini lelaki bercakap, lelaki tahu apa dia berlaku kepada lelaki, orang perempuan bercakap, walaupun orang perempuan kata dia tahu tentang lelaki, sebenarnya dia tidak tahu tentang lelaki. Lelaki lebih tahu tentang lelaki, perempuan lebih tahu tentang perempuan. Tolonglah ambil ingatan kata-kata seorang lelaki di dalam Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat dari Kluang.

4.36 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang ini. Seorang sasterawan Perancis yang ternama, Balzac pernah berkata, "Di belakang setiap kekayaan, memang ada satu kegiatan jenayah—Behind every great fortune, there is always a crime", dengan izin.

Di negara kita, kegiatan jenayah seolah-olah boleh mendatangkan faedah dan keuntungan yang lumayan. Tiap-tiap hari kita melihat kejadian berbagai-bagai jenis kegiatan jenayah seperti merompak bank-bank, mencuri kereta, menculik dan lain-lainnya. Kadar kegiatan jenayah nampaknya semakin meningkat. Kenapa? Kerana jenayah boleh mendatangkan faedah yang besar. Rang Undang-undang ini bertujuan mengetatkan hukuman terhadap penjenayah-penjenayah termasuk orang-orang yang melakukan kesalahan memecah amanah dan penipuan yang kita kata jenayah "Kolar Putih". Hukuman yang ditetapkan dalam Kanun Keseksaan bolehlah dikatakan tidak cukup tegas. Misalnya, seseorang yang menipu berjuta-juta wang ringgit hanya dihukum penjara beberapa tahun sahaja. Setelah dipenjarakan dua atau tiga tahun, penjenayah yang keluar

dari penjara itu akan menikmati kehidupan yang mewah. Bagaimana dapat seseorang mencari \$1 juta dalam seumur hidupnya? Penggodaan sedemikian sungguh kuat. Inilah sebabnya terjadi penipuan atau pecah amanah \$22 juta yang melibalkan Bank Simpanan Nasional. Ini juga sebab mengapa kita menanggung kerugian yang besar di bank-bank, koperasi-koperasi dan syarikat-syarikat kewangan.

Oleh yang demikian, saya bercadang di samping hukuman penjara, patutlah penjenayah-penjenayah juga hendaklah didenda sejumlah wang yang sama dengan jumlah yang diambil atau disalahgunaikan oleh beliau. Denda itu akan menjadi satu hutang yang boleh dituntutkan oleh pihak berkenaan di mahkamah sivil apabila penjenayah itu gagal membuat bayaran supaya penjenayah itu dipaksa untuk membayar hutang itu. Dia akan dibankrapkan kalau dia masih gagal membayar hutang itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terangkan dalam bahasa Inggeris. The default of the fine is not additional imprisonment but a debt due and payable in civil court, thus enabling the person or body concerned to bankrupt the criminal supaya penjenayah itu tidak akan dapat menikmati wang-wang yang diambil setelah dibebaskan dari hukuman penjara itu.

Tuan Yang di-Pertua, bila kami memberi satu amaran yang keras kepada semua orang yang ingin melibatkan diri dalam kegiatan jenayah, patutlah kita menimbangkan sama ada kita mempunyai cukup wang dan kemudahan lain, satu machinery, dengan izin, untuk membolehkan mahkamah menyelesaikan semua kes-kes jenayah dengan cepatnya. Dapatkah Kementerian Kehakiman akan dapat diberi peruntukan wang

yang lebih besar supaya ia dapat membina lebih banyak bangunan-bangunan mahkamah, melantik lebih ramai hakim-hakim majistret dan menghantar lebih ramai kes-kes untuk didakwa di Mahkamah Tinggi.

Adakah penjara kita mencukupi untuk meletakkan semua penjenayah-penjenayah yang semakin bertambah setiap hari? Adakah Pejabat Peguam Negara mempunyai cukup Pegawai Pendakwa mendakwa kes-kes jenayah itu? Pada masa ini terdapat lebih kurang 2,000 orang peguam menjalankan urusan secara peribadi. Memandangkan hukuman akan diperketatkan dan ditambah bolehlah diduga bahawa lebih banyak tertuduh akan meminta perbicaraan "claim trial", dengan izin, kerana hukuman berat akan dikenakan atas mereka yang mengaku salah. Oleh yang demikian, mahkamah akan menghadapi keadaan penuh sesak dengan kes-kes jenayah. Saya menyeru Kementerian Kehakiman membuat suatu pertimbangan cemas ke atas perkara ini.

Saya juga mengalu-alukan cadangan mengenakan hukuman lebih berat ke atas jenayah rogol dan lain-lain jenayah seksual. Kebudayaan kuning dari Barat telah banyak mempengaruhi kehidupan kita sehari-hari. Jenayah seksual juga semakin bertambah. Kita patut memulihkan dan mengamalkan nilai-nilai tradisi kita. Memandangkan bertambahnya kes penyakit AIDS, pertambahan dalam hukuman penjara ke atas jenayah-jenayah yang keji ini memang tepat pada masanya. Saya berasa gembira hukuman yang lebih berat akan dikenakan tetapi saya menyeru Kerajaan supaya hukuman atas kesalahan seksual dijalankan tanpa "parole" iaitu tidak mengambil kira kelakuan baik penjenayah berkenaan.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang.

4.43 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan yang telah dibentang untuk bacaan kali kedua oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya melihat ada tujuan yang jelas iaitu terdapat dua tujuan. Tujuan pertama adalah untuk memperkemas dan memperketat takrif bagi kesalahan-kesalahan yang tertentu. Tujuan yang kedua adalah untuk melakukan pindaan hukuman yang tertentu terutama dari segi hukuman penjara. Jelasnya dari dua maksud dan tujuan yang dinyatakan itu memperlihatkan kepada kita betapa longgarnya tentang peraturan-peraturan yang ada serta takrif-takrif yang ada yang mana kalau sekiranya kelonggaran ini dibiarkan boleh dialih tafsirkan oleh orang-orang tertentu dan boleh menimbulkan suatu keraguan serta keputusan yang dipersoalkan baik di peringkat mahkamah ataupun di peringkat mana-mana sebab kelonggaran itu menjelaskan bahawa takrif yang ada itu tidak kuat dan tidak tegas.

Kedua, saya juga menyedari bahawa apabila pindaan-pindaan ini dimajukan dalam Dewan Rakyat pada hari ini ia juga menjelaskan kepada kita bahawa bentuk-bentuk hukuman jenayah keseksaan itu yang dibahaskan dalam tajuk rogol, kecurian, penipuan, pecah amanah dan sebagainya bahawa hukuman-hukuman yang ada itu adalah tidak berkesan. Hal-hal ini nyata dan jelas sekali dibuktikan oleh angka-angka dari segi rogol, dari segi penipuan, penyelewengan, curi pecah amanah meningkat berganda-ganda dan

sebahagian besarnya kita sedari peningkatan itu bukan setakat kadar 50 peratus atau 100 peratus malah ada yang melebihi 100 peratus. Ini dapat dibuktikan daripada angka yang dikutip ambil pada tahun 1980 sehingga 1988. Daripada seluruh persoalan yang dibentangkan dan dinyatakan itu baik daripada kes rogol, curi, tipu, penyelewengan, pecah amanah dan sebagainya tidak nampak saya satu penurunan angka yang kurang daripada 80 peratus, ini berat. Kes ini ternyata berat dan memerlukan satu persoalan serta sikap yang lebih terbuka,

Saya tidak mahu mempersoalkan ataupun menyatakannya dari segi sudut serta pandangan agama kerana kalau kita mempersoalkan dari segi pandangan dan konteks agama Islam sendiri masalah rogol, masalah kesalahan seksual ini tak perlu kita buat "mandatory death" ataupun hukuman penjara 5 tahun, 3 tahun tak perlu, yang perlu pancung, bunuh ataupun kita rejam sampai mati ataupun apa-apa sahaja yang boleh mengakibatkan nyawa dia hilang.

Yang saya hendak fokuskan pada hari ini saya minta saudara-saudara serta yang dengar Yang Berhormat-Yang Berhormat terutamanya jangan pertikaikan dari segi itu tetapi skop dan pandangan kita hari ini jangan dialihkan daripada fasal-fasal yang telah diterakan bermula daripada Fasal 3 sehinggalah Fasal 33. Saya ingin melihat kepada penjelasan yang kedua, iaitu ianya meminta kita pihak Kementerian ataupun pihak yang berkuasa memperketat serta menyemak balik perkara-perkara yang ada. Saya merasakan bahawa didikan agama, didikan pendidikan bukanlah hanya merupakan satu sifat yang mutlak untuk memperkatakan bahawa moral manusia itu telah terangkum baik dengan adanya pengajaran-pengajaran dan pendidikan-pendidikan yang demikian. Sebab itulah kalau kita melihat dari segi

hukuman-hukuman yang akan dipinda ini saya kira merupakan satu faktor yang kalau tidak menghapuskan semua sekali, paling tidak ia dapat mengurangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat ataupun pergi kepada kes yang pertama iaitu dari segi pindaan kepada seksyen 384, 385, 386 dan 387 yang terdapat dalam Fasal 14 hingga 17 Rang Undang-undang yang bertujuan menaikkan hukuman bagi semua jenis kesalahan pemerasan. Hukuman-hukuman bagi pemerasan saya melihat telah dinaikkan daripada 3 tahun kepada 10 tahun dan daripada 10 tahun kepada 14 tahun, bergantung-lah kepada bentuk-bentuk pemerasan yang dtlakukan. Begitu juga hukuman meletakkan orang dalam ketakutan, kecederaan seperti yang terpakai dalam seksyen 385 dan ketakutan mati sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 387 untuk melakukan pemerasan adalah dinaikkan daripada 2 tahun kepada 7 tahun dan daripada 7 tahun kepada 10 tahun. Ini saya kira satu pindaan yang sangat baik, satu pindaan yang sesuai dengan keadaan pada hari ini kerana hari ini boleh dikatakan saban hari ada pemerasan, saban bulan ada sahaja peristiwa-peristiwa besar bagaimana orang-orang tertentu telah mengugut, telah memeras anak orang besar, anak orang kaya, mungkin satu hari nanti anak Yang Berhormat dari Serembankah, manalah kita tahu ataupun daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, saya sendirilah ataupun siapa sahaja. Jadi saya kira soal pemerasan ini tidak boleh dipandang sebagai satu pandangan yang ringan. Kalau bolehlah saya hendak syorkan kepada seksyen yang telah ada dan pindaan yang dicadangkan itu ditambah lagi satu, iaitu rotan di tengah khalayak ramai, kalau boleh letak atas lori, rotan atas lori. Kalau tak boleh lori, carilah bas burukkah atau apa-apa tetapi rotan di khalayak ramai. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin menjurus kepada pindaan kepada seksyen 406, 407 dan juga 408 yang masing-masing terdapat dalam Fasal 20 hingga 22 Rang Undang-undang ini yang menekankan untuk dinaikkan hukuman penjara maksima bagi semua jenis kesalahan pecah amanah.

Saya tertariklah dari segi pecah amanah ini. Bila kita bercakap tentang pecah amanah, macam-macam cerita yang terdapat pada hari ini. BMF—pecah amanah, Bank Negara, Pegawai-pegawainya—pecah amanah, Che Man Che Mud—semua orang tahu, Harun bin Osman—semua orang tahu—dia sudah ubah misai, lebat sedikit, bergaya sedikit supaya orang tidak kenal, tetapi semua orang kenal. KUB—pecah amanah, koperasi-koperasi syarikat pun pecah amanah. Banyaklah yang pecah amanah ini, tetapi bila dia pecah amanah hukumannya tidak setimpal. Sapu duit berjuta-juta ringgit, ada yang sapu billion pun ada—penjara dua tahun sahaja, sudahlah penjara, duduk syok pula, keluar girl friendnya tunggu, itu tidak kisahlah, girl friend dia hendak tunggu, dia tunggulah. Tetapi yang saya tekankan betapa seronoknya dengan wang yang begitu banyak, berbillion-billion, berjuta-juta ringgit, tetapi hukumannya tidak setimpal mana. Saya melihat dalam Akta yang lama, orang yang pecah amanah itu mengikut Seksyen 406 hanya dijel kepada 3 tahun sahaja, yang baharu, 10 tahun. Begitu juga dari segi Seksyen 407 dengan 408, biasanya 7 tahun, hari ini dia hendak naik 10 tahun.

Kalau ikut hati kita, sepatutnya orang yang pecah amanah berbillion-billion ringgit ini dijel seumur hidup. Kalau ada yang pecah amanah sampai \$2.5 billion sepatutnya dijel seumur hidup. Di Russia, Soviet Union, orang yang pecah amanah lebih daripada sejuta ringgit dihukum gantung. Kalau diperbandingkan antara hukuman yang telah dikenakan di Russia dengan negara kita, kita kecil dan rendah dan

kita melihat soal-soal pecah amanah ini bukan kes yang kecil, kes yang besar-besar. Pada tahun 1980 kes pecah amanah 417 kes, ini Timbalan Menteri kata. 1988—929 kes, naiknya bukan naik 51% ataupun 30% macam Dasar Ekonomi Baru, dia punya naik 122%. DAP pun naik tidak macam itu keahliannya. Tidak percaya tanya Yang Berhormat dari Kepong. Ini 122%. Jadi kes ini satu kes yang tinggi. Begitu juga kenaikan ahli di Ipoh pun tidak macam ini. Jadi, ini satu angka yang tinggi. Saya juga melihat untuk tahun 1988 kes pecah amanah 990 kes dan kata Yang Berhormat Timbalan Menteri kita, kes pecah amanah ini bukan hanya melibatkan orang-orang biasa, bukan hanya melibatkan orang yang tidak bermoral, tetapi melibatkan orang yang ada kelas, yang mempunyai kedudukan yang tinggi-tinggi dan sebahagian darinya disegani oleh rakyat. Jadi dia kadang-kadang masuk penjara, keluar penjara, pecah amanah dan keluar penjara itu setahun dua tahun, habis tinggi. Kita tidak dengar orang yang dijel lebih dari 5 tahun kerana pecah amanah. Jadi dia seronok. Keseronokan ini perlu diberhentikan. Cara kita hendak berhentikan, saya setuju sangat supaya orang-orang ini akan dijelkan dengan meningkatkan daripada 3 tahun kepada 10 tahun dan dari 7 tahun hingga 10 tahun bergantung kepada kes yang ada.

Sehubungan dengan itu, saya mengesyorkan supaya harta-hartanya dirampas, misalan, Che Man Che Mud. Che Man Che Mud yang rampas harta Bank Simpanan Nasional di mana Yang Berhormat Ahli dari Kuala Terengganu jadi Pengerusinya—dia sapu \$22.3 juta, dia bawa lari ke Australia, kata orang dia bawa lari ke Indonesia. Saya difahamkan di Indonesia, dia beli banglo \$600,000 lebih, kemudian harta itu disimpan di sana tidak kurang dari \$6 juta. Biarlah peruntukan ini juga mengkanunkan agar mereka yang mempunyai harta itu kita rampas hartanya dan cadangan

saya yang kedua, selain dari rampas harta yang dia tipu, juga rampas harta-harta yang dia ada termasuk rumah atau banglo dia, sekurang-kurangnya setimpal dengan harta yang dia pecah amanah ataupun yang dia tipu. Katakan dia pecah amanah satu juta ringgit, yang \$1 juta itu sapu habis kemudian nilai-nilai rumah dia, tanah dia, syarikat dia, syer dia pun turut dirampas. Barulah padan dengan muka dan wataknya.

Saya juga tertarikh kepada pindaan Seksyen-seksyen 417, 418, 419 dan 420 yang bersabit dengan Fasal 25-28, Rang Undang-undang ini. Pertamanya, dari segi kesalahan menipu. Untuk kesalahan menipu di sini dicadangkan hukumannya naik dari 1 tahun kepada 5 tahun, Kes menipu ini memang berat, bukan satu cerita yang baru, cerita ini cerita lama dan angka ini meningkat dengan mengejut. Tahun 1990, kata yang Berhormat Timbalan Menteri, orang yang menipu yang telah ditangkap 1,112; 1988—yang menipu 1,988—peningkatannya 84% tinggi. Ini kata Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika saya berbual semalan yang ada rekod tetapi biasanya seseorang yang buat jahat, sama ada dia dadah, sama ada dia seks, sama ada dia menipu, biasanya 8 lagi yang tidak dilaporkan. Kalaulah pada tahun 1988 angka yang dilaporkan 1,988—kita ambil angka bulat 2,000 orang. Bayangkan 8 lagi yang ada, ertinya 16,000 kes menipu yang kedapatan berbuat begitu. Ini satu kemajuan dari segi kecurian yang sungguh mendadak dan saya kira perlu kita berhentikan. Maka adalah sangat setimpal kalau sekiranya denda itu dinaikkan dari 3 tahun-7 tahun,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan kes yang lain iaitu mengenai dengan hal-hal yang disebutkan oleh saudara saya dari Arau tadi iaitu kes-kes yang melibatkan kejadian seksual seperti rogol ataupun kesalahan-kesalahan seks yang lain.

Yang pertamanya, saya ingin sentuh mengenai dengan penerbitan ataupun buku-buku lucah, penerbitan serta buku-buku lucah ini adalah jelas, adalah nyata sekali dan ini dapat kita lihat kepada Fasal 3 dan juga Fasal 4—menaikkan hukuman penjara maksima bagi penjual-penjual buku-buku lucah di mana di dalam Seksyen 292, mereka yang menjual benda-benda lucah dan sebagainya kepada orang Muda di bawah Seksyen 293 Kanun masing-masing—dinaikkan dari 3 bulan kepada 3 tahun dan dari 6 bulan kepada 5 tahun.

Buku-buku lucah ini kita mestilah lihat sebagai satu bentuk pengaruh yang kotor, rendah martabat keilmuannya, tidak mempunyai nilai-nilai moral. Ramai pengarang-pengarang, terutama tahun 60an dahulu menganggap sebagai satu bahan komersial, macam cerita "Novel 69"—kalau disebut Novel 69, tahulah siapa pengarangnya. Ini satu perkara yang murah, ini bukan negara barat, negara kita bukan negara hippies, kita bukan penduduk yang berwatakan gypsy, kita ada moral, kita ada akhlak, bila kita mati ada dua benda yang menanti, sama ada syurga ataupun neraka. Tetapi kalau sekiranya. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas, bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Marang oleh kerana beliau mengakui terdapatnya buku-buku lucah yang berbagai seperti yang disebutkan tadi, apakah cadangan Yang Berhormat dari Marang supaya perkara ini dihentikan supaya tidak berlaku dalam masyarakat kita. Apakah cadangan Yang Berhormat untuk menghentikan perkara ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Cadangan saya macam dalam Aktalah, kita naikkan hukumannya daripada 3 bulan kepada 3 tahun, 6 bulan kepada 5 tahun. Itu salah satunya. Kalau saya jadi Menteri lainlah pula cerita. Ini orang lain jadi Menteri. Puas hati? Ada lagi soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, jangan cabar macam itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ahli: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Fasal dia bangun, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bangun tadi, sudah dicabar, baru dia bangun. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sudah dicabar baru dia bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Betul, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya jarang cabar orang, tetapi bila orang cabar saya, saya jarang tidak beli. Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, tadi saya tanya apakah cadangan Yang Berhormat. Yang Berhormat kata seperti apa yang ada di dalam Akta ini. Bagaimana kalau saya bertanya kepada Yang Berhormat dari Marang bersabit dengan buku-buku lucah dan sebagainya seperti yang disebut dicadangkan supaya diharamkan oleh Kerajaan dengan tegasnya sebagai salah satu cara untuk membina masyarakat yang bermoral dan berakhlak. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sudah jawab yang pertama, tidak perlu saya ulang jawapan. Walau bagaimanapun, terima kasihlah kerana bertanya. Saya melihat hukuman yang dikenakan dari segi penerbitan buku-buku lucah itu adalah terlalu pendek, 3 bulan macam manalah hendak cerita.

Tiga bulan ini kalau mereka yang menjual buku lucah ini pendek kata ringan sangatlah, kalau kita tanam padi pun, saya rasa padi kita tidak sempat dituai, 3 bulan punya hukuman orang itu sudah keluar penjara. Kalau kita bela lembu pun, lembu itu tidak sempat kita sembelih; kalau kita tanam jagung pun, jagung itu barulah berputik. Begitulah ringkas dan pendeknya masa 3 bulan sedangkan dari segi kesan penjualan buku-buku lucah, gambar-gambar yang tidak senonoh, penerbitan, pengeksporan, pengimportan yang tidak baik itu memberi kesan sangat mendalam kepada orang-orang yang membacanya. Begitu juga masa kalau disebut dari segi 6 bulan, 6 bulan ini saya ingat kalau orang pelihara lembu pun, lembu.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (*Jerai*): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Mengenai dengan buku-buku lucah ini, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya dalam penglibatan ini tidak sahaja kepada penulis-penulis buku, seharusnya tindakan diambil kepada penerbit-penerbit buku-buku lucah kerana dalam ini disebutkan "jualan-jualan buku-buku". Saya rasa tentu Yang Berhormat bersetuju bahawa penerbit-penerbit buku harus diambil tindakan yang lebih tegas lagi daripada itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya hendak cadangkan ini, itu yang saya hendak sebut, maknanya bukan sahaja mereka yang mengarang buku tetapi yang menerbit buku—kena, macam Salman Rushdie bukan sahaja Salman Rushdie sepatutnya dihukum,

"Viking", "Penguin" itu sepatutnya dihukum juga. Jadi saya setuju sangatlah.

Jadi, kalau kita melihat dari segi hukuman yang begitu pendek, 6 bulan, saya rasa.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed (Parit Sulong):
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Sila.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed (Parit Sulong):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya tidak sahaja tindakan hukumannya dinaikkan kepada menjual buku-buku lucah sahaja, tetapi juga kepada yang mengedarkan video-video lucah?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Ya, saya sangat bersetuju. Tidak ada dalam fikiran saya tadi tetapi saya setuju dengan apa yang dikemukakan itu dan kita boleh menganggapkannya sebagai salah satu media, selain daripada buku, untuk mempengaruhi termasuklah "blue film"—itu termasuk semua, sepatutnya diharamkan semua sekali itu.

Jadi, kesannya terlalulah buruk, saya ingat kesan penerbitan buku-buku ini kalau hendak dibandingkan dengan kain buruk, kain buruk lebih baik daripada benda yang buruk tadi. Kalau kita hendak bandingkan dengan Batu Buruk, Batu Buruk lebih baik fasal Batu Buruk ada juga tempat orang berkelah dan berehat. Kalau hendak bandingkan dengan Kuih Buruk, Kuih Buruk orang boleh makan. Jadi, kalaulah satu penerbitan yang lebih buruk daripada kain buruk, lebih buruk daripada Batu Buruk, lebih buruk daripada Kuih Buruk, buruk sangatlah rupanya.

Jadi, ini saya kira Seksyen 292 dan Seksyen 293 ini eloklah dipinda dan ditambahkan demi menjaga moral dan akhlak bukan sahaja masyarakat atau kumpulan yang tertentu tetapi seluruh negara dan kesannya bukanlah kesan semasa kerana saya melihat dari segi penerbitan buku-buku ini kesannya berpanjangan, hatta pengarang itu mati, penerbit itu sudah tidak ada tetapi dia punya penulisan itu berkurun-kurun akan tahan lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang Seksyen 354 berhubung dengan soal mencabul kehormatan seseorang. Dalam seksyen ini dicadangkan supaya dinaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah untuk mencabul kehormatan di bawah seksyen ini iaitu daripada "dua tahun" kepada "sepuluh tahun". Ini memanglah pada hari ini kita lihat masalah-masalah ini begitu berleluasa di mana pada tahun 1980 kes-kes yang seumpama ini sekadar 368 kes sahaja tetapi pada tahun 1988 kes ini telah meningkat kepada 611.

Dinyatakan bahawa mereka yang dicabul kehormatannya segan untuk buat report ataupun untuk buat laporan. Saya sekali lagi ingin merujuk—"satu yang tahu, 8 lagi yang tersembunyi". Jadi kalau sudah tahun 1988 terdapat 611 kes, kalau kait dengan 8, saya ingat 4,900 kes-kes yang seumpama ini terdapat di Malaysia. Jadi, kalau dibandingkan dengan ratio penduduk negara ini ternyata rekod serta rasionya agak tinggi. Ini juga boleh menyebabkan orang itu tidak serik dan, ada setengah-setengah kumpulan menjadikannya sebagai satu hobi. Kalau kita ikut dari segi pandangan Islam, sepatutnya direjam dan dirotan. Tetapi saya membahaskan dari segi seksyen ini, dari segi Fasal 6 ini, saya kira perlulah orang-orang ini ditingkatkan dari segi tahanannya daripada 2 tahun kepada 10 tahun dan saya juga melihat ada satu kaedah

ataupun cara lain yang ditimbulkan dalam soal mencabul kehormatan itu iaitu menimbulkan ketakutan untuk dcederakan, maka orang itu bersetuju. Walau ianya melakukan dengan persetujuan tetapi saya simpulkan bahawa persetujuan itu dibuat dalam paksa.

Begitu juga dinyatakan dengan jelas, ada juga mereka bersetuju kerana dikhayalkan oleh ubat-ubat tertentu, oleh dadah-dadah tertentu dan ini ternyata dalam Fasal 7 yang menjelaskan bahawa ada juga pihak-pihak yang tertentu menggunakan paksaan, misal katakan "Kalau kamu tak bagi, aku bunuh", "Kalau kamu tak bagi, aku bunuh emakmu", "Kalau kamu tak buat begini, begini, begini, aku cekik kamu", orang itupun bagi. Itu satu. Dalam seksyen lama, tidak dinyatakan dari segi hukuman dengan secarajelas. Begitu juga misal katakan, ada dengar-dengar cerita, baca dari suratkhobar—dia ajak makan, ajak minum ramai-ramai, kemudian dia taruh pil perancang ataupun pil khayal menyebabkan orang itu macam-macam, dia perkosa, rogol, cabul kehormatan dan sebagainya. Tetapi apabila dimasukkan ke mahkamah, tindakan tidak boleh diambil sebab tidak ada dalam pindaan dan peruntukan itu.

Jadi, pindaan baru ini bagi saya, saya faham bahawa sama ada dia menimbulkan ketakutan dcederakan atau dengan cara makan ubat dan dadah menyebabkan dia khayal, maka elok sangatlah ianya dinaikkan dendanya daripada 2 tahun menjadi 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya melihat Rang Undang-undang yang bernama Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) yang hendak dipinda hari ini bukanlah satu perkara yang main-main, bukanlah perkara yang kecil-kecil. Walaupun Yang Berhormat dari Arau tadi

menekankan soal-soal persetujuan di luar tabii manusia, dengan binatang, dengan mulut dan sebagainya tetapi perkara ini tetap ada. Mungkin kita merasa segan hendak berbahas di hadapan khalayak orangramai, mungkin kita rasa malu kerana adanya kanak-kanak sekolah dan orang-orang luar yang tidak pernah datang ke sini, mereka datang ataupun kita merasakan sesama antara kita dengan seorang Menteri kita berasa segan ataupun di hadapan Tuan Yang di-Pertua kita merasa malu, tetapi hakikat kepada hakikat yang sebenarnya perkara itu pernah terjadi, sedang terjadi dan akan terjadi. Maka kalaulah sekiranya ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat kita mempersoal, memperkatakan dengan secara terperinci bukanlah bermaksud dia mempunyai moral yang rendah, bermaksud dia jenaka, bermaksud dia bersandiwara. Oleh itu teguran daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa saya rasa tidak patut dikemukakan sebelum dibaca dengan jelas dan nyata tentang peruntukan-peruntukan yang ada.

Kalau sekiranya Rang Undang-undang ini dibawa ke Parlimen, dibentang dan ditulis hatta perkara-perkara yang sulit sekalipun, maka saya bersetuju supaya ianya dibahaskan dengan secara serius, dengan secara habis, once and for all, dengan izin. Jadi, saya kira jangan ada pihak-pihak yang mempunyai dangkal fikiran, sempit perjalanan otak menyebabkan perkara-perkara yang kita bincangkan itu kita merasakan bahawa ianya dangkal, tidak bermoral dan sebagainya. Kita bincang perkara-perkara ini kerana kita hendak menjaga maruah dan juga masa hadapan generasi kita yang akan datang.

Oleh hal yang demikian, memandangkan Rang Undang-undang ini penuh dengan makna, penuh dengan falsafah pendidikan, penuh

dengan ajaran-ajaran moral, penuh dengan amanat-amanat, penuh dengan ingatan-ingatan supaya akan terbina-lah satu bangsa, satu warganegara yang maju yang bersepadu untuk menjamin keselamatan dunia dan akhirat, maka saya bersetuju supaya Rang Undang-undang yang bernama Kanun Keseksaan ini disokong dan diluluskan sebulat suara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tebrau.

5.10ptg.

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambit bahagian dalam perbahasan di atas suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata semenjak akhir-akhir ini kejadian kes-kes rogol yang melanda negara kita bagaikan sudah menjadi semacam suatu penyakit sosial yang sukar diubati dalam masyarakat kita. Saban hari sama ada kita menyedarinya atau tidak terdapat berbagai jenis kes rogol yang didedahkan menerusi media massa tertentu seperti akhbar dan majalah. Sesungguhnya gejala yang tidak sihat ini bukan sahaja menjadi ancaman kepada masyarakat, malahan ia menakutkan kaum wanita, anak gadis dan kanak-kanak yang tidak berdosa. Namun apa yang menghairankan kita ialah dalam banyak perkara kesalahan tetap diletakkan di bahu wanita.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya biar pun kebanyakan mangsa rogol adalah terdiri dari golongan wanita tetapi apakah masalah rogol ini hanya merupakan masalah kaum wanita semata-mata. Apakah ia tidak ada kaitan langsung dengan mereka yang terdiri dari kaum Adam sehinggalah mereka harus melepas tangan malah lebih jauh lagi harus mentertawakan kes-kes rogol yang tersiar di dada-dada akhbar. Bagaimana pula kalau isteri, adik dan anak perempuan mereka

yang diperkosa? Bila salah satu ini terjadi apakah ianya bukan masalah bersama yang harus dihadapi oleh masyarakat. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa jenayah rogol ini merupakan satu bentuk jenayah yang amat kejam dan ia mungkin akan berakhir dengan tragedi pembunuhan. Tahukah kita bahawa mangsa-mangsa rogol ini bukan sahaja mengalami kecederaan dari segi fizikal bahkan mereka turut mengalami gangguan fikiran dan emosi yang mungkin akan berlanjutan seumur hidup. Kesan jenayah ini ternyata umpamanya, umpama luka biar pun sudah sembuh namun ia tetap akan meninggalkan parut.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya tekankan di sini biar apapun bentuk dan punca kejadian yang menjijikkan ini, hal ini sememangnya tidak boleh dipandang ringan dan remeh. Pada pandangan saya sama ada dipersetujui atau tidak, kelonggaran undang-undang adalah salah satu sebab utama para perogol tidak pernah merasa takut dan serik dalam melakukan jenayah jni. Ini juga dikuatkan lagi dengan faktor prosedur undang-undang yang boleh dianggap sebagai menyusahkan si mangsa kerana ketika perbicaraan si mangsa perlu membuktikan yang ia telah diperkosa. Malangnya apabila si mangsa tidak dapat membuktikan kebenarannya maka secara tidak langsung kes tersebut batal biar pun pada hakikatnya ia memang diperkosa. Dari itu memandangkan hal ini saya menyokong penuh hukuman yang lebih berat dari yang sedia ada dikenakan kepada para perogol. Dari laporan-laporan akhbar mengenai kes ini saya rasa memang sudah sampailah masanya pihak yang berkuasa meminda Undang-undang Rogol yang ada sekarang memandangkan jenayah ini sudah tidak dapat dibendung dengan berkesan lagi. Langkah seperti ini adalah penting demi untuk keamanan dan keharmonian dalam kehidupan

masyarakat terutamanya untuk menyelamatkan golongan yang lemah seperti mereka yang di bawah umur dari terus teraniaya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan ini saya harap Kerajaan dapat mengaturkan pelaksanaannya dengan lebih berkesan jika sistem penyiasatan sesuatu kes jenayah rogol dijalankan oleh pegawai-pegawai wanita. Dan juga soal peribadi mangsa perogolan tidak disentuh atau dibesar-besarkan.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, kerana Yang Berhormat dari Tebrau mengatakan kes-kes rogol ini harus hanya dibuat oleh pegawai-pegawai wanita. Jadi, kalau di setengah-setengah tempat yang tidak ada Polis-polis wanita ataupun pegawai-pegawai wanita, macam manakah hendak lebih pasti supaya wanita sahaja yang memahami masalah rogol ini?

Lagi satu saya minta penjelasan, kadang-kadang ransangan rogol ini juga datang daripada wanita yang boleh menjadi kes rogol. Kalau tidak kerana wanita juga tidak beri jalan, tidak beri jambatan, payah juga orang hendak lalu. Ini juga satu soal yang minta dijelaskan.

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis ayat saya tadi. Jadi, masalah kalau ada kekurangan pegawai-pegawai wanita untuk menyiasat di

tempat-tempat yang tertentu, saya pasti Jabatan Polis boleh mengatasi masalah kekurangan pegawai wanita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan ucapan saya tadi, juga soal peribadi mangsa perogolan tidak disentuh atau diperbesar-besarkan dalam perbicaraan dalam mahkamah kerana perkara-perkara seperti inilah yang membuat mangsa-mangsa rogol enggan melaporkan kes-kes mereka ke pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari meminda Undang-undang Kanun Keseksaan yang ada sekarang, Kerajaan juga perlu memperhebatkan lagi gerakan yang dijalankan dalam usaha mencegah kejadian rogol. Satu contoh yang boleh diambil di sini, ceramah-ceramah mengenai topik yang berkaitan dengan masalah kehormatan wanita dan penganiayaan tidak seharusnya hanya diadakan terhad kepada pusat-pusat yang tertentu seperti pusat-pusat pengajian tinggi dan sekolah. Sebaliknya harus dibuat di mana-mana tempat sahaja asalkan maksud dan tujuannya sampai kepada masyarakat. Malahan di samping ceramah yang diadakan Kerajaan boleh menyebarkan risalah-risalah yang mengandungi hukuman-hukuman yang bakal dikenakan kepada mereka yang terlibat dengan kesalahan ini. Dengan adanya langkah seperti ini ia akan menakutkan orang ramai untuk melakukannya terutama golongan muda yang terpaksa beriiikir berulang kali sebelum melakukan jenayah. Malahan dengan adanya penerangan yang lengkap tentang punca dan sebab berlakunya kejadian ini ia akan menanamkan sikap berwaspada di kalangan orang ramai kerana jenayah ini bukan sahaja berlaku di tempat-tempat yang sunyi bahkan ia boleh dilakukan oleh orang yang mempunyai hubungan rapat dengan mangsa itu.

Sehubungan dengan ini Kerajaan boleh juga mengadakan kursus untuk para tenaga pengajar dari setiap peringkat pendidikan mengenai masalah ini yang mana kemudiannya para guru ini boleh menyelitkn tentang topik ini secara sekali gus lalu di dalam waktu pembelajaran kepada murid-murid terutamanya mereka yang meningkat ke alam remaja yang mana mereka ini sering memerlukan kata nasihat dan petunjuk dalam pergaulan mereka supaya tidak terseret ke pangkuan ganas penjenayah-penjenayah kejam ini. Dalam hal ini ceramah yang berkaitan boleh dianjurkan dari masa ke semasa oleh Persatuan atau pihak PIBG yang menekankan pentingnya pengetahuan agama, harga diri dan moral ketimuran. Ceramah seperti ini bukan sahaja patut dihadiri oleh pelajar perempuan bahkan ia juga patut dihadiri oleh pelajar lelaki untuk mengelakkan mereka dari menjadi calon perogol di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan akan Pusat-pusat Perlindungan yang begitu kurang didirikan di negara kita ini untuk melindungi bekas mangsa-mangsa rogol ini. Pusat-pusat Perlindungan bagi mangsa-mangsa rogol ini amat penting untuk ditubuhkan memandangkan mangsa-mangsa yang menghadapi kes-kes rogol selalunya menghadapi tekanan perasaan dan sukar mengawal diri. Justeru itu seandainya lebih banyak Pusat-pusat Perlindungan seperti ini ditubuhkan pasti hal ini dapat membantu dan mengelakkan para mangsa dari melakukan sesuatu yang di luar batas kemanusiaan seperti membunuh diri atau tercebur kesarang pelacuran dengan cara memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada mereka yang terlibat. Kelas-kelas mempertahankan diri khusus untuk tujuan ini juga patut didirikan dengan lebih banyak lagi di bawah anjuran Kerajaan. Malahan kelas-kelas mempertahankan diri seperti ini

juga boleh diadakan di sekolah-sekolah untuk diikuti oleh para pelajar di bawah tunjuk ajar seorang jurulatih yang khas. Ini adalah penting memandangkan golongan remaja adalah di antara golongan yang paling ramai mengalami kes ini. Di dalam usaha membanteras kejadian rogol ini dari terus berleluasa, Kerajaan juga patut memberikan perhatian kepada pihak media massa tanpa mengira sama ada media massa tersebut berbentuk percetakan atau elektronik.

Adalah suatu kenyataan jika dikatakan salah satu sebab kejadian rogol ini adanya pengaruh media massa yang terlalu banyak memaparkan kesah perogolan, kesah keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Maka di sini amatlah diharapkan agar pihak media massa tersebut mengurangkan sedikit bahan-bahan cerita atau tulisan yang berorientasi jenayah seperti ini. Ini mungkin kerana akibat risalah-risalah dan berita-berita yang disiarkan seolah-olah perkara perogolan dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak seperti perkara biasa dalam kehidupan masyarakat di negara ini akan menambah lagi kejadian ini oleh golongan masyarakat yang bertopengkan nafsu haiwan, namun media massa ini amat digalakkan menerbitkan bahan-bahan tulisan yang mengandungi cadangan atau saranan kepada pihak Kerajaan atau langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kejadian rogol dan lain-lain kes jenayah.

Selain daripada itu juga Kerajaan perlu mengambil tindakan yang tegas untuk mengawal banjir video dan buku-buku lucah yang banyak berada di pasaran yang mana ia boleh menimbulkan perasaan ingin mencuba di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal ini saya menyarankan agar pihak Kerajaan sering menjalankan pemeriksaan secara mengejut dari satu kedai ke satu kedai yang menjual buku-buku dan tape video untuk memastikan para penjual

tidak menyalahgunakan fungsi kedai mereka. Denda atau saman yang berati sewajarnya dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah menjual buku dan tape video lucah. Saya pasti dengan adanya pemeriksaan yang rapi dan ini akan dapat mengurangkan sedikit-sebanyak kejadian jenayah di negara kita. Kini ini terpulanglah kepada pihak Kerajaan dan pihak berkaitan untuk mengatur langkah yang selanjutnya demi untuk membasmi penyakit sosial yang pada pandangan saya sudah ke tahap yang parah.

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit pindaan kepada seksyen 312 yang mana seorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan suatu kehamilan bukan hanya bagi maksud menyelamatkan nyawa tetapi juga dalam hal-hal di mana penerusan kehamilan itu akan melibatkan kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental wanita yang hamil itu. Saya ingin bertanya di sini dari segi pelaksanaan seksyen ini nanti supaya tidak disalahgunakan. Bila masakah atau di peringkat manakah kehamilan itu boleh ditamatkan dan dalam kes-kes jenayah perogolan, bagaimanakah seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh memastikan bahawa kehamilan berkenaan adalah akibat kes perogolan? Supaya amalan, dengan izin, abortion tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya, apakah sukatan-sukatan atau, dengan izin, safeguard yang boleh dilakukan untuk mengawal pelaksanaan seksyen 312 ini?

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan yang dibentangkan ini Kerajaan telah menaikkan hukuman dan denda sebagai deterrent, dengan izin, ke atas pelakunya kes-kes perogolan di negara ini. Walau bagaimanapun, saya ingin bercadang di sini supaya diperuntukkan iaitu sebarang perhubungan yang tidak sah

dilakukan diiktirafkan sebagai offence, dengan izin, dari segi undang-undang dan boleh dihukum.

Dengan itu saya ingin menyokong penuh Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5,23 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
Terima kasih, Tuan Speaker. Saya bangun untuk bercakap sedikit-sebanyak dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan).

Tuan Speaker, sepertimana Tuan (Timbalan) Speaker ada tahu sebagai seorang peguam, Kanun Keseksaan ada dengan kita lebih dari 100 tahun. Kanun Keseksaan jadi satu punca mustahak untuk kawal apa yang berlaku, apa yang tidak mengikut undang-undang dan dalam negara kita, Tuan Speaker, dalam pengalaman kita semua ada banyak kes-kes serius dan dalam kes-kes itu ada terlibat bukan orang awam sahaja tetapi juga orang atasan. Orang-orang atasan seperti Ahli-ahli Parlimen pun ada. Dalam Rang Undang-undang di hadapan kita sekarang banyak peruntukan yang menaikkan hukuman yang ada sekarang dan saya, sebagai seorang peguam mengalu-alukan peruntukan-peruntukan yang ada terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Satu contoh, Tuan Speaker, saya rujuk kepada Fasal 20. Fasal 20 bertujuan—bukan Fasal 20 sahaja tetapi hingga Fasal 22—saya baca apa yang ada dalam Huraian. Fasal 20 hingga 22 bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi berbagai kategori pecah amanah jenayah di bawah seksyen 406 hingga 408 masing-masingnya. Hukuman

bagi pecah amanah jenayah di bawah seksyen 406 adalah dinaikkan daripada 3 tahun kepada 10 tahun dan hukuman bagi pecah amanah jenayah oleh pembawa dan oleh kerani atau pengkhidmat di bawah seksyen 407 dan 408 adalah kedua-duanya dinaikkan daripada 7 tahun kepada 10 tahun.

Peruntukan ini, Tuan Speaker, adalah satu peruntukan yang baik, oleh kerana, apa yang saya kata tadi bahawa ada orang-orang atasan yang terlibat dalam apa yang ada dihalang oleh seksyen-seksyen yang terkandung dalam Fasal 20 hingga 22. Misalnya dalam Dewan yang mulia ini juga ada. Ada baru-baru ini seorang penjenayah yang sudah masuk di penjara Pudu, ada menghadapi satu pendakwaan dan di bawah pendakwaan itu ada dihukum, jikalau saya tidak silap, 8 bulan penjara oleh kerana ada terlibat dalam pecah amanah. Tuan Speaker, orang itu ialah Yang Berhormat dari Kuala Lipis, seorang Timbalan Menteri dan itu jadi pangkat atasan dalam fikiran saya, terlibat dalam pecah amanah dan ada didapati salah, ada masuk dalam Pudu, selepas hukuman sudah tamat, dia keluar dari Pudu dan masuk ke Dewan yang mulia ini, Tuan Speaker. Bolehkah ada keadaan seperti itu dalam Dewan yang mulia ini? Jikalau Dewan ini jadi satu Dewan yang mulia tidak ada tempat untuk orang seperti Yang Berhormat dari Kuala Lipis, tetapi beliau ada dalam Dewan ini. Tuan Speaker, saya merayu kepada Kerajaan untuk pinda apa yang ada dalam Perlembagaan dalam Perkara 48, Tuan Speaker, khususnya, kalau saya boleh baca apa yang ada dalam perkara itu, Tuan Speaker. Saya rujuk kepada Perkara 48 dan dengan izin, Tuan Speaker, jikalau boleh saya baca apa yang ada dalam Perkara itu dalam bahasa Inggeris:

"48. Disqualification for membership of Parliament (1)
Subject to the provisions of

this Article, a person is disqualified for being a member of either House of Parliament if-

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat, buku apa itu?

Tuan R. Karpal Singh: Perlembagaan. Minta maaf, Perlembagaan, Perkara 48 (1) (e).

"Subject to the provisions of this Article, a person is disqualified for being a member of either House of Parliament's if-

xx xxxxxx xxxxxx xxxxxx xxx
(e) he has been convicted of an offence by a court of law in the Federation (or, before Malaysia Day, in the territories comprised in the State of Sabah or Sarawak or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand ringgit and has not received a free pardon;"

Apa yang saya faham, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis, bekas. . . .

Tuan S. S. Subramaniam:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Hulu Selangor hendak apa?

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kuorum pula. Setiausaha tolong bilang. 15 Ahli sahaja. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana Yang Berhormat Ahli dari Hulu Selangor, dia ada berdiri dan bercakap tidak ada kuorum, sekarang ada kuorum, tidak payah saya hentam Yang Berhormat dari Kuala Lipis iaitu Ahli MCA.

Saya merujuk kepada Senator K. S. Nijhar. Tuan Speaker, saya merujuk sekarang kepada

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order. Perkataan "hentam" unparliamentary. Itu macam tum-buklah.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah buang masa atas satu orang yang "childish"!

Tuan Shahidan bin Kassim: Childish, childish tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau

Tuan Shahidan bin Kassim: Tarik balik "childish". Come on man! Tarik balik "childish"!

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada masa untuk budak-budak. (*Ketawa*) Ini satu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, Yang Berhormat dari Jelutong duduk, dua-dua sekali duduk. Kita baru ada cukup kuorum, jangan buat begini. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat, ini perkara "hentam" dibenarkan. Teruskan, Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tua tidak guna sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya merujuk sekarang Tuan Speaker kepada Fasal 25.

Dan saya baca apa yang ada dalam Huraian lagi sekali.

"Fasal 25 hingga 28 bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi berbagai kategori penipuan di bawah seksyen 417 hingga 420 masing-masingnya. Hukuman di bawah Seksyen 417 adalah dinaikkan daripada satu tahun kepada lima tahun dan bagi kesalahan-kesalahan menipu untuk menyebabkan kerugian salah kepada seseorang yang kepentingannya dilindungi oleh pe-salah, di bawah Seksyen 418 dan menipu dengan jalan samaran di bawah Seksyen 419 kenaikannya adalah daripada tiga tahun kepada tujuh tahun. Hukuman bagi menipu untuk mendorong penyerahmilikan harta di bawah seksyen 420 adalah dinaikkan daripada tujuh tahun kepada sepuluh tahun".

Saya mengalu-alukan, Tuan Speaker, Fasal 25 hingga 28 oleh kerana dalam Fasal ini ada peruntukan kenaikan hukuman.

Tuan Speaker, saya mohon beri satu contoh di mana satu Senator MIC, K.S. Nijhar ada buat satu penipuan baru-baru ini. Apa yang saya hairan, Senator ini ada mengaku dengan umum dalam suratkhobar, beliau bukan salahguna kuasa beliau sebagai seorang Senator tetapi ada menipu Kerajaan. Saya baca apa yang ada dalam *Star*, 4hb Mac tahun ini, Tuan Speaker.

Headingnya begini: Nijhar. I did not misuse my office. Apa yang terkandung dalam laporan ini Tuan Speaker, seperti berikut, dengan izin:

"MIC Disciplinary Committee Chairman, Dato' K. S. Nijhar has

denied that he misused both his public office and public property. The claim was made by expelled MIC Central Working Committee Member, R. Masalamani. Dato' K. S. Nijhar clarified that he has sent out about 900 invitations to his daughter's March 11 wedding at his own expense".

Ini yang mustahak. Di sini dia sudah mengaku satu kesalahan besar.

"I printed the envelopes at my own expense, he said. Adding the words "Urusan Seri Paduka Baginda" were printed on the envelopes. Mengaku ada cetak envelope ini dan ada perkataan-perkataan seperti "Urusan Seri Paduka Baginda" atas envelope itu. I have not done anything improper outside my privileges as a Senator, he said. Adding that those who accused him of abuse were totally unaware of the circumstances".

A clear admission, Tuan Speaker, dengan izin, atas satu kesalahan yang sudah dirujuk oleh Encik Masalamani kepada Timbalan Perdana Menteri tetapi sampai hari ini tidak ada apa-apa reaksi daripada Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kesalahan ini, kesalahan yang ada dibangkitkan dalam perkara ini oleh Senator K. S. Nijhar

Tuan S. S. Subramaniam: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor bangun tadi, hendak apa?

Tuan S. S. Subramaniam: Saya hendak penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah penjelasan. Ini orang dia mahu kacau sahaja, Tuan Speaker, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak beri. Tadi tidak cukup kourum, sekarang dia mahu penjelasan. (*Ketawa*)

Tuan Speaker, kesalahan yang disebut oleh saya tadi, pengakuan umum, "a public confession", ada diumumkan olehnya sendiri, bukan satu sampul surat, Tuan Speaker, 900. Jikalau 900, jadi ini 900 kesalahan. Ini jadi kaliber Ahli-ahli MIC khasnya dan Barisan umumnya. Bolehkah orang MIC di sini sekarang berdiri dan beri penjelasan? Saya beri peluang kepada kedua-dua pemimpin MIC di sini sekarang untuk berdiri dan mempertahankan penjenayah ini, boleh? Saya beri jalan sekarang.

Tuan S. S. Subramaniam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat tahu daripada Ahli Parlimen Jelutong ini walaupun beliau telah menyatakan kesalahan yang sedang ataupun telah berlaku tetapi pada pandangan kita, kesalahan ini tidak dibawa ke mahkamah dan tidak diambil tuduhan di atas Dato' K. S. Nijhar ini dan oleh yang demikian, saya dapat tahu bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini menegur perkara ini sebagai satu kesalahan dan apakah hubungan perkara ini dengan Akta ini?

Tuan R. Karpal Singh: Ada hubungan oleh kerana Fasal 25 sampai 28 ada berkaitan dengan kesalahan-kesalahan seperti ini dan apa yang saya kata tadi, saya mengalu-alukan kenaikan hukuman dan hukuman itu boleh jatuh ke atas satu penjenayah seperti K. S- Nijhar. Bukan K. S. Nijhar juga Tuan Speaker, ini ada salahguna kuasa sebagai seorang Senator, tetapi pemimpin-pemimpin terbesar sekali, pemimpin MIC ialah Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, Presiden MIC. (*Tepuk*)

Dia pun terlibat. Dia salahguna kuasa dalam perkara ini sebagai hantar kad-kad jemputan perkahwinan anaknya, serius juga. Ada lebih serius. Apa yang ada

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): (*Bangun*)

Tuan R. Karpal Singh: Cakaplah, jikalau mahu apa-apa. Ini berdiri sahaja. Tuan Speaker, jikalau saya rujuk kepada

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti. Yang Berhormat berdiri tadi minta apa?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan. Apa yang hendak tanya?

Tuan R. Karpal Singh: Saya ingat tidak payah, tidak ada masa.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Satu saja penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, jikalau saya boleh teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan. Dia tidak beri Yang Berhormat. Teruskan.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Penakut!

Seorang Ahli: Jangan!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, K. S. Nijhar telah menyalahgunakan kuasa beliau sebagai Senator. Dia mencetak envelope di atas Urusan Seri Paduka Baginda. Barangkali dalam kes Senator K. S. Nijhar, dalam fikiran saya ini adalah satu insult, dengan izin, kepada Yang di-Pertuan Agong. Satu penghinaan. Beliau tidak ada

Dato' Ismail bin Said: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order. Yang Berhormat duduklah.

Dato' Ismail bin Said: Seseorang ahli tidak boleh menyebut nama ahli lain.

Tuan R. Karpal Singh: Ini K. S. Nijhar celaka, bukan ahli Dewan Rakyat, dia tidak dipilih oleh rakyat. Ini "bad boy".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada masa.

Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menggunakan perkataan tidak baik kepada seorang Senator.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Perkataan apa, saya tidak dengar.

Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Celaka, kalau saya tidak silap.

Beberapa Ahli: Mana ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong ada sebut perkataan celakakah?

Tuan R. Karpal Singh: Ya, ada sebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Jika Tuan Speaker minta saya tarik balik, saya tarik balik. Saya hormat kepada Tuan Speaker. Tetapi Senator ini bukan orang baik. (*Tepuk*) Oleh kerana tidak dapat kebenaran daripada Yang di-Pertuan Agong untuk mencetak envelope ini dan menggunakan perkataan "Urusan Seri Paduka Baginda". Ini jadi satu kesalahan yang serius. Ada penglibatan Yang di-Pertuan Agong dalam perkara ini. Apa yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat dari Hulu Selangor, tidak ada apa-apa tindakan yang diambil terhadap orang ini. Oleh itu, tidak boleh dibangkitkan perkara ini dalam Dewan ini. Tuan Speaker

Dr Abdul Hadi bin Derani: Minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah. Saya pun tidak tahu siapa dia. Tidak payah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia Ahli Yang Berhormat. Boleh beri jalan?

Tuan R. Karpal Singh: Ketua Polis Negara. Boleh beri apa? Saya tidak tahu siapa dia. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat, dia Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Unidentified quantity. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya teruskan.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Takut!

Tuan R. Karpal Singh: Ketua Polis Negara boleh atas pengakuan yang dibuat oleh K. S. Nijhar ini. Dalam *STAR* tidak dapat dinafikan. Selepas

itu atas apa yang ada di sini. Pengakuan, satu confession. Ada terlibat dalam kesalahan ini. Ketua Polis Negara sendiri boleh tanpa laporan polis bertindak dalam perkara ini. Saya merayu kepada Ketua Polis Negara untuk serta merta ambil tindakan ke atas Senator ini. Ini bukan Senator yang baik atau satu wakil yang dipilih oleh Rakyat seperti apa yang saya cakapkan tadi. Ini seorang yang menyalahgunakan kuasa yang ada diberi kepadanya sebagai Senator. Dan apa yang saya katakan tadi bukan dia sahaja tetapi pemimpin pertama dalam MIC pun ada terlibat dalam perkara seperti ini. Dalam tahun 1981, Tuan Speaker, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam Malaysia ada menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan letterhead beliau. Ini ada bukti. Jikalau mahu tengok boleh mari di sini Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tengok boleh, bagi pihak dia,

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, duduk!

Tuan R. Karpal Singh: You are a child. Ini budak kecil, juvenile. Juvenile tidak ada hak untuk tanya bukti. Dia tidak ada terlibat dalam perkara ini. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta, you ingat Parlimen ini bapa you seorang penyakah? Saya tidak boleh minta! You jangan sebut budak kecil kepada saya, tahu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menggunakan bahasa yang biadap kepada Ahli yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat diam.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tanjung Rambutan punya tempat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya sambung? Ini perkara serius.

Tuan Shahidan bin Kassim: Seriuslah!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta semua Yang Berhormat duduk. Saya minta penjelasan tadi perkataan biadap yang mana.

Dato' K. Pathmanaban: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebut kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau sebagai "budak kecil", child dan sebagainya yang tidak sesuai digelar kepada seorang Ahli yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat! Saya rasa perkataan ini boleh dianggap sebagai satu perkataan yang unparliamentary dalam keadaan yang demikian.

Seorang Ahli: Tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Suruh saya tarik balik, saya boleh tarik balik. Itu tidak mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana kelakuan seperti itu, saya tidak ada jalan lain tetapi memanggil dia apa saja. (*Tepuk*) Kelakuan seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat sudah tarik balik, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya teruskan. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang takut

oleh kerana pemimpin dia sekarang mahu kena hentam dia mahu main sekarang. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Ada bukti. Timbalan Menteri Kesihatan yang ada dihentam oleh pemimpin terbesar sendiri. Saya mahu sue dia sekarang. Dia mahu mempertahankan. Dia sekarang jikalau mahu, boleh berdiri. Ada bukti.

Dato K. Pathmanaban: Saya tidak pernah sue kepada Dato Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Tidak pernah.

Tuan R. Karpal Singh: Apa itu?

Dato K. Pathmanaban: Saya tidak pernah sue kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Tuan R. Karpal Singh: Sue isteri dia.

Dato K. Pathmanaban: Saya tidak sue isteri dia.

Tuan R. Karpal Singh: Isteri dia yang jadi satu pengarah dalam *Tamil Nesan*.

Dato K. Pathmanaban: Ini cerita sudah jadi Ramayana. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Ada, bukan? (*Ketawa*) Tidak mengaku.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat saya nampak

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, dia bawa soalan, balas terus sudah habis. Hancur! Sudah mengaku! Ya, ada? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk! Saya nampak Yang Berhormat ini garang benar hari ini. Saya minta

Yang Berhormat teruskan ucapan, kalau tidak saya terpaksa menghadkan ucapan Yang Berhormat supaya dituju kepada tajuk, jangan tuju kepada orang itu, orang ini. Ini menyebabkan mereka ini berlawan dengan kita.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya bukan cari pasal, dia cari pasal.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Elok kita dengar nasihat Tuan Yang di-Pertua pada hari semalam. Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, baik Speaker. Saya terima nasihat dan saya teruskan.

Menteri Kerjaraya, apa yang saya cakap tadi, Tuan Speaker, ada salah guna kuasa beliau sebagai Menteri Kerjaraya dalam tahun 1981. Saya baca apa yang ada dalam surat ini yang beliau hantar kepada peguam beliau atas letterhead, dengan izin.

Tuan S. S. Subramaniam: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ulu Selangor hendak apa.

Tuan S. S. Subramaniam: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau penjelasan, tidak.

Tuan S. S. Subramaniam: Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua telah menjelaskan bawa seorang Ahli tidak boleh menggunakan Dewan yang mulia ini untuk mencari cheap political publicity

Tuan R. Karpal Singh: Not cheap-
endivence!

Tuan S. S. Subramaniam: Saya haraplah pihak

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor duduk. Yang Berhormat teruskan. Cuba ringkaskan, ramai lagi yang hendak bercakap ini, sebab topik ini elok. Dalam Kanun Keseksaan ini banyak perkara-perkara.

Tuan R. Karpal Singh: Betul, tetapi ini ada bukti atas apa yang ada, ini contoh

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya teruskan. Beliau gunakan letterhead, Tuan Speaker, letterhead beliau, official letterhead sebagai Menteri Kerjaraya

Dato' Ismail bin Said: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, on a point of order.

Dato' Ismail bin Said: Seseorang Ahli tidak boleh bercakap mengenainya di mana ia mempunyai kepentingan kewangan tanpa dia menyebut sebanyak mana kepentingan dia di dalamnya. Jadi saya percaya mungkin Yang Berhormat dari Jelutong ada kepentingan kewangan dalam kes ini. Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan sebanyak mana ada kepentingan kewangan dalam kes yang disebutkan tadi.

Tuan R. Karpal Singh: Kes apa itu? Ini

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa yang dia hendak, adakah apa-apa monetary benefit dalam kes Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang dicontohkan ini, Tuan Speaker, Menteri Kerjaraya gunakan official

letterhead, dengan izin, untuk tulis kepada peguamnya sendiri, bukan kepada saya. Betul, ini jadi satu dokumen dalam satu kes di mahkamah di mana saya ada jadi peguam orang yang tuntutan Menteri Kerjaraya ini, Tetapi ini jadi satu dokumen yang tidak ada disputed.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dia ada kepentingan dan saya minta beliau mengatakan sebanyak mana kepentingan dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, adakah perkara ini masih dalam pertimbangan mahkamah?

Tuan R. Karpal Singh: Ada dalam pertimbangan mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Court trial

Tuan R. Karpa) Singh: No, no Tuan Speaker, jangan jump the gun. Ada dalam pertimbangan mahkamah tetapi tidak melanggar 36 (2). Saya baca apa yang ada dalam 36 (2). Ini sudah jadi satu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat saya tahu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya baca apa yang yang ada dalam 36 (2)—"Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu". Dan dalam bahasa Inggeris, Tuan Speaker

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, begini

Tuan R. Karpal Singh: No, ini satu, "36 (2) Reference shall not be made to any matter which is *sub judice* in such a way as might in the opinion of the

Chair prejudice the interests of parties thereto".

Tuan S. S. Subramaniam: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia pun sebut point of order juga.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang mustahak, Tuan Speaker, phrase ini "as might in the opinion of the Chair prejudice the interests of parties thereto." Opinion of the Chair, betul. Jikalau Tuan Speaker buat satu ruling ini jadi satu perkara ada dalam pertimbangan mahkamah yang tidak boleh disebut, saya terima. Tetapi apa yang saya mahu merayu sekarang, Tuan Speaker, ini jadi satu dokumen yang tidak disputed—bukan disputed.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk sekejap. Saya faham apa Yang Berhormat cuba bangkitkan tetapi walau macam mana pun dalil yang dibawa ke dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat, perkara ini dalam pertimbangan mahkamah dan elok kita tidak sentuh. Kalau pun Yang Berhormat sudah sentuh memadai dengan apa yang diucapkan tadi. Teruskan dengan benda-benda lain pula. Memadai Yang Berhormat sebut perkara ini tunjuk tiga empat kali surat ke sana ke mari saya rasa memandai untuk membuat satu point yang jelas Yang Berhormat sudah buat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, point yang saya mahu buat, Tuan Speaker, sudah dibuat barangkali.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu sudah beri, sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh:..... ada salah guna kuasa oleh bukan Senator ini juga tetapi Menteri Kerjaraya pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya ingat sudah banyak kali Yang Berhormat sebutkan.

Tuan R. Karpal Singh: Dan saya ada bukti di sini jikalau ada Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor mahu tengok apa yang ada dalam surat-surat ini, boleh sekarang.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak payah tengok surat itu.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak berani tengok oleh kerana. . . .

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini menggunakan kuasa Dewan yang mulia ini untuk kepentingan sendiri sahaja oleh kerana dia menjadi peguam kepada kes ini dan beliau mahu menggunakan kuasa ini. Ini pun satu kesalahan saya rasa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya sudah buat ruling tadi, dia teruskan benda-benda lain.

Tuan R. Karpal Singh: Barangkali kesalahan, tetapi kesalahan dalam Dewan ini juga, bukan kesalahan seperti satu penjenayah, seperti K. S. Nijhar dan Menteri Kerjaraya. Ini penjenayah kedua-dua ini. Itu point yang saya mahu buat dalam Dewan yang mulia ini. Mana Menteri ini? Dia tidak berani hadir di dalam Dewan ini atau tidak ada barangkali.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli dari Jelutong tadi mengatakan bahawa Menteri Kerjaraya dan Senator penjenayah. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Dua-dua.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya rasa ini perkataan yang tidak patut dikeluarkan di sini.

Tuan R. Karpal Singh: Itu dalam fikiran saya oleh kerana saya ada bukti. Dalam fikiran saya dua-dua penjenayah! Dalam tahun 1982, Tuan Speaker, saya. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . . .

Dr Abdul Hadi bin Derani:
(Bangun)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti, duduk semua!

Tuan Abdul Rahmah bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah melampau ini.

Dr Abdul Hadi bin Derani: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti, duduk semua. Saya ingat Yang Berhormat dari Jelutong gunakan perkataan yang lebih baik lagi. Kalau sekiranya Yang Berhormat memikirkan jenayah dan sebagainya Yang Berhormat lapor kepada Polis sahaja, biar Polis mengambil tindakan. Jangan gunakan kebebasan kita, berucap dalam Dewan ini untuk mengeluarkan apa yang kita fikirkan sedap sahaja. Yang Berhormat teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Tahun 1982, Tuan Speaker, di kerusi ini juga sebagai Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 22hb Oktober, tempat ini, barangkali bukan masa serupa, tetapi 22hb Oktober, 1982, saya ada membangkitkan perkara ini di sini dan saya ada membuat satu tuduhan atas Menteri Kerjaraya, saya ada panggil dia satu orang penipu, ada menipu

orang yang sudah mati, Sangalee anak lelaki Veeran. Saya ada buat percakapan itu di sini. Masa itu.

Tuan S. S. Subramaniam: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh. jikalau point of order.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sedang menggunakan nama Yang Berhormat dari Sungai Siput ini. Ini saya rasa dia tidak boleh gunakan nama Yang Berhormat itu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak sebut nama pun tadi. Menteri Kerjaraya, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Tuan S. S. Subramaniam: Ada gunakan nama tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nama apa itu? Saya tidak berapa dengar.

Tuan S. S. Subramaniam: Tanya sama dia, dia tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada sebut nama atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Saya ingat saya tidak sebut. Jikalau saya ada sebut saya tarik balik. Tetapi saya ingat saya tidak. Menteri Kerjaraya, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, beliau sekarang

sedang bohong dalam Dewan yang mulia ini,.

Tuan R. Karpal Singh: Saya bukan bohong.

Tuan S. S. Subramaniam: Beliau menggunakan satu perkataan Sangaleemuthu tadi.

Tuan R. Karpal Singh: Saya bukan bohong, Tuan Speaker. Orang yang bohong tidak ada sini hari ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Adakah Yang Berhormat Jelutong menggunakan Sangaleemuthu tadi?

Tuan R. Karpal Singh: You are an idiot, I think.

Tuan S. S. Subramaniam: You are a bigger idiot! Tarik balik. Panggil dia tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Sangaleemuthu a/ Veeran.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat-Yang Berhormat, duduklah! Makin lama makin hot kita ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker.

Timbalan Tang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong, duduk. Semua duduk. Kita ini makin lama makin hot, tidak tahu pasal apa hari ini. Jadi, saya minta Yang Berhormat supaya membawa hujah-hujah dengan cara yang tenang. Kemudian saya minta Yang Berhormat pendekkan ucapan sebab sudah lebih daripada setengah jam, sebab ramai lagi yang hendak berucap. Besok kita ada sehari sahaja lagi. Ringkaskanlah. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuduhan bohong itu tidak betul. Ada rekod, Tuan Speaker, saya tidak sebut nama tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak apa, tidak apa. Saya terima.

Tuan R. Karpal Singh: Saya sebut Sangalee anak lelaki Veeran, orang yang kena tipu oleh Menteri Kerjaraya. Orang yang bohong di sana, bukan di sini, atas perkara itu. Saya teruskan, Tuan Speaker.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia hendak teruskan. Janganlah sebutkan lagi benda-benda ini. Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam masa itu, Tuan Speaker, 22hb Oktober, 1982 apabila saya ada buat tuduhan, tuduhan serius itu, sebagai peguam saya tahu jikalau saya buat tuduhan di sini saya tentu berani buat tuduhan itu di luar dari Dewan dan masa itu Menteri ini, Tuan Speaker, ada cabar saya untuk buat, untuk cakap apa yang saya cakap dalam Dewan yang mulia ini di luar Dewan ini. Dan saya ada buat. Saya sudah buat, apa yang saya cakap di sini saya cakap di luar dalam satu mesyuarat di Chinese Assembly Hall. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order, 36 (1)—"Seorang Ahli hendaklah menghadkan per-cakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu". Yang kita bincangkan daripada tadi saya lihat Ahli dari Jelutong membahaskan Fasal 25 hingga 28 iaitu mengenai masalah kes penipuan. Yang dia dahulu cerita hijau semua sekali ini fasal apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduk macam mana, Tuan Yang di-Pertua. Ini sudah keluar daripada Standing Orders.

Beberapa Ahli: Ouduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, duduk sekejap. Yang Berhormat dari Jelutong ada menyebut seksyen-seksyen yang berkenaan tetapi apa yang disebutkan tadi adalah contoh-contoh. Tetapi saya rasa contoh-contoh itu sudah banyak sangatlah. Cuba pergi kepada perkara yang lain.

Tuan R. Karpal Singh: Saya pendekkan, Tuan Speaker. Seminggu selepas 22hb Oktober, 1982 saya ada mengumumkan apa yang saya cakapkan dalam Dewan ini di luar Dewan di Chinese Assembly Hall, dengan izin. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan R. Karpal Singh: On a point of order atau penjelasan, Tuan Speaker?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa point of order saya tidak dipakai—36 (1), apa masalahnya?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk. Saya Pengerusi, saya Yang di-Pertua, ya.

Beberapa Ahli: Hear! Hear!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak apa, lepas ini saya bangun lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cuba pergi kepada perkara-perkara lain, sebab contoh

Yang Berhormat sudah banyak sangat saya dengar. Pergi kepada perkara lain, saya percaya Yang Berhormat banyak lagi perkara-perkara lain yang hendak disebut.

Tuan R. Karpal Singh: Ada. Tuan Speaker, ada orang di sini yang mahu merampas kuasa Tuan Speaker. (*Ketawa*) Kena jaga-jaga.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak apa, Yang Berhormat dari Jelutong ada jaga saya. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Saya tentu jaga Tuan Speaker, bila-bila pun boleh. Saya mempertahankan Tuan Speaker sebagai Pengerusi, (*Ketawa*) (*Tepuk*). Saya bagi amaran kepada sesiapa yang cuba rampas kuasa Tuan Speaker, saya hentam dia. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti dahulu. Dia sokong saya tetapi dia tidak boleh rampas kuasa saya pula. (*Ketawa*) Apa yang dia buat ialah cuba hendak merampas kuasa Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Jelutong, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya pendekkan perkara ini, Tuan Speaker. Apabila saya ada mengumumkan apa yang saya ada cakapkan di sini iaitu tuduhan penipuan ke atas Menteri Kerjaraya iaitu beliau dalam bulan Oktober, 1982 ada masuk satu kes dalam Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur.

Tuan Speaker, dalam bulan Mac 1983 jikalau tidak silap, mengikut satu summons for direction, beliau telah diberi dua bulan untuk masukkan kes itu dalam fixing list untuk membolehkan kes itu dibicarakan dalam mahkamah Kuala Lumpur.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Arau?

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order 36 (1). Tuan Speaker hendak benarkan macam inikah ataupun lepas ini kitapun hendak bawa kes yang sama kami sebab.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ini jadi kurang ajar. Adakah macam ini hendak dibuat terhadap Speaker? Bolehkah dia cakap macam itu, Tuan Speaker? Ini contempt of the Speaker barangkali.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti, duduk dahulu! Beri Ahli Yang Berhormat dari Arau bercakap dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau point of order, ianya mesti mengikut peraturan tetapi bukan "insult" Speaker.

Tuan Shahidan bin Kassim: Anak haram, tarik balik perkataan "kurang ajar". (*Disampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Ini. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa kurang. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! (*Disampuk*) Ahli dari Jelutong, duduk, sit down! Duduk, Ahli dari Arau! Yang Berhormat dari Jelutong, saya bagi lima minit sahaja—five minutes more. (*Disampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Tidak apa, saya teruskan. Tidak ada masa, oleh kerana jikalau satu orang jadi gila, tak payah balas dengan dia. Tak payah, saya ada perkara serius di hadapan saya dalam Dewan ini. Apa yang saya

cakap tadi, Tuan Speaker, iaitu Menteri ini telah diberi 60 hari atau dua bulan untuk dia memasukkan kes itu dalam fixing list.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua walaupun. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Apa ini? Point of order atau apa ini, Tuan Speaker?

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Apakah point of order itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Apakah Tuan Yang di-Pertua, hendak membenarkan perkataan unparliamentary digunakan di sini? (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong, duduk. Dua-dua duduk. Nanti saya benarkan Ahli dari Arau bercakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah kita hendak benarkan perkataan "gila" dan "kurang ajar" digunakan dalam Dewan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta

Seorang Ahli: Tarikh balik "anak haram".

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, saya boleh, itu bahagian saya, tetapi bahagian dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, hendak apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta dia tarikh balik perkataan "kurang ajar" dan "gila".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat dari Jelutong, sila tarik balik perkataan "gila" dan "kurang ajar",

Tuan R. Karpal Singh: "Anak haram" boleh? "Anak haram" boleh digunakan dalam Dewan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Dia ada gunakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tarik balik dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Jika Tuan Speaker suruh saya tarik balik, saya tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat—Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat dari Arau, tarik balik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Tuan Speaker suruh tarik balik, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, teruskan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, dua minit lagi tinggal—two more minutes.

Tuan R. Karpal Singh: Sebagai seekor monyet, dia ikut sahaja. Saya kata jikalau Tuan Speaker suruh saya tarik balik, saya tarik balik. Monyet pun cakap serupa juga, begitulah. (*Ketawa*)

Saya rujuk kepada apa yang ada sekarang

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta dia tarik balik perkataan "monyet".

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta kerbau ini tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, duduk! Yang Berhormat dari Jelutong, tarik balik perkataan "monyet".

Tuan R. Karpal Singh: Saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau!

Tuan Shahidan bin Kassim: All right, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Sebagai monyet, tentu dia tarik balik. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebagai kerbau, saya tarik balik. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak payah, sudah tarik balik semuanya. Sudah puas hati? Minta duduk, ya! Saya minta Ahli dari Jelutong gulungkan ucapannya.

Tuan R. Karpal Singh: Seperti apa yang saya katakan tadi, Tuan Speaker, dalam dua bulan telah diberi oleh mahkamah kepada Menteri ini tidak membuat apa-apa. Beliau langgar perintah mahkamah itu sampai sekarang. Saya tidak ada jalan lain tetapi membuat satu permohonan dalam mahkamah untuk.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat?

Tuan S. S. Subramaniam: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua telah arahkan dia menggulung tetapi dia balik kepada

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu dia tengah menggulunglah.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya menggulunglah ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Itu bukan gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Baru-baru ini, Tuan Speaker, saya terpaksa membuat satu permohonan untuk dismiss the suit for want of prosecution, dengan izin, oleh kerana limitation period pun sudah habis — enam tahun. Mengikut undang-undang, seseorang ada enam tahun dalam mana kena tuntutan untuk menjalankan kes itu sampai habis tetapi Menteri ini tidak berani mengambil peluang yang telah diberi oleh mahkamah kepadanya atau jikalau selepas habis 60 hari ada maksud-maksud lain mengapa beliau tidak boleh mengikut perintah ini, boleh mendapat lanjutan masa ini. Tetapi beliau tidak membuat permohonan seperti itu. Kenapa? Saya boleh conclude, dengan izin, Tuan Speaker, dia tidak berani, oleh kerana dia jadi seorang yang tahu dia ada menlpu Sangalee a/1 Veeran.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Cukup? All right. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

6.10ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya

bangun untuk berbahas dan memberi sedikit pandangan di bawah Akta dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989.

Saya sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang berjiwa rakyat bukan seperti Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang gunakan kuasa Dewan yang mulia untuk publisiti yang murah (*Tepuk*), untuk mencari jalan sebagaimana beliau menjalankan urusan dia untuk menang dalam pilihanraya yang akan datang. Inilah tujuan ucapan Yang Berhormat dari Jelutong ini, bukan untuk membawa manfaat dan juga untuk membawa kepentingan rakyat kepada Dewan yang mulia ini. Dari ucapan dia, saya telah mendengar tadi tidak ada satu hujah pun yang boleh digunakan untuk kepentingan rakyat kita, hanya semua ucapan beliau ialah digunakan untuk kepentingan sendiri sahaja di dalam satu kes yang telah dibentangkan ke mahkamah.

Tuan Hu Sepang: Point of order, Tuan Speaker, 36 (1). Apa berkaitan dengan Rang Undang-undang ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor, teruskan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Peftua, kaitan ini seperti kaitan Yang Berhormat dari Jelutong dengan Rang Undang-undang ini. Itulah sama sahaja dengan ucapan Yang Berhormat dari Jelutong dengan Akta pindaan ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin membawa kepada Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak pandangan yang saya rasa akan menggunakan rakyat kita untuk mementingkan kepentingan rakyat kepada hal-hal yang akan datang pada masa akan datang.

Saya terlebih dahulu mengalukan tujuan Akta ini iaitu untuk menaikkan hukuman penjara kepada

pesalah-pesalah berhubung dengan beberapa jenis jenayah dan kesalahan rogol. Semasa saya menyokong dengan sepenuhnya kenaikan hukuman penjara, saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebab apa keadaan kes-kes seks seperti ini dalam masyarakat kita telah bertambah sehingga satu Akta seperti ini diperlukan untuk menjaga kepentingan masyarakat kita. Sebab apakah kes-kes seks dan jenayah telah bertambah dalam beberapa tahun yang lampau. Pada tahun 1960an dan 1970an apabila kita buka suratkhbar yang berada di negara kita, kita jarang ternampak kes-kes seperti ini tetapi pada masa kini kita terdapat satu muka setiap dalam suratkhbar penuh dengan kes-kes yang berada di hadapan mahkamah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya satu keadaan yang tidak sihat sedang berlaku dalam masyarakat kita dari segi moralnya dan pada pandangan saya ini boleh berlaku dengan tiga sebab-sebab.

Sebab yang pertama ialah kadar pengangguran yang tinggi pada masa kini dan yang sedang dan telah bertambah pada 4 atau 5 tahun yang lampau.

Sebab yang kedua, penutupan peluang pelajaran tinggi kepada sebahagian murid-murid khasnya dari golongan bukan Bumiputera yang masih berminat untuk melanjutkan pelajarannya tetapi tidak diberi kemudahan Kerajaan ataupun tidak mempunyai kemudahan kewangan untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri ataupun di dalam negeri.

Sebab yang ketiga, pelajaran dan prinsip-prinsip agama yang tidak diajarkan kepada anak-anak kita pada awal-awalnya. Walaupun saya terdapat bagi kaum Bumiputera beberapa sekolah-sekolah agama telah pun diwujudkan tetapi kepada kaum bukan Bumiputera tindakan dan peruntukan

untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti ini masih tidak memuaskan dan seterusnya tidak dapat sokongan daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab yang pertama sedang diselesaikan oleh Kerajaan dengan ekonominya yang sedang bertambah baik pada masa kini.

Perkara yang kedua harus diselesaikan oleh Kementerian Pendidikan dengan pemberian lebih peluang pelajaran tertinggi kepada murid-murid bukan Bumiputera. Maka jika mereka tidak dapat memasuki ke universiti-universiti sudah cukuplah dapat memasukkan ke sekolah-sekolah teknikal ataupun vokasional. Di sini saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk jangan menggunakan sistem kuota untuk sekolah-sekolah teknikal dan vokasional yang berada di negara kita dan memberi peluang kepada semua yang mendapat kuasa untuk masuk ke dalam sekolah teknikal dan vokasional.

Perkara yang ketiga hanya boleh diselesaikan dengan satu sikap yang terbuka oleh Kerajaan terhadap aktiviti-aktiviti agama yang bukan Islami yang berada di negara kita. Kerajaan harus memberi lebih kemudahan dan lebih peruntukan untuk penduduk-penduduk yang bukan Bumiputera yang berada di negara kita untuk mengambil bahagian dan mengamalkan sistem agama-agama mereka. Saya dapati di beberapa kawasan-kawasan di seluruh negara kita beberapa kakitangan Kerajaan menganggap sebagai haram untuk meluluskan tanah ataupun kemudahan ataupun peruntukan untuk aktiviti-aktiviti agama bukan Islam dan saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan mengkaji dengan sedalam-dalamnya keadaan ini dan mengeluarkan satu arahan yang sewajarnya kepada semua pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya berpendapat tindakan-tindakan seperti tersebut walaupun boleh mengurangkan kejadian jenayah tetapi tidak boleh menyelesaikan semua masalah-masalah berkaitan dengan moral masyarakat kita. Pada hemat saya satu sistem yang lebih berkuasa seperti "National Service", dengan izin, seperti yang berlaku di beberapa negara maju untuk membolehkan pemuda-pemuda kita mempelajari dan mengamalkan satu sistem berdisiplin dan bermoral dalam kehidupan mereka harus diadakan. Saya mohon kepada Kerajaan untuk mengemukakan satu sistem "National Service" seperti yang diamalkan oleh Kerajaan Singapura. Baru-baru ini saya telah melawat negara Singapura dan juga negara Korea Selatan dan saya diberi peluang untuk membincang perkara ini dengan beberapa pihak pemuda-pemuda dan saya dapat tahu sikap yang amat positif dari kalangan pemuda-pemuda dari negara-negara tersebut diwujudkan dengan sistem "National Service" yang sedang diamalkan oleh negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang ini dalam kes-kes rogol, saya bersetuju sangat tentang Fasal 7 khasnya mengenai keizinan seorang wanita yang bukan sah dalam kes rogol tetapi saya ingin mencadangkan dua kategori lagi ditambah kepada Fasal 7, iaitu yang pertama persetujuan dengan seorang wanita yang dirogol pada masa ia dalam tahanan polis oleh seorang anggota polis harus dianggap sebagai rogol "statutory". Wanita itu tidak boleh dianggap sebagai seorang yang telah memberi keizinan untuk seks itu kerana berbagai insentif atau ugutan digunakan oleh polis dalam suasana lokap itu. Kes-kes seperti ini telah berlaku di negara kita dan adalah susah untuk wanita itu membuktikan bahawa polis itu telah menggunakan ugutan.

Yang kedua dalam kes wanita itu menghadapi penyakit psychiatric baik dalam tempat lindungan ataupun dalam hospital ataupun di rumah dan sebagainya. Sebarang persetubuhan seks dengannya oleh sesiapa yang bukan suaminya hendaklah dianggap sebagai rogol "statutory" wanita seperti ini tidak boleh dianggap dalam keadaan yang cukup sedar mengenai keizinan persetubuhan seks itu dan hendaklah diberi perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan ini ialah untuk menggunakan rakyat kita dan juga kepentingan rakyat jelata dan juga pemuda-pemuda kita dan bukan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Jelutong hanya untuk kepentingan beliau sahaja. Saya ingin memohon kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebagaimana kita boleh memasuki ke asal ataupun punca kejadian jenayah-jenayah dan juga rogol-rogol tersebut dan untuk menyelesaikan masalah pokok itu dan bukan untuk mencari jalan sebagaimana kita boleh menaikkan masa penjara dan seperti itu untuk menyelesaikan masalah ini oleh kerana ini tidak akan menyelesaikan masalah ini. Hanya ini akan menjadi satu perkara yang beliau boleh ingat sahaja tetapi apabila mereka ada dalam keadaan seperti Yang Berhormat dari Arau telah katakan tadi dalam mana semangat telah naik, beliau tidak ingat dengan pindaan Akta ini tetapi ingin menggunakan hanya perasaan beliau dan kita tidak boleh menyalahkan mereka di atas perkara ini oleh kerana mereka masih muda lagi. Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada pihak Kementerian untuk menjaga di atas kepentingan pemuda-pemuda kita dan mohon menyokong pindaan Akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.20ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989, sebagaimana yang dibentangkan di Parlimen, bertujuan untuk menaikkan hukuman berkaitan kesalahan-kesalahan mengenai penyeksaan ke atas kanak-kanak, rogol, kekerasan jenayah untuk mencabul kehormatan, mencuri, peras ugut, jenayah, pecah amanah, menyimpan barang-barang curi, penipuan dan fraud.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya dapat menyokong Rang Undang-undang ini dan sokongan ini atas sebab saya berpendapat bahawa kita tidak mahu membiarkan begitu sahaja pelbagai kesalahan yang saya sebut awal tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri tatkala membentang Rang Undang-undang ini berkata bahawa Kerajaan memutuskan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kerana hukuman-hukuman yang dikenakan pada masa kini ke atas mereka melakukan kesalahan adalah tidak mencukupi dan tidak boleh bertindak sebagai satu pencegahan daripada melakukan atau mengulangi kesalahan-kesalahan tersebut. Beliau memberikan sebab betapa perlunya dikenakan satu hukuman mandatori, minimum penjara 5 tahun bagi kesalahan-kesalahan rogol memandang terdapat tanda-tanda keskes rogol semakin bertambah sepanjang tahun.

Sebagai contoh, dalam tahun 1988, bilangan kes rogol yang dilaporkan ialah 611 kes berbanding dengan 368 kes dalam tahun 1980 sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan apabila mengemukakan Rang Undang-undang ini dan ini tidak mengambil kira bilangan kes yang tidak dilaporkan kerana mangsa-mangsa dan keluarga mereka terpaksa bertindak untuk mengelakkan publisiti. Maka dengan

mengambil pertimbangan penderitaan jasmani dan mental yang dialami oleh mangsa-mangsa rogol maka saya menyokong tindakan mengenakan satu hukuman penjara mandatori lima tahun. Dalam semangat yang sama saya juga melafazkan persetujuan saya dengan tindakan mengenakan hukuman yang lebih berat bagi mereka yang melakukan kekerasan jenayah untuk mencabulkan kehormatan seseorang menerusi kekerasan jenayah dan juga mereka yang terlibat untuk memperkosa kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan dalam membahaskan Rang Undang-undang ini untuk membangkitkan satu masalah atau satu isu yang saya anggap sangat penting untuk masyarakat kita dan saya ingin melahirkan perhatian serius dan kebimbangan kami mengenai peningkatan dalam kes-kes penyeksaan kanak-kanak. Kami telah membaca laporan-laporan kanak-kanak dibunuh, diperkosa dan juga dicabuli ataupun yang terjebak ke dalam kancan pelacuran dan beberapa kanak-kanak yang terlibat adalah di bawah umur 14 tahun. Dari angka ini bukanlah angka yang terakhir, terdapat 33 kes penyeksaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada polis dalam tahun 1987. Dari jumlah ini 13 kes berkaitan dengan rogol, 15 kes berkaitan percubaan perkosaan dan satu kes kematian. Sehingga Mei, 1988, 23 kes dilaporkan kepada Polis dan dari jumlah ini 13 kes berkaitan rogol, 7 kes berkaitan percubaan mencabul kehormatan dan 2 kes kematian. Ini

bukanlah angka-angka terakhir yang dapat saya sampaikan untuk perhatian Dewan, dan saya pasti jika angka terakhir diperolehi ia semakin meranjatkan ataupun membahayakan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947, mereka yang didapati bersalah kerana menyeksa kanak-kanak adalah dihukum penjara selama 2 tahun atau didenda \$5,000 atau kedua-duanya sekali. Hukuman seumpama ini memang tidak memadai ataupun mencukupi. Saya suka menggesa bahawa hukuman pencegahan hendaklah dikenakan ke atas mereka yang menyeksa kanak-kanak. Saya rasa bahawa Fasal 11 Rang Undang-undang ini yang bertujuan membawa hukuman penjara maksimum 5 tahun bagi mereka yang melakukan kesalahan atau merangsang seorang kanak-kanak untuk melakukan suatu perbuatan kelucahan melampau adalah tidak cukup apabila dilihat dalam konteks untuk mengambil lebih banyak langkah-langkah positif bagi melindungi kanak-kanak dari semua bentuk penyeksaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.